**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN NORLIZA BINTI ABDULLAH MENGENAI PERJALANAN HIDUP DALAM INDUSTRI SENI

**NUR AMIRA BINTI SOLIHAN**
**2019230928**
**NUR SUHAIMAH BINTI MAT DIAH**
**2019219564**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2021- FEBRUARI 2022**

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN


| | | M/S |
|---|---|---|
| | Abstrak | iv |
| | Penghargaan | vii |
| | Senarai Abreviasi | ix |
| | Senarai Singkatan | xi |
| | Rujukan Kata | xiii |
| 1.0 | Biodata Penemubual | 1 |
| | 1.1 Penemubual Pertama | 2 |
| | 1.2 Penemubual Kedua | 3 |
| 2.0 | Biodata Tokoh | 4 |
| | 2.1 Biodata Tokoh | 5 |
| | 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh | 6 |
| 3.0 | Sejarah Lisan | 8 |
| | 3.1 Pengenalan | 9 |
| | 3.2 Objektif Kajian | 10 |
| | 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan | 11 |
| 4.0 | Kajian Literatur | 12 |
| | 4.1 Topik 1 | 12 |
| | 4.2 Topik 2 | 13 |
| 5.0 | Transkrip Temubual Bersama Tokoh | 14 |
| 6.0 | Log Temubual | 101 |
| 7.0 | Ralat | 113 |
| 8.0 | Glosari | 115 |
| 9.0 | Indeks | 118 |
| 10.0 | Bibliografi | 128 |
| 11.0 | Lampiran | 132 |
| | 11.1 Biografi Tokoh | 133 |
| | 11.2 Surat Perjanjian | 134 |
| | 11.3 Senarai Soalan | 135 |
| | 11.4 Diari penyelidikan | 142 |
| | 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan | 145 |

## SENARAI RAJAH

M/S

| | |
|---|---|
| Rajah 1: Surat Perjanjian | 134 |
| Rajah 2: Sesi Penyampaian Cenderamata | 145 |
| Rajah 3: Penemubual dan Videographer bersama Liza Abdullah | 145 |
| Rajah 4: Pemenang Kategori Watak Antagonis Popular | 146 |
| Rajah 5: Pemenang Pelakon Antagonis Terbaik | 146 |

# ABSTRAK

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN NORLIZA BINTI ABDULLAH MENGENAI PERJALANAN HIDUP DALAM INDUSTRI SENI**

## ABSTRAK

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS VETERAN

## MENGENAI PERJALANAN HIDUP DALAM INDUSTRI SENI

ABSTRAK: *Transrip ini membincangkan hasil temu bual pengalaman seorang tokoh artis veteran iaitu Liza Abdullah yang telah melibatkan diri beliau di dalam industri hiburan sejak muda lagi dek kerana minat beliau terhadap bidang nyanyian dan bakatnya yang tidak disangka-sangka dalam bidang lakonan membuatkan beliau masih kekal relevan dalam industri hiburan sehingga kini. Beliau memulakan kerjaya seninya dengan bakat nyanyian yang telah diperolehi sejak kecil lagi, kemudian mengorakkan langkah beliau dengan menyertai bidang lakonan yang telah menjadikan beliau artis seni yang begitu berbakat sekali. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dan kecaman yang perlu dihadapi sepanjang melibatkan dirinya dalam industri seni hiburan ini beliau tetap kuat dan cekal dalam mengharungi semua cabaran itu. Dengan usaha dan bakat yang ditunjukkan dalam penglibatannya sepanjang bergelar anak seni beliau telah menerima beberapa augerah yang akan menjadi ingatan dan kenangan manis dalam hidup beliau. Di samping itu, dalam menyentuh sedikit mengenai latar belakang tokoh yang telah banyak memberikan perkhidmatan dan pelbagai sumbangan dalam memartabatkan lagi industi seni hiburan di negara ini. Tambahan itu selaras dengan objektif kajian, temu bual ini dijalankan bagi mengupaskan mengenai pengalaman pahit, manis mahupun kejadian yang tidak boleh dilupakan yang pernah dihadapi oleh tokoh tersebut sepanjang bergelar anak seni. Selanjutnya, sepanjang projek sejarah lisan ini, turut terselit pengharapan kepada masyarakat di luar sana supaya menjadikan pengalaman hidup tokoh itu sebagai pengajaran dan panduan yang boleh memberi inspirasi di dalam kehidupan. Beliau turut meletakkan pengharapan kepada industri seni supaya mampu memberikan dan menghasilkan karya-karya yang terbaik tidak kira dalam bidang lakonan ataupun nyanyian pada masa-masa yang mendatang.*

Kata Kunci: Tokoh artis veteran, industri hiburan, industri seni, tokoh, artis, nyanyian, lakonan.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN NORLIZA BINTI ABDULLAH MENGENAI PERJALANAN HIDUP DALAM INDUSTRI SENI**

## ABSTRACT

## TRANSCRIPT OF AN INTERVIEW WITH A VETERAN ARTIST ABOUT THE EXPERIENCE IN THE ART INDUSTRY

**ABSTRACT:** ***This transcript discusses the results of an interview with the experience of a veteran artist, Liza Abdullah, who has been involved in the entertainment industry since she was young because her interest in singing and her unexpected talent in acting make her still relevant in the industry entertainment until now. She started his art career with a singing talent that she had acquired since childhood, then made her way by joining the field of acting which has made her such a talented artist. Despite the various challenges and criticisms that must be faced throughout her involvement in the entertainment industry, she remains strong and resilient in overcoming all the challenges. With the effort and talent shown in her involvement throughout her artistic career she has received several awards that will be sweet memories and recollections in his life. In addition, in touching a little on the background of figures who have provided many services and various contributions in further elevating the entertainment arts industry in the country. In addition, in line with the objectives of the study, this interview was conducted to discuss the bitter, sweet, and unforgettable experiences that the figure had faced during her career as an artist. Furthermore, throughout this oral history project, there is also a hope for the community out there to make the life experience of the figure as a lesson and guide that can inspire in life. She also placed her hopes on the art industry to be able in provide and produce the best works regardless of the field of acting or singing in the future.***

Keywords: Veteran artist figures, entertainment industry, art industry, figures, artists, singing, acting.

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Pertama sekali syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin kurniaannya, kami dapat menyelesaikan segala tugasan transkrip kami dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan tugasan ini sehingga selesai.

Kami juga dengan rendah diri ingin merakamkan dan mengucapkan jutaan terima kasih sebagai penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek *Oral Documentation*, kod subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kerana telah memberikan tunjuk ajar dan sepenuhnya bimbingan terhadap tugasan ini. Melalui tunjuk ajar dan sokongan daripada beliau kami telah dapat melaksanakan segala tugasan kami dengan jayanya.

Di samping itu, kami turut ingin memberikan penghargaan kepada Puan Norliza binti Abdullah sebagai tanda ucapan ribuan terima kasih kerana beliau sudi ditemu bual oleh kami dan telah bersetuju untuk menjadi tokoh sebagai rujukan tugasan kami sekali gus berkongsi tentang pengalaman dan kisah kehidupan beliau sepanjang penglibatan beliau dalam industri seni hiburan ini. Tanpa kesudian dan kerjasama daripada beliau semestinya kami tidak mampu melaksanakan tugasan ini dengan sebaik-baiknya.

Kami juga ini merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa dan keluarga kami yang banyak memberi pelbagai kemudahan untuk kami menjalankan tugasan ini.

Akhir kata, tidak dilupakan penghargaan terima kasih kepada rakan-rakan yang turut memberikan pelbagai bantuan dan nasihat bagi melaksanakan tugasan yang diberi dengan baik sekali.

# SENARAI ABREVIASI

## SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|---|---|
| ARGS | Ampang Road Girls School |
| EP | Extended Play |
| GTAS | Gagasan Tranformasi Anak Seni |
| IC | Identity Card/Kad Pengenalan |
| ITM/UITM | Universiti Teknologi MARA |
| KL | Kuala Lumpur |
| LP | Long Play |
| NGO | Non-Governmental Organization |
| OST | Original Sound Track |
| R&B | Rythem & Blues |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| TV | Televisyen |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UM | Universiti Malaya |
| USM | Universiti Sains Malaysia |
| UTM | Universiti Teknologi Malaysia |

# SENARAI SINGKATAN

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| NAS | Nur Amira binti Solihan |
| NSMD | Nur Suhaimah binti Mat Diah |
| LA | Liza Abdullah |
| VG | Videographer |

# RUJUKAN KATA

## RUJUKAN KATA

| | |
|---|---|
| Akak | Kakak |
| Ambik | Ambil |
| Bapak | Bapa |
| Bagitahu | Beritahu |
| Citer | Cerita |
| Dah | Sudah |
| Diorang | Mereka |
| Harini | Hari ini |
| Je | Sahaja |
| Jugak | Juga |
| Kat | Dekat |
| Kecik | Kecil |
| Kesah | Kisah |
| Kitaorang | Kami |
| Korang | Kamu berdua |
| Lepastu | Selepas itu |
| Masatu | Masa itu |
| Nak | Mahu |
| Ni | Ini |
| Noh | Sangat |
| Pape | Apa-apa |
| Sape | Siapa |
| Sebab tu | Sebab itu |

| | |
|---|---|
| Sorang | Seorang |
| Takde | Tidak ada |
| Takpe | Tidak mengapa |
| Tak | Tidak |
| Tau | Tahu |
| Tu | Itu |

# BIODATA PENEMUBUAL

# 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

## 1.1 Penemubual Pertama



| | |
|---|---|
| Nama | Nur Suhaimah binti Mat Diah |
| Tarikh Lahir | 24 April 1999 |
| Tempat Lahir | Hospital Seri Temenggong, Kulai, Johor |
| Alamat | Kulai, Johor |
| No.Telefon | 013-7086210 |
| Emel | suhaimahcumah99@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

## 1.2 Penemubual Kedua



| | |
|---|---|
| Nama | Nur Amira binti Solihan |
| Tarikh Lahir | 11 Ogos 1999 |
| Tempat Lahir | Hospital Kluang, Johor |
| Alamat | Batu Pahat, Johor |
| No.Telefon | 017-7456564 |
| Emel | amirasolihan99@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

# BIODATA TOKOH

# 2.0 BIODATA TOKOH

## 2.1 Biodata Tokoh



| | |
|---|---|
| Nama | Norliza binti Abdullah |
| Tarikh Lahir | 6 Jun 1964 |
| Tempat Lahir | Kuala Lumpur |
| Alamat | Bukit Antarabangsa, Selangor |
| No.Telefon | 019-6625664 |
| Emel | - |
| Profesion | Pelakon dan Penyanyi |
| Bidang | Industri Seni |

## 2.2 Pengenalan Tokoh

Puan Norliza binti Abdullah atau lebih dikenali sebagai Liza Abdullah telah dilahirkan pada 6 Jun 1964 di Kuala Lumpur. Kini, beliau telah berusia 57 tahun. Beliau merupakan anak yang keenam daripada tujuh orang adik-beradik. Liza Abdullah pernah mendirikan rumah tangga dan telah dikurniakan 4 orang cahaya mata iaitu 3 orang lelaki dan seorang perempuan. Beliau telah memulakan pendidikan di Sekolah Rendah Jalan Gurney (1), Kuala Lumpur. Kemudian, beliau telah menamatkan pendidikan beliau sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Menengah Perempuan Jalan Ampang yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Ampang, Kuala Lumpur.

Menurut Liza Abdullah melalui sesi temubual yang telah berlangsung, beliau telah menceburkan diri dalam bidang seni seawal era 80-an. Ketika itu arwah bapa beliau telah merancang supaya beliau meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Namun, disebabkan beliau bukan dilahirkan dalam keluarga yang senang, beliau telah berfikir untuk mencari kerja selepas tamat persekolahan untuk membantu keluarga.

Menurut beliau lagi, peluang menceburi bidang seni ini datang ketika beliau menemankan seorang rakan ke pertandingan Ratu EJA. Terdapat seorang wartawan interview dan mengambil gambar beliau untuk diletakkan dalam sebuah akhbar tempatan. Selepas itu, pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah menghubungi beliau dan menawarkan beliau untuk berlakon. Beliau menganggap itu adalah permulaan beliau untuk menceburkan dalam bidang seni. Keyakinan serta bakat yang ditonjolkan oleh beliau telah menarik minat pihak produksi untuk mengambil beliau sebagai pelakon.

Filem pertama yang dilakonkan oleh Liza Abdullah ialah Pagar-Pagar Cinta bersama AR.Badul dan filem ini jugak merupakan filem pertama arahan AR. Badul. Selepas daripada filem itu, beliau menerima pelbagai tawaran lakonan filem seperti Ali Setan, Jejaka Perasan dan juga Marah-Marah Sayang. Bukan itu sahaja, beliau juga menerima jemputan untuk melakukan persembahan dalam pelbagai acara. Sebenarnya beliau lebih meminati bidang nyanyian tetapi rezeki lebih tertumpu ke bidang lakonan. Walaupun beliau tidak mempelajari teknik dalam bidang nyanyian tetapi beliau puas apabila berjaya mempunyai album sendiri dan mampu menyanyikan lagu-lagu dalam filem yang beliau lakonkan seperti Marah-Marah Sayang dan Pagar-Pagar Cinta.

Beliau juga amat bersyukur kerana industri seni ini masih memerlukan khidmatnya untuk berlakon walaupun sudah berusia. Bakat serta ilmu yang diperolehinya digunakan sebaik mungkin untuk memberi kepuasan kepada peminatnya. Beliau berkata kejayaan yang beliau perolehi ini adalah hasil sokongan masyarakat yang tidak jemu dengan hasil kerja yang dilakukan oleh beliau. Tanpa sokongan orang luar dia tidak mungkin mampu bertahan sehingga kini. Beliau merupakan seorang yang sangat ramah dan baik hati serta bersedia memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada kami dalam menjayakan kajian sejarah lisan ini. Beliau juga banyak berkongsi tips dan ilmu dalam bidang lakonan. Beliau berharap agar sentiasa diberi kesihatan yang baik supaya dapat menghasilkan karya yang diingati oleh masyarakat.

# SEJARAH LISAN

# 3.0 SEJARAH LISAN

## 3.1 Pengenalan

Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah dilalui oleh individu yang terlibat. Melalui sejarah lisan, kita dapat mengetahui rekod-rekod sejarah atau maklumat berkaitan sesuatu peristiwa yang masih diingati oleh seseorang. Menurut Allan Nevins, yang merupakan seorang ahli sejarah dari Universiti Columbia telah sedaya - upaya mengadakan satu rancangan untuk membuktikan bahawa ingatan dan kenangan yang sangat bernilai kepada sejarah perlu direkodkan dengan cara temuramah individu tersebut dan mencatat maklumat yang diterima untuk dijadikan sebagai bahan kajian (Mohd. Amin Hassan, 1974). Semenjak itu, sejarah lisan mula berkembang dan digunakan oleh pengkaji-pengkaji sejarah. Di Malaysia, Sejarah Lisan merupakan suatu perkara yang baru walaupun kita sudah menggunakan kaedah temuramah dalam menghasilkan kajian sejarah.

Penghasilan Sejarah Lisan akan menjadi lebih bernilai apabila pengkaji menggunakan kaedah yang betul. Terdapat tiga tahap utama dalam kaedah sejarah lisan iaitu persediaan, teknik mengumpulkan melalui wawancara, temu bual atau soal selidik dan tahap terakhir pula adalah proses rakaman. Di tahap pertama, persediaan untuk menjalankan kajian sejarah lisan bermula dengan menentukan skop, memilih siapa yang ingin ditemuramah, dan pemilihan tajuk yang sesuai. Tahap kedua ialah teknik menjalankan temuramah. Pengkaji perlu melakukan persedian yang lengkap dari segi soalan dan kerjasama bersama interviewee sebelum melakukan temuramah supaya ia berjalan lancar. Temuramah yang berjaya apabila temuramah itu telah mencapai objektif yang dikehendaki. Tahap yang ketiga pula ialah memproses rakaman, termasuk mengedit, membuat transkrip, peraturan penggunaan dan teknik penyimpanan. Rakaman yang telah selesai akan diproses untuk menghasilkan sejarah lisan dalam bentuk rakaman dan transkrip (Nazhan, 1979).

Kajian sejarah lisan ini juga dikatakan sangat menarik kerana setiap individu yang melakukan kajian tersebut akan menemui pelbagai pengalaman yang baru, melihat sejarah dari pelbagai aspek, serta mengenali lebih banyak personaliti manusia. Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas meliputi pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya (Rozeman, 2004).

Sejarah lisan boleh dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup atau pun yang telah meninggal dunia. Di Malaysia, contoh projek sejarah lisan mengenai tokoh yang masih hidup adalah seperti individu-individu yang terlibat dalam peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, peristiwa darurat, pejuang-pejuang kebangsaan, kemerdekaan dan sebagainya. Manakala sejarah lisan yang boleh dilakukan ke atas tokoh yang telah meninggal dunia adalah seperti Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Hussein Onn dan sebagainya dengan mendapatkan maklumat daripada orang yang paling rapat seperti ahli keluarga dan kenalan rapat mereka (Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar & Noor Azlinda Wan Jan, 2012).

Malaysia mempunyai ramai tokoh artis veteran dalam industri seni sama ada dalam bidang nyanyian atau lakonan. Kemunculan individu-individu dari pelbagai latar belakang kaum dan status kehidupan menarik untuk dijadikan kajian yang boleh memberi manfaat yang tidak ternilai kepada generasi masa hadapan (Lairissa, 1994). Kajian seperti ini dapat memperlihatkan perjalanan kerjaya seseorang untuk dijadikan tauladan kepada generasi yang akan datang.

Kajian ini dijalankan dengan bertemakan artis veteran yang dirakamkan secara temubual.

veteran merupakan individu yang telah banyak memberi sumbangan kepada artis-artis tanah air dan mempunyai pelbagai pengalaman dalam industri seni akan tetapi cerita-ceritanya tidak banyak dikongsikan untuk dijadikan sebagai pengajaran atau motivasi. Maka kajian ini adalah untuk mengelolakan sejarah lisan berkenaan dengan artis veteran yang mula melibatkan diri dalam industri seni sekitar tahun 60-an,70-an dan 80-an.

### 3.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji bagi memenuhi objektif-objektif yang berikut:

1. Untuk merungkai mengapa artis veteran tidak diberi perhatian dalam industri seni pada masa kini.
2. Untuk mendokumentasikan maklumat berkaitan artis veteran untuk dijadikan koleksi rujukan sejarah lisan.
3. Untuk mengukuhkan lagi kedudukan sejarah lisan sebagai sumber primari.

## 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

### i. *Individu*

Sumbangan kajian sejarah lisan ini kepada individu ialah orang yang ditemu bual akan menceritakan pendapat yang baharu kepada pendengar. Ini dapat menarik minat pendengar untuk mengetahui detik-detik pengalaman yang tidak dapat dilupakan sama ada pengalaman pahit atau manis.

### ii. *Agensi*

Pendokumentasian ini dapat memberi kesedaran terhadap sesebuah agensi seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Persatuan Artis Veteran untuk mengangkat martabat artis veteran dan memberi keprihatinan terhadap kebajikan mereka. Selain itu, bahan-bahan kajian sejarah lisan boleh dijadikan sebagai rujukan atau pameran bagi pihak agensi sendiri untuk mempromosikan pendokumentasian artis veteran.

### iii. *Masyarakat*

Sejarah lisan ini sangat penting dalam membawa serta memperkenalkan sejarah dari luar ke dalam sesuatu masyarakat ataupun sebaliknya. Dengan menggunakan kaedah lisan, masyarakat dapat merakam semula detik-detik berharga yang tidak pernah dirakam atau telah hilang bagi mengekalkan sejarah-sejarah yang ada (Nur Shima, 2019). Hal ini kerana, sesetengah cerita atau sejarah tidak dirakam atau direkodkan atas dasar kurang kesedaran akan pentingnya ia dalam kalangan masyarakat. Dengan adanya kajian sejarah lisan ini, sedikit sebanyak dapat membantu dalam mengumpulkan semula cerita-cerita atau maklumat yang bernilai untuk rujukan pada masa akan datang.

# 4.0 KAJIAN LITERATUR

## 4.1 TOPIK 1: INDUSTRI KREATIF

Perkembangan semasa ekonomi global menunjukkan industri kreatif adalah satu sumber penting pertumbuhan ekonomi dan percambahan budaya di negara-negara maju. Contohnya, industri ini telah menyumbang sejumlah besar wang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada negara dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya bangsa. Justeru, amat penting industri ini dibangunkan secara bersepadu dan terancang melalui satu dasar dan hala tuju yang komprehensif.

Industri kreatif merupakan industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek (KPKK,2021). Industri keatif ini melibatkan ramai golongan seni dan karyawan yang mampu memberi banyak faedah daripadanya jika ada terdapat satu usaha untuk menghimpunkan semuanya di bawah satu bumbung, (Astro Arena,2017). Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2021), ada menyatakan bahawa industri kreatif multimedia ini terdiri daripada industri-industri yang mengaplikasikan kemajuan teknologi terkini dalam menghasilkan produk-produk kreatif. Antara industri di bawah kategori ini adalah penerbitan filem dan tv, pengiklanan, seni reka dan animasi dan kandungan digital industri kreatif multimedia. Oleh itu, industri kreatif ini sememangnya memberi pelbagai manfaat kepada negara jika industri ini sentiasa di berikan perhatian.

Menurut Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2021), industri kreatif berpotensi untuk menjana ekonomi melalui pulangan kewangan yang dihasilkan daripada aktiviti industri berkenaan. Industri kreatif yang berkembang mampu meningkatkan pelaburan dalam aspek-aspek yang berkaitan dan industri sokongan. Antaranya melalui penubuhan syarikat-syarikat baru dalam bidang perfileman, rakaman, percetakan, dan sebagainya. Manakala industri sokongannya pula adalah seperti syarikat pengurusan acara, penyewaan peralatan, sajian, dan sebagainya. Pembangunan industri kreatif juga mampu meningkatkan dan memantapkan syarikat-syarikat sedia ada sekaligus membuka ruang dan peluang kerjaya dan seterusnya dapat mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia. Penekanan terhadap industri kreatif dapat membantu meningkatkan bilangan dan tahap kepakaran penggiat industri ini. Menurut Sinar Harian (2021), industri kreatif ini memerlukan sokongan padu kerajaan dan

swasta serta persekitaran yang kondusif mampu menarik pakar kreatif dari luar untuk menyumbang kemahiran mereka di negara ini kerana industri ini mampu membuka lebih banyak peluang dan pilihan pekerjaan tanpa mengira latar belakang dan taraf pendidikan. Jelaslah disini menunjukkan industry kreatif ini berpotensi untuk meningkatkan ekonomi negara dan mampu membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak.

## 4.2 TOPIK 2: ARTIS VETERAN

Artis merupakan individu yang kreatif, atau inovatif, atau mahir dalam sesuatu bidang seni. Menurut ahli sejarah seni dan pengkritik seni mendefinisikan artis sebagai seseorang yang menghasilkan seni dalam batas-batas yang diakui. Artis veteran pula terdiri daripada pelakon, penyanyi dan pemuzik yang dikenali sebagai artis yang sudah lama menceburi diri dalam industri hiburan sejak tahun 60-an lagi. Menurut Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (2021), artis veteran berperanan dalam memberi tunjuk ajar kepada artis-artis baharu bagi memantapkan lagi industri seni dan hiburan pada masa akan datang. Hal ini kerana, tanpa bakat yang berkualiti dalam bidang nyanyian atau lakonan akan memberi impak negatif kepada industri hiburan itu sendiri.

Menurut Harian Metro (2020), menyatakan semenjak perintah kawalan pergerakan telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mengekang penularan wabak Covid-19 di Malaysia artis veteran telah terkesan disebabkan itu dimana mereka kekurangan peluang pekerjaan semenjak dari itu, jadi beliau menegaskan supaya semua artis veteran hendaklah sentiasa merebut peluang yang ada di depan mata bagi mendapatkan pekerjaan apabila keadaan negara semakin membaik.

Selain itu, terdapat juga artis veteran yang menyuarakan ketidakpuasan hati mengenai gaji yang dimiliki, menurut Mstar (2021) ada sesetengah produksi yang meletakkan harga terlalu rendah bagi pelakon berpengelaman sepertinya adalah tidak adil. Hal ini sering berlaku kepada artis veteran sehinggakan (Fadzil Teh,2021) menegaskan supaya artis veteran sepatutnya berkeras dan campur tangan dalam isu bayaran dengan bekerjasama bersama persatuan bagi menyelesaikan isu ini supaya mereka tidak rasa terpinggir dan sedih. Oleh itu, semua golongan artis veteran perlulah sentiasa berani dan yakin untuk tampil ke hadapan bagi menegakkan keadilan untuk diri mereka sendiri dan kepada rakan-rakan yang lain.

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

## 5.0 TRANSKRIP

### TRANSKRIP TEMUBUAL

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan dan nyanyian. Bersama-sama kami ialah Puan Norliza Abdullah yang merupakan seorang pelakon dan penyanyi terkenal Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 November 2021 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 1:00 petang bertempat di kediaman Puan Lizawati Hamdan. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Suhaimah binti Mat Diah dan Nur Amira binti Solihan. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**NSMD: Okey, puan. Bolehkah saya ---**

LA: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tadi bagi salam untuk umum (sambil mengangkat tangan). Jadi, *I* [saya] bagi salam kat *you all* [kamu semua] ya (tergelak), okey.

**NSMD: Okey, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

LA: Waalaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

**NSMD: Okey, bolehkah saya tahu serba sedikit. Boleh tak puan ceritakan latar belakang mengenai puan?**

LA: Oh, nak [mahu] *interview* (temubual) mengenai latar belakang. Okey, sepatutnya *you all* [kamu semua] kena baca *I* [saya] punya tu [itu], kena buat *homework* [latihan], kaji apa latar belakang *I* [saya]. Okey, *since* [sejak] -. *Anyway*

[bagaimanapun] terima kasih banyak-banyak kepada adik-adik dah macam anak-anak daripada *Universiti Teknologi Mara [UiTM]* untuk *you all* [kamu semua] punya kata orang tu tugasan. Okey, kalau nak bercerita tentang *background* [latar belakang] ataupun latar belakang memang tak habis pun kat sini. Kalau kata latar belakang dari segi pendidikan ke, nak tahu latar belakang dari segi apa daripada keluarga ke.

**NSMD: Nama, nama penuh (gerak tangan)**

LA: Okey, nama komersial. Allah, nama komersial ea (senyum) Liza Abdullah. Nama sebenar Norliza binti Abdullah (tepuk tangan dan letak dilutut). Dilahirkan pada tahun – perlu ke tak perlu (sambil memandang ke arah Suhaimah).

**NSMD: Betul-betul (mengangguk)**

LA: Enam [6] hari bulan enam [6] 1964 (tergelak) kira je la berapa (tergelak kecil). Asal memang lahir di Kuala Lumpur [Malaysia]. Dibesarkan di Kuala Lumpur [Malaysia], bersekolah pun di Kuala Lumpur [Malaysia], menengah apa semua di Kuala Lumpur [Malaysia] la memang *base* [asas] asas di Kuala Lumpur [Malaysia]. Itu sahaja kalau nak tanya pasal latar belakang. Pendidikan tak perlu kan? Tak payah la (menghayun tangan). Pandai la *I* [saya] sekolah tinggi lah.

**NSMD: Tak, hobi -- yang puan selalu lakukan lah.**

LA: Hobi--? Oh, lari dari topik. Kata *background* [latar belakang] tadi. Hobi tu nak tanya hobi sekarang ke, hobi masa muda ke, hobi--.

**NSMD: Boleh, sekarang pun boleh.**

LA: Okey, kalau ikutkan dah umur-umur macam ni, hobi tu bukan lagi satu kemestian lah. Sebenarnya benda tu kita anggap benda yang harus kita buat bila kita ada masa lapang. *So* [jadi], seperti biasa kalau tiada hari *shooting* [membuat filem], takda *show* [pertunjukkan] takda apa, InsyaAllah, untuk pengakhiran-pengakhiran hidup ni suka buat sesuatu benda yang memberi manfaat tak kira dalam bentuk apa (menggerakkan tangan) saja, ukhwah dengan – sahabat-sahabat membuat sesuatu benda yang memberi manfaat *and* [dan] kalau kata hobi yang manusia biasa makan tu suka la (gelak kecil). Kalau ada ruang tu ada peluang dengan kawan-kawan memang lebih gemar lagi pergi ke daerah-- lain tapi *since* [sejak] dulu kita dah ada masalah kita tak boleh pergi rentas negeri *so* [jadi], kalau ikut dulu kalau rasa nak pergi makan dekat Penang [Malaysia], kitaorang satu *group* [kumpulan] akan pergi makan kat Penang [Malaysia]. Kalau rasa nak makan kat Melaka [Malaysia] kitorang akan pergi makan kat Melaka [Malaysia]. *So* [jadi], kalau kata hobi tu antaranya tu lah ber- kata berukhwah dengan kawan-kawan pergi makan kat tempat sedap-sedap dan cari lah majlis-majlis yang boleh mendatangkan ilmu kepada kita diusia-usia senja ni hah, macam tu (membetulkan tudung).

**NSMD: Okey, jadi tempat tinggal puan sekarang ni yang-- *current* [sekarang].**

LA: Yang mana (membelek tudung)?

**NAS: Yang kat Bukit Antarabangsa tu la.**

LA: Saya, kak [kakak], kakak ke *aunty* [makcik] ke tak tahu la nak cakap kat korang ni. Pangkat anak dah ni (tergelak kecil). Kalau ikut ---. Kakak sebenarnya memang bila kata kita ni orang Kuala Lumpur [Malaysia], memang jiwa kita jiwa Kuala Lumpur [Malaysia], memang tinggal di Kuala Lumpur [Malaysia] sebab dengan pekerjaan kakak ni sebenarnya kena duduk se-sekitar Kuala Lumpur [Malaysia] sebab kadang-kadang bila kita bekerja menjalani pengambaran kalau selain kita perlu bergerak

pergi keluar daerah kita loca-*location* [lokasi] kita biasanya di Kuala Lumpur [Malaysia] walaupun kadang-kadang di Selangor [Malaysia],di--*you know* [kamu tahu] dekat Banting [Selangor, Malaysia] ke, *but* [tetapi] *still* [masih] kita di tengah-tengah. *So* [jadi], memang duduk di Kuala Lumpur [Malaysia]. *So* [jadi], *easy* [mudah] dan jiwa kakak memang jiwa orang KL [Kuala Lumpur] (menggerakkan tangan sambil tergelak kecil). Orang KL [Kuala Lumpur] *you* [kamu] (memegang kepala). Okey.

**NAS: Akak ada berapa orang anak semua sekali?**

LA: Oh, tanya anak la. Maknanya dah tahu *I* [saya] dah kahwin ya (tergelak kecil). Okey. Pernah berkahwin lah dulu. Okey. Alhamdulillah, Allah kurniakan empat [4] orang cahaya mata. Anak pertama lelaki, lahir tahun --- tak tanya pun akak jawab. Lahir pada tahun lapan puluh sembilan [89], anak perempuan sembilan puluh tiga [93], sorang je perempuan and *after* [selepas] *nine* [sembilan] [9] *years* [tahun] baru dapat yang anak ketiga lahir pada tahun 2002 *and* [dan] Alhamdulillah, anak keempat lahir pada tahun 2004. Dah berumur tau. Jadi nak bagitahu walaupun *I* [saya] dah berumur, *I* [saya] ada anak kecik juga tau (tersenyum).

**NSMD: Haah, betul tu (tergelak kecil).**

**NAS: *So* [jadi], yang tu masih belajar lagi la.**

LA: Ahh (berfikir), yang mana?

**NAS: Yang kecik tu.**

LA: Yang tu lah disebabkan pandemik ni anak kakak nombor tiga [3] tu sebenarnya baru, nak katakan dua [2] tahun lepas baru habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tapi *you* [kamu] *know* [tahu] la kita tahun lepas anak-anak kita tak dapat belajar di luar kan. *So* [jadi], anak kakak yang keempat tu, Alhamdulillah *this year* [tahun ini] baru nak ambik SPM. Sepatutnya dia ambik *last year* [tahun lepas]. Dan jadi Alhamdulillah, dia ni lah --- InsyaAllah, tahun ni la akan mengambil peperiksaan SPM.

**NAS: Hah, boleh puan beritahu nama ibu bapa puan, pekerjaan mereka?**

LA: Oh, sebenarnya إنا لله وإنا إليه راجعون . Kedua ibu bapa telah pun tiada di dunia ini. Nama arwah abah ab --- sebenarnya ada sheikh tapi ada lah se-sejarah – kisah Sheikh Abdullah bin Sheikh Munasat. Tapi dalam *IC* [kad pengenalan] dia Abdullah bin Ishak. Okey, dah pun meninggal dunia. Lama dah [1983]. Masatu kakak be-belum dah berlakon tapi tak begitu aktif sangat (menepuk tangan) *and* [dan] arwah mak pun baru saja meninggal tiga [3] tahun lepas iaitu Ramlah binti Mayun. Mereka ---. Arwah mak memang suri rumahtangga sepenuh masa. Tak bekerja pun. Arwah bapak adalah pekerjaan-pekerjaan dia adalah untuk dia menanggung *family* [keluarga] kakak kan, tapi bila kita fikir balik arwah mak tak bekerja tapi anak dia ni masih dalam sekolah lagi pun dah bekerja (menunjuk diri sendiri sambil tergelak kecil).

**NSMD: Adik beradik berapa orang?**

LA: Adik-beradik? Kalau ikut yang hidup seramai tujuh [7] orang tapi kakak anak yang keenam tapi ada lah abang yang dah pergi, ada kakak yang dah pergi. *So* [jadi], ada lah tinggal beberapa ahli keluarga sahaja yang masih hidup.

**NSMD: Okey, boleh puan ceritakan latar belakang pendidikan puan sebelum bekerja?**

LA: Alah suka nak tanya. Mentang-mentang *you* [kamu] *all* [semua] daripada *Universiti Teknologi Malaysia [UTM]*, daripada universiti-universiti saja la tu nak korek rahsia nak kata macam mana ni boleh berlakon tapi tak pandai tak lah. Okey, sebenarnya kalau ikutkan pendidikan dah sensitif tau. Kalau ikut cita-cita tu macam-macam I nak buat *master* [sarjana], nak buat *degree* [ijazah]. Tapi *master* [sarjana] ke mana *degree* [ijazah] ke mana (tergelak). *So* [jadi], alhamdulillah belajar sampai setakat --- *I* [saya] bangga *I* [saya] belajar sampai se-setakat Sijil Peperiksaan Malaysia [SPM]. Tapi diketika itu walaupun *you* [kamu] *all* [semua] tak tanya walaupun *I* [saya] SPM di tahun itu disekitar tahun lapan puluh –an [80-an], pangkat dua [2] tu hebat tau. Pangkat dua [2] tu hebat walaupun belajar takde la berapa sangat tapi *I* [saya] percaya sebab cikgu *I* [saya] kata ustazah *I* [saya] kata *I* [saya] ni sebenarnya pandai. Wah, berlagak ea (ketawa) tapi dia macam ni lah bila kita dah hilang fokus kan dengan banyak main tapi alhamdulillah dengan pangkat dua [2] tu alhamdulillah berjaya jadi orang. SPM pangkat dua [2] tau. *You all* [kamu semua] faham ke pangkat dua [2] tu. Faham? Ke tak faham.

**NSMD: Faham-**

LA: Oh faham. Sebab *you* [kamu] *all* [semua] orang universiti-.

**NSMD: Haah**

LA: *You* [kamu] berlagak ea. Oh ye ea. Oh berlagak ni sebab diorang universiti- (ketawa).

**NSMD: Tak – (ketawa)**

LA: Eh kalau ikut ea pengalaman --- nak selit juga. Sebagai pelakon, apa universiti yang *I* [saya] tak masuk. UTM *[Universiti Teknologi Malaysia]*, UM *[Universiti Malaya]*, apa M? UKM *[Universiti Kebangsaan Malaysia]*, USM *[Universiti Sains Malaysia]*. "*Ali Setan*" dulu kita shooting dekat USM tau. *So* [jadi], *I* [saya] lagi hebat dari *you all* [kamu semua], okey (ketawa).

**NAS: Semua masuk (gelak).**

**NSMD: Sekolah rendah dulu dekat mana?**

LA: Sekolah rendah di Sekolah Rendah Jalan Gurney – satu [1].

**NSMD: KL lah?**

LA: KL (mengangguk).

**NSMD: Semua KL lah.**

LA: *I* [saya] kata *I* [saya] orang KL. *I* [saya] lahir pun di KL, sekolah rendah pun di KL. Sekolah menengah? (menepuk tangan).

**NSMD: Sekolah menengah (mengangguk).**

LA: Hah, sekolah menengah? Sekolah Menengah Perempuan Jalan Ampang pun KL (menepuk tangan). Pehh, Sekolah Ampang ea, tahu. Sape tahu sejarah perempuan Ampang (senyum sinis sambil menunjukkan ibu jari). Kitaorang jangan buat main

(mengangkat tangan). Dengan – pelajar-pelajar ARGS jangan buat main ea. Kitaorang hebat ea. *Ampang Road Girls School*(mengangkat dua ibu jari).

**NAS:Wow (teruja) (serentak)**

**NSMD: Wow (teruja) (serentak)**

**NSMD: Kalau puan boleh ingat lah, tahun bila puan sekolah menengah tu?**

LA: Okey, menengah tahun 1981 (berfikir). Ehh, Allahuakbar. Lapan puluh satu [81] (berfikir) eh, *no* [tidak] – *sorry* [maaf] --. Okey, sekolah rendah tujuh puluh enam [76] sampai tujuh puluh tujuh [77] (jari sedang mengira). Maknanya tujuh puluh tujuh [77] sampai lapan puluh satu [81]. Hah, tujuh puluh tujuh [77], tujuh puluh lapan [78], tujuh puluh sembilan [79], lapan puluh [80], lapan puluh satu [81], *yes* [ya] (mengira).

**NSMD: Okey, lepas tamat persekolahan tu ada tak sambung mana-mana?**

LA: Okey, tu lah kisahnya bermula. Sebenarnya kalau ikut arwah bapak dah ambik sijil dah ambik borang dah. UTM semua ada, ITM [now the *Universiti Teknologi Mara*], dulu ada ITM, -- ada, UTM ada, UM ada, USM ada, UKM ada, apa M – tak ada –.

(Berehat)

**NSMD: Selepas tamat persekolahan, adakah puan melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi?**

LA: Hah, kita sambunglah balik pasal cita-cita arwah abah memang nak anak-anak dia berjaya. Berjaya tu bukan kita makna sekarang kita tak berjaya. Berjaya --. Dia nak tengok anak kita masuk universiti. *Of course* [sudah tentu] lah mak bapak kita kan. Jadi arwah abah bawak macam-macam borang. Tapi tak tahu la ea. Semuanya ketentuan yang Allah dah tulis dah. *I mean* [maksud saya] kita dah tertulis dah kehidupan kita. Sem-sem-sementara nak tunggu SPM tu, kita dulu masuk UiTM ada *first intake* [pengambilan pertama], *second intake* [pengambilan kedua] tau. Ada Januari, Julai *intake* [pengambilan]. *So* [jadi], masa habis sekolah tu, macam a-a-awal Januari ataupun *end of December* [hujung bulan dua belas] tu kita rasa macam *"alah nak cari ruang, macam nantilah – nantilah dulu --"*. Jadi, akak ni memang *family* [keluarga] tidak – bukan – keluarga yang senang. Jadi, macam *form three* [tingkatan tiga] pun dah bekerja. Hidup kakak daripada muda sampai ke tua memang suka bekerja – (menggerakkan tangan). Kita rasa macam kita nak manfaatkan diri kita. Jadi, macam bila kita tahu keluarga kita tu bukan orang senang, kita cari peluang tak nak susahkan mak bapak. *Sorry* [maaf] ea *I* [saya] memang--sebab mak bapak dah takde tapi memang tak suka susahkan mak bapak (sebak). Kita belajar, bekerja cari duit sendiri, apa kita nak pakai kita pakai cari duit sendiri. Jadi, bila rasa peluang tu ada, Allah kata kerja, -- sebabtu kerja. Kerja lah tak kesah lah kerja apa pun. Sebenarnya peluang berlakon tu dah ada sebab ada lah kisahnya kenapa boleh jadi pelakon tu.

**NSMD: Haah (tersenyum) (serentak)**

**NAS: Haah (tersenyum) (serentak)**

LA: Lepastu cakap dekat arwah abah *"Nanti lah bah, --, -- second intake [pengambilan kedua] "* (mengangkat tangan kiri). Tapi kita budak-budak, tak tahu la *you all* [ kamu semua] bila dah nampak duit, en macam dah dapat duit, macam -- (tergelak).

**NSMD: Betul. Seronok (senyum)**

**NAS: Nak belajar tu macam -- (menggerakkan tangan)**

LA: Seronok. Macam ye -- ke tidak-- (menggerakkan tangan dan badan). Jadi, memang tak sampai ke mana pun lah. Sampai SPM ting—ta-tahap dua [2] tapi macam kakak cakap tadi sebagai pelakon, pensyarah *I* [saya] pernah jadi, *scientist* [ahli sains] pun *I* [saya] pernah jadi, apa *lecturer* [pensyarah] pun *I* [saya] pernah jadi (menggerakkan tangan kiri). Jadi, maknanya kehidupan kita dah rasa. Cuma kata Dia, kita ni bila kita tahu bahawasanya perjalanan hidup kita ni semuanya dah ditentukan cuma kita sebagai manusia hamba-Nya kita kena bersyukur and sentiasa mintak yang baik-baik. *So* [jadi], walaupun tak belajar lanjut, Alhamdulillah, pandai baca, pandai mengeja, pandai mengira ea hah (gelak).

**NAS: Itu penting (gelak).**

**NAS: Okey, boleh puan ceritakan sedikit rutin kehidupan puan dekat rumah ke, bila ada masa lapang ke, buat apa (menggerakkan tangan sedikit)?**

LA: Ni masa lapang ke apa. Nak cerita rutin?

**NSMD: Rutin harian lah.**

LA: Rutin harian?

**NAS: Haah (mengangguk)**

LA: Okey, kalau tiada hari pengambaran tu, *so* [jadi] macam biasa jugak dekat rumah kalau sebenarnya bila kita dah bekerja dah penat sangat di lokasi, tempat yang paling

*best* [terbaik], syurga kita, adalah rumah kita. *So* [jadi], kalau—dah kat rumah tu *no one can* [tiada siapa boleh] *–call* [telefon] nak ajak keluar. Kalau kata *mind* [minda] dah kata kat rumah, --. Tak kesah lah tak masak ke takpe *still* [masih] dekat rumah hah sebab kita tahu bila kita dah bekerja kita berada di lokasi memang pagi smpai ke malam tu satu [1] benda yang orang nampak indah tapi sebenarnya bukan memenat nak *complain* [merungut] tapi memenat kita pelakon ni kadang-kadang—pemikiran ni kita banyak menggunakan pemikiran dengan kreativiti kita (memegang kepala). Jadi, kalau dapat ruang berehat memang berehat. Itu yang akak kata kalau ada masa tu kalau betul *confirm* [setuju]--. Tapi sebenarnya kalau dalam kerjaya kakak, -- boleh menentukan contoh ada seminggu tu cuti, *its up to* [terpulang kepada] kita sama ada kita nak amik *job* [kerja] lagi ke ataupun kita nak cuti. Tapi kadang-kadang sebagai pelakon atau orang yang dah bergelumang dalam bidang ni, kata lah cuti seminggu *"hah nak rehat la, nak pergi makan la, ataupun nanti nak jumpa kawan-kawan la, nak mingle [bergaul]—la"*. Tapi kadang tak jugak tau, hari ketiga tu macam tiba-tiba ada satu *mesej " Alah, mintak maaf la kak, ni nak tanya akak free tak? Kitaorang ni macam ni – la"*. Hah – (muka terkejut), dalam pada tak nak fikir amik jugak (tersenyum).

**NSMD: Haah. Ada *job* [kerja] (tergelak).**

LA: Jadi, kadang-kadang kita rasa macam kerja la. Kadang-kadang bila kita buat sesuatu benda, pekerjaan yang kita minat yang kita suka kita akan *enjoy* [seronok] kita akan *love* [suka] dengan kerja kita. Jadi, bidang lakonan ni kalau *you all* [kamu semua] nak tahu kitaorang ni dah macam *family* [keluarga]. Kadang-kadang rindu nak jumpa adik-adik. Kita macam—kita ada *family* [keluarga] kita tapi sebenarnya di lokasi pengambaran tu adalah *family* [keluarga] kita. Jadi, kalau kita buat sesuatu tu dengan hati yang *best* [terbaik], jiwa yang *best* [terbaik], pekerjaan kita akan jadi *best* [terbaik]. Penat tu pun dah hilang, hah macam tu (tepuk tangan). Penat tu bila kita tak dapat apa yang kita nak. Contoh, sebagai pelakon, kita tak dapat karakter tu kita rasa tak best. Kakak ea (menunjuk diri sendiri) akak rasa macam *"Ya Allah, tak best nya hidup ni"*. Malam tak boleh tidur. *You* [kamu] nampak macam ni tapi *I* [saya] tak. *I* [saya] mesti nak bagi kepuasan kepada orang

yang tengok kita. Itu kakak punya pegangan hidup la. Cuma kalau kata masa lapang tu (senyap seketika) – tu la yang akak cakap tadi tu pergi makan, pergi jalan, pergi *enjoy* [seronok] jumpa kawan-kawan, jumpa anak-anak sebab kakak dengan anak-anak kan masing-masing dah ada *family* [keluarga] *so* [jadi] kalau ada ruang masa tu betul-betul gunakan kualiti masa tu dengan anak-anak (menggerakkan tangan).

**NAS: Macam mana puan bahagikan masa bekerja dengan hal peribadi? Maksudnya macam mana nak bahagikan masa bekerja, masa dengan anak-anak, keluarga semua. Hah macam mana tu (menggerakkan tangan).**

LA: Sebenarnya bila kita bekerja dalam bidang industri atau bidang apa sahaja semua kita ada jadual kita, kita dah ada struktur pekerjaan kita pun dah ada dah. *So* [jadi], kalau kita tahu macam minggu depan *"okey, start shooting kak gini--. Kita ada date kita. Okey, tiga [3] haribulan kita start shoot"*. Contoh, harini dua puluh lapan [28] kita ada lima [5] hingga enam [6] hari lagi. *So* [jadi], kalau kita rasa macam okey takpe kita *start* [mula] tiga [3] haribulan biasanya *production* [produksi] ni diorang pakaian, pelakon punya skrip kita dah dapat, kita punya dah -- *prepare* [sedia] untuk kita masuk bekerja *so* [jadi] kalau masa lapang tu nak kata bahagikan masa anak-anak sebenarnya bukan kita, anak-anak yang baru lahir bukan yang kuek -- anak yang menyusu takde dah besar dah, dah pandai diorang ni dah jadi kalau nak kata ruang *and* [dan] peluang dengan anak-anak tu kita sama-sama, kita ada *family group* [kumpulan keluarga] *so* [jadi] bila kita nak keluar, ada masa dengan kawan-kawan, ada masa dengan anak-anak *so* [jadi] sebenarnya kita yang menentukan kehidupan kita, apa yang--- hidup ini adalah pilihan kalau kita rasa nak rehat, rehat kalau kita rasa hari ni kita nak *spend* [luangkan] dengan anak-anak, kita *spend* [luangkan] dengan anak-anak, kalau kita rasa hari ni taknak *shooting* [penggambaran] lah ataupun nanti *"kak, nak start tiga [3] haribulan"* (sambil membuat gerakan tangan menggunakan telefon) kita boleh dalam production [produksi] ni sebenarnya perbincangan *"dik, kakak rasa tiga [3] haribulan tu kakak tak free lah, boleh tak"* (sambil membuat gerakan tangan menggunakan telefon) tapi *as that long* [selagi mana] kita tak menyusahkan orang, bukan makna kita tak datang set tanpa bagitahu,

*is not!* [itu tidak] bukan macam tu, macam *"tiga [3] hari bulan tu boleh tak kalau kita tukar date"* sebenarnya boleh bincang, *"okey, tak pelah since kakak nak rehat, betul rehat, okey kita buat empat [4] hari bulan"* *so* [jadi] hidup ni sangat indah kalau kita berbincang dengan cara baik, macam pagi tadi punya hal takde bincangkan (sambil senyum).

(Senyap seketika)

LA: Okey, apa lagi? banyak lagi ke soalan?

**NSMD: Ada lagi.**

LA: Ohh banyak lagi, tapi kenapa terpegun dengar jangan bagi aku bercakap

**NAS: Macam *best* [seronok] dengar cerita (sambil ketawa)**

LA: Banyak pengalaman nak cerita ni berapa jam nak cerita ni (sambil tersenyum).

**NSMD: Okey, bagi puanlah pendapat puan berkaitan tentang industri seni negara kita macam apa beza industri seni yang dulu dengan sekarang?**

LA: Tudung *I* [saya] okay tak? (sambil membetulkan tudung)

**NSMD: Okey, okey (sambil ketawa)**

LA: Industri dulu, apa beza dengan sekarang dari segi apa? dari segi apa beza dari segi?

**NAS: Tempat lokasi ke?**

**NSMD: Artis ke? artis sekarang dengan dulu?**

LA: Banyak tau kalau kita nak kata artis dulu dengan sekarang, terlalu banyak

**NSMD: Hah, betul**

LA: Dulu, kita takde *social media* [media sosial] dulu platform tak banyak, dulu kita orang takde realiti program, dulu kita takde mana takde --, *so* [jadi] dulu kamera lain, dulu perjalanan *shooting* [penggambaran] kita lebih kurang dari satu tempat tu takde *waze* takde *map* kadang sebab banyak memang kalau nak cerita dulu dengan sekarang memang terlalu banyaklah berbeza, cuma kakak bila kita rasa kakak dah berada dalam industri ni daripada tahun 80an [1980] sampai sekarang kakak kena *adapt* [menyesuaikan diri] dengan apa situasi sekarang. Kalau sekarang menggunakan *social media* [media sosial] kita pun adalah *social media* [media sosial] walaupun dulu kita zaman Badul [AR Badul] takde *Twitter* takde apa, sekarang kita kena ada *so* [jadi] ikut perkembangan semasa memang kita nak kata perbezaan memang terlalu banyak perbezaan dia haa.

**NSMD: Kalau macam artis sekarang dengan dulu?**

LA: Artis kita dulu pernah jadi artis dulu kalau nak kata artis dulu dan sekarang kadang- kadang orang selalu tanya oh artis tu baru ginilah, *complain* [mengadu]

**NSMD & NAS: Haah (serentak)**

LA: Itulah tak pandai berlakon, jangan sesekali ya *I* [saya] tidak meletakkan benda tu di hadapan sebab kita dulu pun belajar daripada tadika belajar *part* [bahagian] mengaji pa -- pandai membaca ke tadika

**NSMD: Tak**

LA: Takkan, darjah satu mengira pun tak berapa jadi kita kena ikut proses *learning process* [proses pembelajaran]

**NSMD: Haah**

LA: *So* [jadi] kalau nak kata dulu dan sekarang kakak pun pernah jadi artis kita pun pernah jadi muda, kita pernah jadi artis baru, kita dalam pembelajaran. Bagi kakak apa yang kita nak buat kalau kita suka kita kena belajar kita kena walaupun dah macam ni kita tetap lagi dalam proses pembelajaran *so* [jadi] kalau kata dulu dan sekarang takde banyak beza pun cuma kelebihan artis-artis baru sekarang diorang boleh setiap detik setiap apa yang diorang buat diorang boleh bagitahu, hah aku ada dekat sini, aku *shooting* [buat penggambaran] kat sini, ini *family* [keluarga] aku, ini *boyfriend* [teman lelaki] aku

**NSMD & NAS: (Ketawa serentak),**

LA: Ini kekasih aku, sekarang! dulu kita tidak ada kita tidak ada platform tu cuma ada dalam bentuk kita panggil apa eh nas -- dulu kita ada naskah macam majalah-majalah hiburan saja

**NSMD: Haah**

LA: Yang boleh kita haa macam *reporter* [wartawan] yang atau pun orang yang mewakili kami, mewakili kitorang je yang bagitahu apa aktiviti kita *so* [jadi] memang terlalu banyak beza artis sekarang dia boleh bagitahu dia, bagitahu apa aktiviti dia kami dulu tidak dapat nak bagitahu kecuali dengan melalui orang perantaraan itulah perbezaan dia.

**NSMD: Maksudnya tu cara untuk mendekatkan diri dengan peminat jugaklah?**

LA: Hah dia macam ni

**NSMD: Macam *meet and greet* [bertemu dan menyambut].**

LA: Kitaorang dulu ada *meet and greet* [bertemu dan menyambut]

**NSMD: Haah, oh ada**

LA: Bukan takde persembahan, bukan takde *show* [persembahan] kadang-kadang kita sebagai pelakon kadang bila kita buat sesuatu filem ada pelancaran filem kita akan dapat jumpa dengan peminat

**NSMD: Haah**

LA: Kita dapat jumpa dengan orang awam itu -- *time* [masa] yang kita akan berjumpa dengan peminat tetapi zaman sekarang orang bila pergi tekan je nak tekan siapa artis siapa 'Liza Abdullah', tekanlah oh tahu dia *shooting* [penggambaran] dekat sini, *so* [jadi] benda tu dah --

**NSMD: Dah tahu**

LA: Dah memang memang senang -- *so* [jadi] kalau nak kata mendekatkan diri dengan masyarakat kita sebagai pelakon bila orang tengok drama kita orang suka itu dah dekat dengan masyarakat haa okey itu je.

**NSMD: Hah lagi kalau boleh tanya nilah bayaran dulu dengan sekarang?(sambil ketawa)**

**NAS: Ada beza ke? (sambil senyum)**

LA: Hmmm tanya bayaran, (sambil senyum) nak tanya korang bayar *I* [saya] ke?

**NSMD & NAS: (Ketawa serentak)**

LA: Korang bayar *I* [saya] tak (sambil senyum) okey bayaran, dia sama sama sebab dulu nilai duit tu ma-- macam contoh lima puluh [50] ringgit dulu dengan lima puluh [50] ringgit sekarang sebenarnya kita nampak lima puluh [50] ringgit di ketika itu lima puluh ringgit [50] sangat besar di ketika ini lima puluh [50] ringgit keluar rumah pun tak cukup dah jadi sebenarnya sama je, sama je cuma okeylah bila kita dah letak ataupun orang meletakkan diri kita di suatu tempat yang berhak kita dapat bayaran tu orang suka dengan kerjaya kita insha Allah percayalah setiap apa yang kita buat tu kalau kita buat sesuatu yang orang suka, orang rasa memang nakkan kita insha Allah *the demands is there* [ tuntutan itu ada] tapi bukanlah kita ambik kesempatan sampai nak menyusahkan pihak mana-mana tak *so* [jadi] kita kena letakkan diri kita di mana kesesuaian kita keselesaan dia. Kadang-kadang kita ingat eh kadang kita dapat banyak takde keberkatan kejap je duit tu akan habis ataupun sekejap je benda tu *so* [jadi] *I* [saya] selalu mintak dengan Allah supaya

rezeki ataupun – biarlah cukup, cukup tu supaya kita tidak rasa macam tamak Insha Allah. Nampak *I* [saya] jadi penceramah tau (sambil senyum).

**NSMD & NAS: (ketawa serentak)**

**NAS: Dulu masa berlakon ada perbezaan tak situasi dekat dalam set penggambaran dulu dengan sekarang. Masa dulu peralatannya lengkap ke tak, sekarang dah lengkap dah moden. *So* [jadi], macam cerita tu a-a-apa—**

**NSMD: Kualiti dia.**

**NAS: Hah, kualiti dia tu sekarang lagi bagus dari dulu ke atau sama sahaja?**

LA: Soalan dia kucar-kacir nak tanya kan (ketawa). Tak, dia kena tengok la situasi ketika itu. Diketika itu, kamera ni belum wujud lagi (menunjuk ke arah kamera), masa zaman dulu kamera yang besar tu la yang paling berkualiti. Dia memang ada benda macam tu la kan. Kalau nak kata kualiti zaman tu pun akak berlakon keras je kan. Jadi, ketika itu kamera tu memang yang terbaik la, *lighting* [pencahayaan] tu la yang terbaik. Zaman dulu orang kata, *"eh, kenapa lighting [cahaya] nya sejuk panas la"*, ada memang sebagai pelakon kita rasa macam panas. Dulu kitaorang punya kalau berlakon nak *compare* [banding] dengan *lighting* [pencahayaan] besar dengan *lighting* [pencahayaan] yang kita panggil Kino la apa benda tu, walaupun ni kita tahu la sikit-sikit (pandang sinis). Memang kita kena ikut semasa. Dulu, kalau kita berlakon bilik kecik, lampu besar nak kena panaskan lampu (mengipas), lampu HMI tak silap akak, besar ea. Panas nya kita rasa subhanaAllah memang—tapi waktu itu cuaca kita tidak begitu panas. Sekarang ni—

**NAS: Sekarang ni panas.**

LA: Kalau kita tengok cuaca panas walaupun lampu sejuk keadaannya sama. *So* [jadi], benda tu sebenarnya keada—

**NSMD: *Edit* [sunting]**

LA: Hah?

**NSMD: Kalau panas nampak sejuk *edit* [sunting] la.**

LA: Mana boleh *edit-edit* [sunting] cuaca.

**NAS: (senyum) (gerak tangan) Cuaca tak boleh edit-edit [sunting].**

LA: (senyum) Cuaca tak boleh *edit* [sunting] dik. *Light* [cahaya]—hah, dia cerita pasal *editing* [suntingan] pulak. Tadi bila *you* [kamu] kata perkembangan-perkembangan yang dahulu dengan kini dari segi kualiti peralatan dia *depends* [bergantung]. Kalau kita *shooting* [pengambaran] filem *of course* [sudah tentu] peralatan dia lain. Dulu kita berlakon filem satu-satu filem amik masa dekat dua [2] bulan untuk habiskan sesuatu penggambaran. Zaman sekarang rasanya pernah ada sejarah pun *production* [produksi] buat seminggu saje *shooting* [penggambaran] filem. Memang ada banyak perbezaan dengan kecanggihan teknologi sekarang and [dan] dulu masa kakak berlakon, zaman P. Ramlee kot rasanya ada yang *direct sound* [bunyi langsung]. Zaman kakak yang filem *'Pagar-Pagar Cinta'* ke *'Marah-Marah Sayang'* tu dulu kita *dubbing* [alih sunting]. *That's why* [sebab itu] kadang-kadang kita tengok *lip* [bibir] tu lari. Kalau kita tengok citer tu kenapa dia, *"aku nak pergi sana"*, (buka mulut tanpa suara), buka mulut lagi sebab *dubbing* [alih sunting].

**NAS: (teruja) Oh.**

LA: *So* [jadi], *different* [berbeza]. *That's why* [sebab itu] kalau-kalau tanya kakak, kakak lebih suka *direct sound* [bunyi langsung] sebab bila kita berlakon *feel* [rasa] kita ketika itu adalah *feel* [rasa] nya. Tapi kalau kita kemudian masuk kat studio *recording* [rakaman] kita duduk tengok nak bayangkan dia ada sedikit lain. *That's why* [sebab itu] filem kalau kita tengok ada filem yang *dubbing* [alih sunting] ada filem yang *direct sound* [bunyi langsung]. *So* [jadi], *depends* [bergantung] *and* [dan]--biar kakak cakap banyak la sebab nak cukupkan dua [2] jam kan (mengangguk).

**NSMD: (gelak)**

LA: Okey, dulu zaman sekarang ni *clip mic* [mikrofon] (tunjuk ke arah mikrofon) contoh *clip mic* [mikrofon] ni kita letak dalam ni (letak pada baju) dan di *back pack* apa benda yang *pack* [kotak] *I mean* [maksud saya] tahu la yang pasal set penggambaran.

**NAS: Oh.**

LA: Kita dulu berlakon *boom* [mikrofon] yang panjang macam--

**NAS: Besar yang macam tu ke (buat gaya besar).**

LA: Kadang-kadang kakak saje bagi gurauan kan marah budak-budak teknikal, *"korang ni jadi pemalas, maaf cakap ea, kerja dah senang korang nak senang."*

Dia letak ke klip (letak pada baju), dia boleh dengar kat situ je, duduk relaks, duduk tau duduk, okey.

**NSMD: Sekarang?**

LA: Sekarang (senyum). Nak cakap la tapi memang kita kalau boleh kita nak semudah-mudah memang kalau boleh petik je ni kamera semua berjalan tak payah ada orang tapi you know kita tak tahu akan datang. Tapi apa yang akak nak cakap dulu kalau kita berlakon jalan, bergaduh ke apa, *boom mic* [mikrofon] sepanjang-panjang budak budak tu kesian sampai senget-senget pinggang. Pegang *boom* [mikrofon] tu selagi artis tu tak habis dialog selagi tu la dia akan pegang *and* [dan] kalau berjalan pun dia akan kejar pelakon tu dengan *boom* [mikrofon] yang berat tu kejar, jalan, kalau akak boleh bangun akak tunjukkan. *So* [jadi], memang banyak beza banyak perbezaan, kamera pun dulu besar, angkat la besar dengan nak--keluarkan *tape* [pita] tu, nak kena keluarkan dalam beg gelap la *and* [dan] banyak benda *so* [jadi], kalau ikutkan memang kakak ni merasa zaman kamera besar sampai kamera kecik sampai apa tu kita panggil (berfikir)

**NSMD: *Webcam*?**

LA: No--. Apa tu? AllahuAkbar (tepuk tangan)

**VG: *GoPro* --.**

LA: Hah, *GoPro*.

**NSMD: Oh, GoPro.**

LA: *So* [jadi], *that's why* [sebab itu] dalam kereta kita tengok kamera kecik *so* [jadi], kita kena *adapt* [sesuaikan] dengan benda-benda macam tu. *So* [jadi], akak rasa dulu kalau nak buat sesuatu *scene* [babak] tu kalau satu kemera lepas dia cakap kita kena *repeat* [ulang] balik satu *scene* [babak] tu kalau *you* [awak] dah cakap dialog tu nak—dialog menangis-nangis, berjurai air mata *you* [awak] kena *repeat* [ulang] *all over again* [semua lagi] tau. *That's why* [sebab itu] kita kata dulu kita buat satu kamera *master shot* kita kena buat *all over*, *on two shot* kau kena bagi , *on single so* [jadi] banyak. Kalau nak cakap pasal perfileman, pasal dari segi pengalaman tu memang banyak—

**NSMD: Dah rasa semua la.**

LA: Banyak yang kakak nak *share* [kongsi] nak rasa semua betapa peritnya. Kadang-kadang kita tengok tadi *shot* dia nangis ni dah tak nangis dah. Jangan pandang. Tadi dia nangis beria bagai nak rak tetiba bila nak *tight* dia tak boleh pergi. Dia sebagai seorang pelakon pun adalah kalau nak *share* [kongsi] dari segi macam tips yang kakak nak bagi ah banyak macam kakak pernah berlakon drama radio, kakak pernah berlakon teater, kakak pernah berlakon tv, kakak pernah berlakon filem. *That's why* [sebab itu] kadang-kadang kita tengok beria-ria ni dia menangis masa *master* tetiba bila *tight* dia tak boleh pergi dah sebab dah *energy* [tenaga] tak ada. *That's why* [sebab itu] kita pelakon, nantilah nak kena ilmu. Hah, *that's why* [sebab itu] kakak, sebab itu tadi mula-mula kakak tanya apa *angle* [sudut], apa *shot* [syot] sebab pelakon dia kena belajar benda tu sebab bila *tight* kau bagi *reaction* [reaksi] muka tu orang bagi biar suka. Kalau *you* [awak] pelakon teater kau buat la muka kau nyenyek orang nampak ke, tak nampak.

**NAS: Sebab jauh.**

LA: *That's why*-- [sebab itu] itu yang akak kata ilmu yang *you all* [kamu semua] kalau, insyaAllah mana la tahu *you all* [kamu semua] ada dalam industri ni nak belajar dari segi pengarahan ke itu yang kita nak, teknik itu. Hah, nak jual—kita panggil

jual beli. Contoh, *scene* [babak] tu macam, *"boleh tak I [saya] nak buat macam ni?"* tapi jangan bagi dulu, kejap lagi. *Tight you* [awak]--, bagi betul-betul, orang nampak, hah. Itu yang sebagai pelakon dia kena ada—*that's why* [sebab itu] kakak pun hari-hari belajar ilmu tu. *On shot* orang muka dia contoh, kita kat belakang kamera tak payah la beria-ria sangat bukan akak tak membantu *ellipse* ini ada pelakon yang *method* sangat tak semua ea, nak lempang orang walaupun kau tak ada, tak boleh la. Jadi, tu kadang-kadang isu yang kadang kita tengok orang kadang-kadang saja nak lempang, nak pukul.

**NAS: (mengangguk) haah. Macam sengaja.**

**NSMD: (mengangguk) haah.**

LA: Dia insiden [ kejadian] yang biar *I* [saya] berlakon—biar *I* [saya] cakap banyak ea sebab dua [2] jam kan.

**NSMD: (gelak) (serentak)**

**NAS: (gelak) (serentak)**

LA: Dia insiden [kejadian] yang pukul yang tolak tu macam-macam benda berlaku dekat set sebab tu kakak kalau *you all* [kamu semua] tak tanya biar aku, biar *I* [saya] cakap ea.

**NSMD: Haah.**

LA: Pasal a-a-a- kenapa kita ada semangat, akak semangat action [pergerakan] tu merubah segala-galanya. Kakak ni sebenarnya nampak hebat, kuat tapi kakak

penakut dengan binatang-binatang, ayam, ular tu jangan ea, kat set ular ke lintah ke—

**NAS : Kalau ada tu macam mana?**

**NSMD: Haah.**

LA: Hah, tu memang kakak tanya dulu ini lintah? Ini pacat? Memang tak akan. *Please* [tolong] la. Memang tak boleh tau benda tu tapi bukan tak pernah pun tapi tak tahu la macam mana itu la pengalaman.

**NSMD: Geli—**

LA: Macam tu jugak macam pegang ayam hidup memang mati hidup balik pun tak boleh. Terbaring, terguling-guling tengah jalan pun tak boleh. Tapi *once* [sebaik sahaja] diberi tanggungjawab itu akak akan cakap bila *director* [pengarah] kata *action* [pergerakan] je, automatik kita akan boleh, itu *I* [saya]. A-a-a-macam tu jugak macam soal pegang ayam ea, akak pernah ada *scene* [babak] yang konon-konon, sebab dalam cerita tu akak jahat, bunuh orang, ada ilmu, sa—macam jahat la jahat macam bomoh ke so [jadi], konon-konon kena potong ayam. Ceh, potong ayam , nampak makan darah, penakut sebenarnya. Tapi—

**NAS: Gagah kan jugak (angkat tangan)**

**NSMD: Tapi dapat buat (senyum)**

LA: Tak, tak gagahkan.

**NSMD: Oh, tak.**

LA: Akak punya tips, okey, *director* [pengarah] ke apa budak-budak prop ke apa, *"Macam ni ea dik, korang tahu akak kan. Okey, macam ni kau dah siap ea ayam."* Dia bekerja ada budak prop dia, dia ada handy semua siap-siap, *"okey, kau siapkan ayam kat situ, kamera kat mana?"* dah tanya dulu dah kamera kat mana, *prepare [persiapan], "oh, kamera kat situ. Akak nak masuk kat mana? Oh, masuk kat situ. Oh, angle [ sudut] situ."* Okey, *director* [pengarah] kata *action* [pergerakkan] je—

**NSMD: Terus (ketawa).**

LA: Akak akan *"action"* [pergerakan] akak akan ambik ayam tu buat (sembelih dengan laju) terus lupa. Ketakutan, kesakitan terus hilang. *That's why* [sebab itu] akak kata bila kita bekerja ni roh semangat ni memang beza.

**NSMD: Lain la lain.**

LA: Bila kata *"action"* [pergerakan] automatik ea terus (bunyi pap) amik, bila *cut* [potong]terus buang. Tu—yang akak rasa perbezaan dia yang kenapa boleh jadi macam gitu. *That's why* [sebab itu] kita bila berlakon, jiwa ke rasa ke pelakon kan kalau dia, *"Liza Abdullah dah bersemangat nak bercakap"*. Kadang-kadang kalau orang tengok lakonan tu *best* [menarik] sebab kita rasa. Kalau kita tak rasa macam mana penonton nak rasa lakonan kita tu yang kena ikhlas kena jujur buat kerja.

**NSMD: Tadi akak ada kata drama radio ea?**

LA: Drama radio pun—

**NAS: Drama radio tu macam mana?**

**NSMD: Drama radio tu feel [rasa] dia tu macam mana?**

LA: Okey, sebab tu—Allahuakbar, MasyaAllah, Tabarakaallah, bukannya akak nak cakap riak ea. Bukan semua pelakon filem, bukan semua pelakon teater, bukan semua pelakon tv boleh berlakon drama radio *because* [sebab] kau tak dapat nak tunjuk, kau tak dapat nak—

**NSMD: Haah, suara je.**

**NAS: Haah.**

LA: contoh macam, (reaksi jeling) nampak tak? Tak nampak kan.

**NSMD: Tak, haah.**

LA: (reaksi menumbuk) nampak tak?

**NAS: Tak.**

LA: Tapi macam mana kita nak—sebab *that's why* [sebab itu] kita kena rasa kita punya *"ah,oh"* penting tau.

**NAS: Intonasi**

LA: Intonasi. *That's why* [sebab itu] bila kita ada macam tu bila kita lepas je drama radio, insyaAllah yang lain *you* [awak] boleh buat. Untuk *body language* [bahasa gerak-geri] kena ada tapi pelakon-pelakon ni pulak kena ada kelebihan dia dari segi dialog. Lontaran dialog dia dah tak payah dah pergerakan. Ada pelakon tu dia bergerak (mendepa tangan) je dah nampak *best* [menarik]. Ada pelakon tu tak payah, dia jeling je pun dah bagus. *So* [jadi], kita kena tengok kelebihan apa yang ada. Kita—tengok tahu apa kelebihan kita. Macam kakak, kakak tak rasa kakak hebat *on* [pada] *body language* [bahasa gerak-geri] tau. Kakak tak rasa tu. Kakak lebih rasa intonasi akak.

**NAS: Haah, intonasi.**

LA: Sebab tu kalau kadang-kadang dalam lakonan banyak tau, kadang-kadang ada pengarah kata, *"okey, kak aku nak kau pergi sana kau bancuh-bancuh air lepastu kau masuk bilik kau jalan gini-gini,"* ni dialog nak ingat ni.

**NSMD: Haah.**

LA: Ni gerak nak ingat ni, ni tangan—sebab lakonan konti ea nanti *you all* [kamu semua] tahu la konti pegang tangan kat mana, dialog kat mana

**NSMD: (teruja) Oh.**

LA: Ya—dia banyak

**NSMD: Semua tu kena—**

LA: *Yes*—[ya] *that's why* [sebab itu] akak kata—

**NSMD: *Body language* [bahasa gerak-geri]**

LA: Nampak benda tu indah, *making* [pembuatan] diaorang tak tahu yang kadang berlakon kena maki, kena marah

**NSMD: *Behind the scene* [disebalik tabir] nya tu.**

LA: (mengangguk) Memang betul.

**NSMD: Haah.**

LA: Sebab dia fokus dialog, aku lupa pergerakan, aku ingat pergerakan, dia lupa dialog. Hah tapi akak punya prinsip senang bukan nak *against* [menentang] ea kalau macam *director* [pengarah]--kata, *"Kak, aku nak kau bangun ni,amik ni."* Akak akan tanya, *"apasal aku kena bangun?"* kita kena bersebab.

**NSMD: Oh.**

LA: Betul, betul logik. Kita kena logik. Kalau tak pasal-pasal kau suruh aku jalan tanpa sebab kenapa? Kenapa mesti bersedih kau menangis beria-ria. Kadang-kadang tak perlu bersedih menangis kau *reaction* [reaksi] kau je. *That's why* [sebab itu] akak

kata berlaku tu benda tu atas rasa kita. Kalau kita gerak kerana kita nak ambik memang aku nak ambik *towel* [tuala] aku nak pergi mandi tu *different* [berbeza] o-okey la. Tapi kalau dialog kau macam, "eh, kau nak makan ke tidak" tetiba kau pergi ambik tuala eh towel [tuala] tu. Ta-tak logik kan. *So* [jadi], benda tu la banyak benda yang akak nak cakap jadi pelakon atau jadi apa saja benda—tu berbalik kepada kita punya kejujuran kita bekerja dalam diri kita. Tak kan jadi benda yang pura-pura ni. Boleh la tapi sema—orang akan rasa

**NAS: Nampak *fake* [palsu].**

LA: Hah itu la. Berbalik la kepada yang kita citer tadi pasal pemain bola tadi kan, nak marah-marah orang. Kau masuk kat padang bola tu kau boleh gol ke tidak, dia benda macam tu la, cakap tu indah. Nampak tak *I* [saya] dah mula. Dua [2] jam tak lebih tak dua [2] jam?

**NAS: Kan macam setiap part tu ada shot [penggambaran] banyak – kali kan macam mana kita nak dapatkan balik *scene* [babak] nangis ke *scene* [babak] marah tu macam mana kita nak**

**NSMD: Tiba-tiba dah *cut* [potong] lepastu nak kena berlakon balik**

LA: Memang -- bila dalam set tu macam-macam boleh berlaku, kamera rosaklah *lighting* [pengcahayaan] tiba-tiba takdelah atau tiba-tiba tuan rumah punya anak menangis, takkan kita nak marah eh diamlah (sambil membuat muka marah) tak boleh kan kita kan *shooting* [penggambaran] rumah orang kadang-kadang

**NAS: Ohh kalau berlakon tuan rumah tak keluar eh?**

LA: Itu -- -- itu sesi lain itu nanti kita amik *job* [kerja] lain pulak ya (sambil tersenyum) okey maksudnya kalau kata nak mengekalkan kita punya momentum kita *feel* [perasaan] kita *that why* [sebab itu] adanya latihan, bukan makna kau dapat empat puluh episod kau kena kadang *"kak macam mana akak boleh hafal"* takkan lah kita nak hafal empat puluh [40] episod 4000 *scene* [babak] kita kena hafal tak *as long that* [asalkan] asas dia kita tahu perjalanan cerita dia kita dah *lock* [kunci] karekter kita *and then* [dan selepas itu] kita masuk set bila kita masuk set kita dah ada jadual kita hari ni ada berapa *scene* [babak] lima belas *scene* [babak], dua puluh [20] *scene* [babak], lima [5] *scene* [babak] *so* [jadi] berapa banyak *scene* [babak] kita terlibat, okey untuk *scene* [babak] ni kita akan masuk okey *standby* [bersedia] *wardrobe* [almari pakaian] pun dah siap prop prop [peralatan] pun dah siap kita masuk set, kita latihan kita latih kita dah tahu ohh *scene* [babak] ni, automatik kita dah tahu ohh *scene* [babak] ni begini – kita dah rasa kita latihanlah, dari segi mengekalkan kita punya macam contoh kak nak nangis -- *that why* [sebab itu] akak kata benda tu memang *it's not that easy* [tidak semudah itu] lah *so* [jadi] tapi tak bukanlah kata kakak ni pun sentiasanya jujur je kalau *shot* [penggambaram] aku tak nampak (sambil berlakon menangis) buat-buatlah menangis *you know* [awak tahu] tapi bukanlah tak bagi *feel* [rasa] dekat orang tu tapi kita berlakon sesama kita je faham nak bagi, bukan kata kedekut tau kadang-kadang kita tak rasa tak nampak alah tak boleh nangislah macam mana ni contoh kan takde buatlah *shot* [penggambaran] orang lain dulu macam mana

**NSMD: Boleh ke macam tu?**

LA: Kalau kita rasa kita tak *feel* [rasa]

**NSMD: Hah tak boleh nak nangis, boleh suruh orang lain?**

LA: Boleh tak *I* [saya] tak dapat lagilah boleh tak bagi *shot* [penggambaran] hah boleh atas budi bincangan, dia banyak benda tu akak kata berbalik pada kena bincang.

**NSMD: Okey, kalau macam satu drama tu selalunya dialog tu satu *scene* [babak] tu boleh hafal berapa lama, satu *scene* [babak] tu dialog tu boleh akak hafal dialog tu dalam masa berapa lama nak ingat?**

LA: Soalan tu *you all* [kamu semua] kena tanya dekat set dia macam ni soal hafal dia macam ni soal pelakon ni pegangan kakak kita tidak boleh hafal sangat dialog, kalau kita terlalu menghafal kita akan kaku, kaku dari segi satu benda kita tertinggal kita akan ingatkan dialog, kita tak ingat lakonan tau 'apa dialog aku lepas ni' betul *so* [jadi] kita sebagai pelakon macam kalau dialog tu macam panjang 'alamak dialog aku apa ni' kita akan *lost* [hilang] lah, kita akan kakulah

**NSMD: Ohh spontanlah**

LA: Dia *as long that* [selagi] dialog tu kita dah faham *and* [dan] kalau kita rasa kita nak ubah dialog tu ikut kesedapan kita, ada separuh memang tak izinkan untuk kita ubah dialog tapi kalau dialog tu dah sedap kita *reveal* [dedah] jelah kita -- kita jalan jelah tapi kalau nak kata *so* [jadi] entahlah tak tahu nak cakap macam mana nak kata hafal tu memang syukur sangat sangatlah di umur yang macam ni kan kakak selalu ambik pa -- pada akak praktkkan kakak faham apa yang kakak nak cakap, sekarang intonasi kita yang *you* [kamu] lontarkan dengan akak lontarkan tak sama sebab tu kadang-kadang kita kalau *you all* [kamu semua] tengok contoh *you all* [kamu semua] tengok cerita 'Mr Bibik' tak?

**NAS: Haah**

LA: Haa okey kebanyakkan dialog tu akak main buat sendiri je bukan semua dalam skrip

**NSMD: Sebab dia banyak komedi kan**

LA: Sebab akak rasa akak spontan, macam contoh yang viral bukanlah viral macam *"aku azankan kat telinga dia"* itu takde dalam skrip eh, itu *I* [saya] reka, sebab *I* [saya] rasa itu kreativiti *I* [saya] sebab *I* [saya] tengok dialog tu okey *as long that* [selagi] penulis skrip pun suka diorang pun okey *that why* [sebab tu] *I* [saya] kata benda tu kadang-kadang syukur pada Allah kreativiti tu Allah bagi macam sebagai pelakon ni dia memang kena ada kreativiti dia sendiri banyak benda yang akak rasa kalau kau dengar dia mainkan macam kan kalau dalam 'Mr Bibik' *I* [saya] bagi 'Mr Bibik' sebab dia tengah main contoh yang macam lawak sikit yang macam masa Aulia [watak dalam drama Mr Bibik] keluar dari bilik, boleh kita selitkan pasal tu drama 'Mr Bibik' eh

**NSMD: Boleh – (serentak)**

**NAS: Boleh – (serentak)**

LA: yang pasal dia terjerit-jerit dalam bilik kata *"dia nakal, dia suka cium ketiak"* cium ketiak takde dalam skrip eh itu *I* [saya] punya eh

**NSMD: Ohh buat sendirilah**

LA: Haah *I* [saya] reka sebab *I* [saya] rasa macam komedi macam *"alah anak aku ni nakallah" that why* [sebab tu] kadang-kadang pelakon kita tak nafikan sebabtu kalau kita tengok macam 'Maharalawak Mega' ke kenapa diorang jadi sebab itu tadi akak ada cakap kan pasal komedi dengan serius komedi lagi susah

**NSMD: Betul**

LA: Komedi ni kita kena kreatif *and* [dan] kita tak boleh guna banyak kali orang dah bosan, kalau kau *repeat* [ulang] banyak kali orang dah tak ketawa dah *so* [jadi] akak rasa benda tu bersyukur pada Allah sebab bila kita suka dengan kerja kita, macam *you* [kamu] lah bila *you* [kamu] suka dengan kerja *you* [kamu] lama pun takpe, kalau *you* [kamu] dah tak suka kerja tu gaji besar pun alamak tak sabarnya nak balik, macam tu jugak dalam set penggambaran okey dua jam ni kan lebih kan saja bagi masa sikit, kalau kita *shooting* [penggambaran] kadang orang tanya *"kak, akak shooting berapa ratus episod tak bosan ke?"* orang cakap kenapa akak macam okey contoh, lepastu ada jugak kadang kita buat telefilem, telefilem dalam tujuh hari [7] je, dia macam ni bila kita bekerja kita kena *create* [hasilkan] suasana yang macam *family* [keluarga] kita *best* [seronok], kita *excited* [tidak sabar] macam nak pergi set tu macam nak jumpa, kita macam *best* [seronok] *so* [jadi] moment [detik] tu jadi *best* [seronok] kalau kita kerja, macam dia ni alamak aku tak *best* [seronok] lah dengan dia ni, alah dia ni tak bestlah, dia bila tak *best* [seronok] tak *best* [seronok] -- kerja benda tu *simple* [ringkas] jadi tak *best* [seronok], jadi itu berbaliklah kepada sebab tu kadang-kadang kita tengok pelakon balik -- dengan pelakon tu balik -- dengan itu sebab kadang-kadang *producer* [pengarah] tanya *"akak, kau aku partner kan kau dengan Kaza* [Mohd Kaza Saisi]*"* yes [ya] (sambil tepuk tangan) contoh, kita dah tahu dah belum dapat skrip lagi dah kita dah tahu kita masuk set lagi kita dah *best* [seronok] *that why* [sebab itu] tapi bila kita berlakon dengan alah dia ni dulu contoh, kita pernah dekat set macam ada benda tak *best* [seronok] lah dia, contoh eh contoh – contoh dia tak buat kerja, kita tak kata pelakon baru eh, kadang-kadang dia macam ni ada pelakon baru yang okey, ada pelakon baru yang tak okey sebenarnya walaupun pelakon lama eh ada jugak yang tidak berapa okey, tapi kita tak cakap semua *that why* [sebab itu] kadang-kadang kita rasa macam kita kena adil nak -- mengata pelakon baru kadang-kadang pelakon lama contohnya dia pun tak bersedia, tak hafal skrip, tak tahu cerita ni kawan ni kalau aku dialog dengan kau satu kau -----. Okey berbalik kepada pasal kita ada keseronokan dekat set, yang pelakon kenapa ada *chemistry* [keserasian] kadang-kadang kita digabungkan dengan --- *"kak saya ada tiga orang ni kakak rasa nak berlakon dengan siapa"* kadang kita tak sampai hati pulak yang dia ni dah lama takde *job* [kerja] kita pun kadang jadi

kesian, okey kadang-kadang *that why* [sebab itu] kita kata kalau nak mengekalkan nak rasa macam *best* [seronok] kita bertanggungjawablah *that why* [sebab itu] ada pelakon yang kadang dia tak baca pun skrip, dia tak tahu pun cerita apa dia masuk set macam kita ni dah penat *rehearsal* [berlatih] banyak kali ni *take* [ambil] *take* [ambil] tapi dia tak baca tak hafal contoh, sekali du akita okeylah tapi kalau dah panas dah penat kita manusia biasa itu jadi -- tak *best* [seronok]

**NAS: Pernah tak termarah ke?**

LA: Hah marah pagi tadi tu marah (sambil tersenyum), kita manusia biasa, kita manusia biasa kita jaga *call time* [masa panggilan] kita masa kita sangat jaga, komitmen kita contoh *call time* [masa panggilan] kita kalau kita lambat ke dia macam ni bukan kata kita manusia takkanlah tak lambat, bagitahu jangan kalau kata boleh datang cepat bagitahu rasa tak boleh datang pun bagitahu jangan boleh -- boleh tak sampai ataupun boleh tak kita *call time* [masa panggilan] pukul lapan sebab apa pukul lapan rumah ni hanya sampai pukul sepuluh kita kena fikir tau tuan rumah tak boleh dia ni sampai sini jadi komitmen masa tu kita kena berbincang jadi apa-apa benda pun tahap kemarahan kita tu pun tengok kalau kita marah pun kalau benda tu menambah kebaikan bolehlah marah tapi kalau kita marah contoh pelakon tu kita marah tak menjadi takde masuk otak dia pun macam mana kita nak buat haaa sampai sekian saja lah sebab tu kadang-kadang kita tengok lakonan kita ni kita berlakon berdua tapi kita rasa berlakon sorang haaa pernah macam aku berlakon dialog ni, aku lain pulak kau punya *reaction* [reaksi] nya macam aku cakap tadilah, macam korang kan baca korang hanya ingat korang punya *line* [barisan]

**NSMD: (Ketawa serentak)**

**NAS : (Ketawa serentak)**

LA: Kau tak *react* [beri reaksi] pun aku cakap sebab bila kita berlakon dia is *take two* [ambil dua] tau kita kena ada

**NAS : *Two way communication* [komunikasi dua hala]**

LA: Tindak balas haaa walaupun dialog dalam -- dalam *tv* [televisyen] dia teater konsep teater konsep teater tu lain kita kena macam shot [pengambaran] kau kita tak boleh masuk sebab nak on editing side [sampingan penyunting] tapi kita fahamlah bukan makna kau cakap kita terus tak pandang kita bagi *reaction* [reaksi] sebab tu kadang kita kena habis *that why* [sebab itu] kita kena ada latihan, latihan dialog *you* [kamu] sampai mana sampai situ nanti *I* [saya] masuk eh contoh. Contoh dialog dia macam *"aku -- cakap dengan kau, kau kena dengar cakap aku gini-gini"* lepastu dah habis dah (sambil melakonkan dialog) ini aku nak cakap jadi kita *rehearsal* [latihan] sampai -- baru kita masuk, itu *editor* [penyunting] punya kerjalah pulak *unless* [melainkan] dia shot tu dia macam ni kalau *two shot* [dua shot] dia *different* [berbeza] *you* [kamu] boleh lah cakap alet alet sebab dalam lakonan ni banyak benda yang orang tengah cakap kita tak boleh masuk ada jugak *especially* [terutama sekali] *scene* [babak] gaduh *I* [saya] selalu pertikaikan kadang-kadang *I* [saya] macam selalu *against* [membantah] diorang macam-mana ni gaduh ni takkan nak tunggu mana kita nak tahu dia gaduh dia nak habis cakap bila kan kita tengah marah tahu tak bila masa dia nak habis cakap takkan *so* [jadi] benda tu macam menguji kita tapi teknik kita kena belajar dari segi macam ohh kita rasa macam ohh bila kita rasa macam nak bagi orang tu masuk kita macam (sambil tepuk tangan dengan membuat lakonan marah) haaa masuklah maknanya itu dia dah habis cakaplah konon *so* [jadi] kita kena jangan ada -- sifat dalam lakonan nak menguasai, dalam lakonan jangan ada sifat nak overshadow [membayangi], dalam lakonan jangan ada rasa kau bagus kau tak bagus takde, istilah kau lebih, kau hero, kau hero kerana kau hero kau bagus tak, kerana kau 'Mak Leha' kau bagus tak! *No* [tidak]! *Such thing* [macam itu] benda tu, dia kena kalau *scene* [babak] tu *you* kamu] punya *scene* [babak] kita tolong kita bagi dia bagi dia nampak *best* [seronok] haa sebabtu kita tak boleh, tak boleh ada benda tu, tak boleh rasa macam kita hebat, tak boleh!

**NAS : Macam kau, kau aku, aku macam tu eh**

LA: Yelah kalau dalam lakonan, kadang-kadang kita rasa macam contoh dia rasa nama dia besar kita pelakon *extra* [tambahan] jekan layan tak layan je tak boleh haa kita kena adil macam tu.

**NSMD: Tapi ada jugak yang macam tu eh?**

LA: Ada kot, entah dekat dengan *I* [saya] takde kot, mesti *you* [kamu] nak tahu rahsia *I* [saya] haa macam tulah.

**NSMD: Habis kalau drama semua tu memang akak tengoklah lepas akak dah berlakon tu tengok dekat *tv* [televisyen] lah?**

**NAS : Apa perasaan tengok diri sendiri berlakon?**

LA: Ada orang dia tak suka, ada orang dia tak berkenan tengok lakonan tapi akak suka, kakak memang nak tengok. Nak tengok satu kadang-kadang kita rasa contoh eh *I* [saya] boleh ketawa balik, berangan-berangan, berangan ni berangan eh *I* [saya] rasa macam, orang nak cakap apa cakaplah tapi *I* [saya] menilaikan ohh *best* [seronok] jugaklah, kita rasa diri sendiri tapi bukan makna tu kita akan cuba memperbaiki menambahkan lagi contoh kita 'alamak salahlah dialog aku ni, aku rasa' kita akan rasa menyesalnya *I* [saya], *I* [saya] akan rasa kita *improve* [menambah baik] lah balik *so* [jadi] kita tengok tu atas dasar kita sendiri nak bagi kepuasan kepada orang kita akan memperbaikilah benda tu *I* [saya] akan tengok *I* [saya] akan ada masa *I* [saya] akan tengok balik kalau boleh, sebab tu kalau dulu kita berlakon habis satu *scene* [babak] tu kita *playback* [mainkan semula] *director* [pengarah] akan panggil kita meh tengok kau ada tak benda nak haa dulu ada masa macam tu, sekarang kadang-kadang kekangan masa nak kena kejar cepat haa kadang tak sempat nak tengok haa benda-benda macam tu kadang-kadang tapi --

tapi kita akan rasa macam contohlah abang ke adik ke Mal ke siapa nama kan aku rasa macam tak okey lah *scene* [babak] tadi boleh tak kita *shoot* [penggambaran] kita boleh mintak bole tak *one more* [lagi sekali] kita rasa boleh

**NSMD: Oh boleh?**

LA: Boleh kita boleh *request* [permintaan] kalau kita rasa macam kita tak *best* [seronok] *scene* [babak] tu nak buat balik boleh, tapi janganlah kau hari ni kau habis minggu depan kau nak pergi *shoot* [penggambaran] balik takdelah orang nak layan.

**NAS : Akak ada join [sertai] kelas-kelas maksudnya nak *improve* [menambah baik] kan balik kita punya *skill* [kemahiran] tu ada berguru dengan siapa-siapa ke untuk lakonan ke?**

LA: Takde, itulah akak, tu kata orang pelakon sekarang banyak ambik kelas lakonan, kakak tak pernah dulu pun masa pertama kali berlakon takde kelas lakonan, takde asas lakonan, tak pernah ada langsung benda tu haa tapi nak kata bila orang kata "kak, *why don't you* [kenapa tidak kamu] macam bukak kelas ke bengkel" *I* [saya] tidak pernah rasa *I* [saya] bukan orang yang hebat nak mengajar orang tak eh, kalau *share* [berkongsi] ilmu Insha Allah, kita ada orang dia memang bukak bengkel lakonan sebab dia memang hebat pun tapi kakak kalau ada peluang nak belajar berlakon tu sebenarnya kalau ada masa mungkin kot nak pergi tapi sebenarnya dalam setiap hari kita masuk set itulah pembelajaran kita nak *improve* [menambah baik] sebab lagi satu pulak dekat set dekat lokasi kadang-kadang ada orang kata budak-budak baru contoh "kak aku ni tak pandai berlakon lah kak, boleh tak nak mintak ajar kak" akak kena cakap bila kita dah masuk set itu bukan masa lagi nak belajar satu-satu bukan! Dia masuk set tu kau dah bersiap sedia sebab tu pelakon baru *make sure* [pastikan] lah korang dah betul-betul bersedia, dah bersedia tu dalam erti kata bersedia kena tegur, bersedia kena marah kalau korang tak prepare

[sediakan] tapi kalau tak marah tak tegur macam mana nak jadi lebih baik jadi di set penggambaran bukan masa untuk belajar lagi itu jelah akak nak cakap.

**NSMD: Maksudnya kena amik kelas awal-awallah**

LA: Haa itu maksud bersedia, kena bersedialah, *unless* [melainkan] kalau *you all* [kamu semua] memang ada bakat yang semula jadi yang kita nampak itu kita akan *brush* [berus] basuh (sambil membuat gerakan membasuh) lama-lama akan hebat, dia dalam bidang lakonan ke apa benda apa saja bidang dia kena ada dua bakat dengan minat, bakat dengan minat seiring ehh ada orang kata ohh bakat dengan minat sama tak! *different* [berbeza] bakat tu memang kita dah ada minat tu termasuklah soal jadi disiplin kadang-kadang kita tengok pelakon tu hebat yang kita tengok orang ramai tapi kenapa takde banyak tawaran, kenapa setakat situ saja, complaint [aduan] banyak, orang bila dah cakap banyak-banyak *producer* [pengarah] pun takut nak ambik, *call time* [masa panggilan] pukul lapan pagi pukul sepuluh kau tak sampai lagi, sepuluh malam kau tak sampai lagi, telefon memanjangnya tak jawab (sambil membuat isyarat buat panggilan) itu maknanya tak minat haa itu maksud akak tadi kalau ada minat bakat kau kurang sedikit boleh pergi sebab bakat boleh diasah, minat tu displin tu yang dalam diri sendiri.

**NSMD: Tadi akak kata akak memang takde pergi kelas lah**

LA: Takde! Takde!

**NSMD: Maksudnya akak memang berbakatlah, memang bergantung pada bakatlah**

LA: (Sambil senyum tersipu malu) tak tahulah

**NAS : Masa mula masuk industri tu pun memang sendiri**

LA: Dulu akak suka nyanyi, haa itu akak cakap macam bakat lakonan tak pernah tahu pun dalam diri ni ada bakat lakonan, tak pernah tahu tapi macam akak cakap tadilah masa dekat sekolah ada pertandingan 'Bahasa Malaysia' buat-buat kita adalah berlakon-lakon mak tirilah, watak mak tiri *I* [saya] pengarah anak tiri yang nak kena seksa, kena pukul sebab kita tengok dari cerita-cerita P.Ramlee, kita amiklah daripada situ kenapa kalau mak tiri tu jahatnya lah, menjerit-jerit tu memang mak tirilah kalau anak sedih-sedih menangis-nangis tu anak tiri lah *so* [jadi] benda tu kita dah ada benda tu dalam jiwa kita dah ada benda tu

**NSMD: Maksudnya belajar daripada apa yang kita tengoklah eh?**

**NAS : Belajar dari pengalaman (sambil senyum)**

LA: Haah nak kata bakat ke takde, takde platform takde, takde kelas

**NAS : Kakak ada nak join [sertai] berlakon teater lagi ke?**

LA: Insha Allah, kakak ada dah dapat tawaran dah untuk akan datang dah ada, sebenarnya sebelum ni pun dah beberapa kali mendapat tawaran tapi kena ingat eh teater dengan filem, dengan drama *different* [berbeza] teater latihan sebab kita persembah secara *live* [langsung] sebab tu kalau teater adalah benda yang sangat-sangat menakutkan akak untuk buat sebab teater takde ulang dua kali *once you* [sekali kamu] keluar *stage* [pentas] kau salah dialog, kau nak *repeat* [ulang] macam-mana, kak -- -- kak semula! Ada tak takde kan, jadi teater ni sampai hari ni kalau kakak nak buat kakak *make sure* [pastikan] kakak kena betul -- *free* [bebas] kakak kena latihan betul -- padu baru masuk *stage* [pentas], sebab kakak sepanjang buat teater dulu sepuluh malam, sepuluh malamlah kakak akan duduk

berseorangan tak nak campur orang, kakak akan jadi bukan 'Lizza Abdullah' kaka akan fokus, sebab kakak ni adalah satu orang yang kalau nak buat tu mesti nak yang terbaik, kakak akan bagi 200 *percent* [peratus], kakak takkan bagi cincai, istilah cincai tu Insha Allah tidak ada dalam kamus hidup akak kalau akak buat jadi kalau teater tu, kalau aku salah macam mana orang ramai kalau aku salah dialog haa faham tak, kalau drama kita boleh jap, jap alah salah dialoglah, *one more* [sekali lagi], *one more* [sekali lagi] haa *one more* [sekali lagi], *one more* [sekali lagi] tu dah biasa, teater kena buat persediaan, tapi kalau bagi peluang kakak memang nak buat satu teater yang meninggalkan kesan sebab teater tiada ulangan haa.

**NAS : Lama ke selalunya nak latihan untuk teater ni?**

LA: *Depends* [bergantung] pada *scene* [babak] kita, kalau sebab teater kan dia ada blok-blok, kalau kita memang bukan leading [mengetuai] setakat dua, tiga kali walaupun dua, tiga kali keluar pun memerlukan latihan, tapi kalau macam tu kita tengoklah pada jadual kita bila latihan kan kata orang *practice makes perfect* [latihan menjadi sempurna] kan jadi benda tu bukan kata berlakon drama takde latihan, latihan sebelum masuk set, *every scene* [setiap babak] sebab kita kena ingat berlakon drama *scene* [babak] banyak, berlakon teater itu saja kan, jadi kalau teater tu kakak memerlukan masa yang betul -- secukupnya dengan fizikal, dengan mental, dengan segala-gala kena sihat haa sebab *show* [persembaham] dia terhad di situ, kalau *shooting* [penggambaran] drama-drama ni kita bolehlah kalau sakit ke tak sihat ke kita boleh tukar hari haa *so* [jadi] benda tu kena buat persediaan mental dan fizikallah, dah cukup dua jam, kering dah air liur aku bercakap dah, dia dera akak dik dua jam bercakap dekat sini (sambil tersenyum). Haa lagi apa?

**NSMD: Kalau masa dululah masa mula-mula masuk industri seni ni ada tak cabaran tu, cabaran untuk masuk dalam industri seni?**

LA: Sebab tu kalau nak tanya, okey kita tidaklah bercerita kita tak naklah buka cerita macam mana boleh jadi dalam macam mana boleh terlibat eh haa, *that why sometimes* [sebab itu kadang-kadang] kita kena tengok ada pelakon ke, penyanyi ke pengacara *or* [atau] apa saja memang masing-masing ada cita-cita ada benda kadang-kadang dia *aim* [matlamat] benda tu dia ada bakat tapi pergi tak jadi, pergi tak dapat ataupun kita tengok dia masuk tapi dia biasa saje tapi kenapa dia boleh pergi eh, kadang-kadang kita macam kenapa eh kadang-kadang kita pikir kita kena percaya memang aturan eh, aturan Allah dan dalam masa yang sama kalau nak kata hah beza nak masuk dalam industri ni dia bagai-bagai platform cuma kalau zaman dulu memang kita kena lalui berbagai-bagai cabaran sebab dulu kita tidak ada realiti program, sekarang ni kita tengok realiti program, budak-budak semua macam cendawan tumbuh, macam-macam bakat yang kita nampak tetapi berbalik kepada niat kita, kalau kita nak masuk dalam industri atau kita nak buat apa saja niat kita betul betul ya Allah dengan bakat yang kau bagi padaku ni kau kurniakanlah aku sesuatu benda yang boleh memberi manfaat dan rezeki yang halal dan apa tujuan kita dalam industri ni pun kena ada niat yang betul *so* [jadi] insha Allah kalau benda tu ada bakat yang ada, bakat minat seiring *I* [saya] rasa cabaran tu *you* [awak] akan anggap benda tu senang, sebab kita ni kalau nak dapat sesuatu benda yang elok memang kita akan hadap benda yang kecik-kecik ni, tapi *once* [sekali] kita dah boleh - hadap dengan segala pahit getir Insha Allah *you* [awak] pergi mana-mana pun *you* [awak] akan alah takde hal lah ni haa *you* [awak] pegang pada prinsip tu Insha Allah, kalau nak tanya *I* [saya] ni malas nak cerita dekat sini berbagai-bagai jugak ujian berbagai-bagai jugak pahit getir tapi ini jugak Allah kata kita teruskan, teruskan dengan percaya dan yakin bahawasanya apa yang kita buat tu Allah tahu niat kita, kita buat yang terbaik, orang suka dengan kita , beri manfaat pada orang lain Insha Allah kita akan berada di mana saja kita selesa. *I* [saya] kadang-kadang jadi penceramah

**NSMD: (ketawa serentak)**

**NAS : (ketawa serentak)**

LA: Kadang-kadanglah (sambil tersenyum)

**NSMD: Haa macam kenapa lakonan yang menjadi bidang puan?**

**NAS : Bidang utamalah, sebab dulukan ada menyanyi jugak *so* [jadi] kenapa macam lebih utama**

**NSMD: Haa kenapa lebih kepada lakonan pulak sekarang?**

LA: Korang ni mesti tak pergi siasatkan, tak pergi, korang nak jawab soalan ikut suka, korang memang tak buat homework [kerja rumah] kan (sambil senyum).

**NSMD: Buat (serentak)**

**NAS: Buat (serentak)**

**NAS: Buat tapi orang kata kena –**

**NSMD: Haa kena tahu lebih lanjut**

LA: Haa kenapa?

**NSMD: Kenapa pilih bidang lakonan**

LA: Pilih ke?

**NAS : Kenapa utamakan lakonan?**

LA: Okey mana-mana memang kita cakap hidup ini adalah pilihan kadang-kadang tetapi kita kena ingat sebenar-benarnya aturan dia [Allah] dia [Allah] yang mengaturkan hidup kita, memang kita dalam diri kita, kita suka menyanyi, kita suka macam-macamlah benda macam dulu masa masa sekolah rendah dulu nak jadi apa cita-cita nak jadi pramugari ya *I* [saya] dulu zaman-zaman sekolah rendah sebab zaman *I* [saya], *I* [saya] tidak menidakkan pramugari sekarang, zaman kitorang dulu, pramugari tu satu kerjaya yang

**NSMD: Susah**

LA: It's not that easy to get [bukan senang hendak dapat] cakap orang puteh eh, eh tak- - tidak, tidak mengatakan pramugari sekarang tak okey tapi macam tu jugak pelakon, penyanyi memang masa zaman sekolah, sekolah rendah suka menyanyi, setiap kali pertandingan I [saya] dengan adik beradik I [saya] mesti akan masuk 'Pertandingan Bahasa Malaysia' menyanyi, situ menyanyi dulu pun pernah eh masa sekolah rendah ada persembahan untuk cikgu, hari cikgu kan kita pun berlakonlah menyanyi memang suka memang ada jiwa kita

**NSMD: Haah**

LA: Okey kalau ikutkan jiwa ni memang suka menyanyi kita tak pernah tahu kita ada bakat lakonan jadi *that why* [sebab itu] kita kata kadang-kadang kita kena menghargai apa yang ada kelebihan dalam diri kita *so* [jadi] bila kita dalam tiba-tiba nak terjah dalam bidang ni sebenarnya *plan* [rancang] tu nak jadi penyanyi tapi dalam masa yang sama tiba-tiba ujibakat lakonan pergilah ohh tak tahu ada bakat lakonan tak pernah tahu ada bakat lakonan tetapi untuk pengetahuan semua

bila kita ada dua tu dalam diri kita sebenarnya kakak selalu pegang pada prinsip kebanyakan penyanyi diorang boleh jadi pelakon sebab diorang ada bakat memahami apakah perasaan sebagai penyanyi dan untuk meluahkan rasa dalam bidang lakonan dalam watak tetapi pelakon dia susah nak menyanyi sebab vokal, jadi kakak sebenarnya bila dah -- peluang berlakon tu kakak selitkan menyanyi sebab kalau ikutkan daripada drama kakak, kakak ramai yang tidak tahu sebenarnya semua menggunakan suara kakak, suka menyanyi, memang suka menyanyi *and* [dan] peluang walaupun takde album

**NSMD: Haah**

LA: Alhamdulillah di ketika itu dapat peluang merakamkam, eh dapat peluang menyanyi di pentas-pentas walaupun takde album jadi kalau nak kata kenapa ke bidang lakonan sebenarnya kita peluang yang datang itu banyak lakonan, banyak pekerjaan untuk berlakon *of course* [sudah tentu] kita akan ambil peluang berlakon

**NAS: Hah ambil peluang berlakon**

LA: Tak kan kita kata tak naklah berlakon nak menyanyi nak menyanyi, menyanyi orang tak pandang pun jadi itulah dia orang nampak kelebihan dia berlakon satu dalam masa yang sama ramai yang tak tahu cerita 'Normala Sayang' suara *I* [saya], filem 'Pagar-pagar Cinta' suara *I* [saya], drama *I* [saya] masa *I* [saya] zaman muda suara *I* [saya] *and* [dan] peluang menyanyi masih lagi dapat sampai ke hari ni dan pernah pun merakamkan album. *So* [jadi] dia seiring sebenarnya.

**NAS : Boleh puan ceritakan sikit idola, siapa idola puan dalam industri seni ni?**

LA: Saya ni memang meminati pelakon-pelakon lama bukan menidakkan pelakon-pelakon sekarang sebab masa kita muda dulu kita suka tengok cerita P.Ramlee [Allayarham P.Ramlee], kita suka tengok Mak Dara [Allahyarhamah Dara Ali], kita suka tengok Mad Nisfu [Allahyarham Mohamed bin Nisfu], kita suka tengok A. R. Tompel [Allahyarham Aman Ramli bin Jaafar], haa benda-benda macam tu *so* [jadi] mengidolakan semua yang baik-baik, yang, yang indah, yang kita rasa melekat dekat hati kita *so* [jadi] nak kata individu tu tak memang kakak memang mengidolakan semua pelakon-pelakon lama *eventhough* [walaupun] pelakon sekarang pun ada yang kakak idolakan, ehh sukalah tengok dia ni, ehh sukalah *so* [jadi] tidak ada kakak tidak ada *stating* [menyatakan] macam satu haa takde, takde.

**NAS : Adakah diorang ni, pernah pernahlah berjumpa -- dengan idola-idola ni?**

LA: Macam kakak cakap, masa baru-baru dalam industri ni kakak memang berlakon dengan pelakon-pelakon lama zaman tahun 1982 tak silap, kakak dapat tawaran berlakon, kakak sempat lagi Alhamdulillah sempat lagi berlakon dalam drama hitam putih

**NSMD: Haah (serentak)**

**NAS : Haah (serentak)**

LA: *And* [dan] sempat jugak berlakon drama *colour* [warna] *first* [pertama] drama *colour* [warna] dekat *tv* [televisyen] kakak dapat jugak berlakon *and* [dan] masa kakak *first time* [pertama kali] berlakon *tv* [televisyen] kakak dapat jumpa dengan pelakon-pelakon lama, memang kita tengok macam teruja macam Allahyarham Normadiah, Allayarham Aziz Jaafar, kakak dapat satu platform dengan diorang dapat satu *stage* [pentas] dengan diorang *so* [jadi] Subhanaallah nak cakap ehh *that why* [sebab itu] kalau untuk pelakon-pelakon baru ni, kadang-kadang kita jangan menidakkan pelakon-pelakon lama

**NSMD: Haah betul**

LA: Kita kena menghormati mereka *so* [jadi] kakak dulu memang rasa peliklah macam kakak kalau nampak pelakon lama macam *like* [seperti] uishhh ya Allah dapat duduk berbual dengan mereka, kalau nak kata idola yang muda pun kakak okey yang tua lagilah, macam tu.

**NAS: Okey kita akan berhenti sekejap rehat lima [5] minit lepastu kita akan sambung balik**

LA: Ohh ada rehat ke okey, patutlah tadi *I* [saya] tengok belakang ada macam (sambil buat isyarat tangan berhenti)

**NAS: (ketawa serentak)**

**NSMD: (ketawa serentak)**

LA: Macam tu paham.

**NSMD: Okey, kita sambung kita punya –**

LA: Ye, memang kena sambung – sebab tadi dah *stop* [berhenti]. Memang tahu sambung (membelek tudung).

**NSMD: Okey, hah sebelum mendapat –**

LA: Apa! (gelak)

**NSMD: Sebelum dapat watak yang pertama, adakah puan terlibat dengan sesi ujibakat?**

LA: Sebelum dapat watak pertama? (keliru)

**NSMD: Haah, yang *first* [pertama] --.**

**NAS: Sebelum berlakon tu, ada tak buat ujibakat ke atau *join* [menyertai] ujibakat.**

LA: Oh, tawaran?

**NAS: Haah, tawaran.**

**NSMD: *Join* [menyertai] ujibakat.**

LA: Sebenarnya tahun 1982 (berfikir) tak silap, diketika itu salah satu sia—RTM la sebab masatu kita takde TV swasta lagi. Diorang memang tengah cari satu watak (berhenti seketika) watak and ketika itu macam kakak--. Berbalik kepada soalan tadi tu kakak memang nak cari duit je sebenarnya. Sebelum tunggu keputusan SPM tu tiba-tiba kakak temankan kawan tau sebenarnya pergi--. Diorang masa zaman tu ada pertandingan Ratu EJA. Ratu EJA ni adalah satu—persatuan *reporter* [wartawan] yang buat pertandingan Ratu EJA sebab kebanyakkan pelakon ahh bukan la kebanyakkan ada beberapa pelakon asalnya daripada Ratu EJA tu. *So* [jadi], kakak pergi teman sebab ikut arwah bapak kakak takde istilah ratu-ratu tu ea. Dia takde istilah nak masuk-- ratu tu tau (gelak). Jadi, pergi teman entah macam

mana diketika itu ramai la *reporter* [wartawan] agaknya muka comel—lepastu dia jumpa. Dia datang dekat *I* [saya]. Padahal *I* [saya] takde kena mengena, *just* [hanya] datang temankan kawan pergi *audition* [uji bakat] tu, pergi pertandingan ratu tu. Tetiba dia kata, minat nak jadi pelakon tak? Hah pelakon? Kita rasa kita comot dengan muka (senyum). --- takpe—masatu kita ada surat khabar kecil (ketawa) macam kat bawah tu macam ada '*Bakat Minggu Ini*,' ahh macam tu. Tiba-tiba post adalah – entah macam mana ada orang *contact* [berhubung] kita. Kita dulu takde *handphone* [telefon bimbit] semua takde. Telefon rumah. So [jadi], dia kata ada satu ni ada nak cari watak tu. Kita ni otak kita ea, kakak la ketika itu fikir *"Aku ni nak cari duit. Kalau ada peluangkan pergi la ea."* Berani nya *confident* [yakin] dengan panjat bukit RTM, naik teksi takde kenderaan kan, panjat dengan beg ingat lagi bakul Sarawak yang dulu macam *bagpack* [beg sandang] tu kan (gaya memakai beg sandang) bawa pergi panjat RTM. Pergi-pergi ni macam kita macam *like* [seperti] kita fikir kita bukannya – masatu bukan nak sangat jadi pelakon takde pun fikir. Tapi rezeki Allah, masa datang tu penerbit tu kata ini adalah orang yang kelapan belas orang yang datang. Dia kata, *"Minat tak jadi pelakon?" "Alamak aku ni berlakon-berlakon sekolah pernah la". "Boleh menyanyi tak?"* Dalam keadaan itu rupanya memang dia memang mencari watak--masatu rambut kakak zaman dulu kembang macam cantik nohh la rambut kembang tu (gaya rambut kembang). Lepastu dia mintak akak menyanyi sikit. Jadi kita ni mungkin kita suka menyanyi *so* [jadi], lagu—bangsawan tau. *I* [saya] nyanyi sikit ea (menyanyi). '*Melur kayangan, melur kayangan si nagasari*'. Lagu-lagu lama tau macam *"Eh, I* [saya] *boleh."* *So* [jadi], takde fikir panjang takde fikir apa, tak tahu la rezeki Allah kata, *"okey, lulus dah boleh pergi". "Hah, lulus?"* Jadi, kita rasa macam hah (muka terkejut). Hah, itu dia punca asal-asal dia tapi ketika itu pun kita rasa macam sekadar, *"aku berlakon lepastu nanti habis, habis lah"* itu maksudnya. Tapi pergi masa pergi dekat RTM tu rupanya penerbit tu salah sorang penerbit tu dah meninggal dah, dah lama sangat. Dia kata kenapa kakak dapat. Dia kata dia punya sebab dia, *"Dalam banyak-banyak yang datang, akak yang paling confident [yakin]. Orang lain duduk menggigil pegang skrip macam ni (menggigil)".*

**NSMD: Oh! (gelak)(serentak)**

**NAS: Oh! (gelak)(serentak)**

LA: Dia kata, *"Liza Abdullah"*, *I* [saya] nak berdiri--. *I* [saya] berdiri macam--*"Apa dialog? Okey, gini-gini."* (pegang kertas). Dia kata keyakinan *I* [saya] membuatkan dia yakin. *That's why* [sebab itu] *I* [saya] pegang pada prinsip kalau kita nak buat sesuatu kita kena yakin walaupun padah haram je berlakon masatu. Macam bagus (ketawa).

**NSMD: (gelak)(serentak)**

**NAS: (gelak)(serentak)**

LA: *"Apa dialog? Baca. Ni dialog dia? Alah, ni gini"* (pegang kertas sambil menggerakkan tangan). Dapat. *That's why* [sebab itu] rezeki Allah. Itulah permulaannya detiknya kakak memulakan kerjaya sebagai pelakon di RTM pada 1982 iaitu bangsawan yang kalau semua tahu bangsawan ni biasanya hanya dipentaskan di pentas-pentas tapi dipentaskan di—dimasukkan ke dalam TV untuk—di—divideokan supaya orang dapat tengok apakah bentuk bangsawan sebenarnya (tepuk tangan). Itu la dia mula-mula punca kakak--.

**NSMD: Apa perasaan bila dapat tu (gerak tangan)?**

LA: Kan kakak cakap masa dapat tu kita nak cari duit, *"uihh, berlakon-berlakon ni aku dapat duit ni."* Otak tu nak cari duit je (gelak). Hah, jadi masatu kan kalau bayaran tu RM600, RM800 [mata wang Malaysia] tu dah besar sangat.

**NSMD: Terima la.**

LA: Bukan, dah besar sangat dah. *Maybe* [mungkin] RM600 dulu RM6000. RM800 dulu RM800 [mata wang Malaysia]. Budak-budak sekolah kot dapat RM100. Lima puluh ringgit [mata wang Malaysia] pun dah besar. Jadi, tapi walaupun bayaran tu bukan la *immediate* [segera] dapat tapi lepas pada tu, lepas keluar untuk pertama kali berlakon, diorang kata—bukan kakak cakap ea, *"akak ada bakat"*. *So* [jadi], lepas pada tu tawaran demi tawaran kakak dapat. Memang tak menjangkakan sebenarnya.

**NAS: Setakat ni kakak dah ada berapa buah lagu, akak kan pernah menyanyi kan. Dah ada berapa album ea, *single* [rekod single]? (gerak tangan)**

LA: Zaman akak dulu tak wujud *single* [rekod single] tau. Zaman kakak dulu memang *full album* [album penuh]. Kakak ada—*full album* [album penuh], album duet, album *'Marah-Marah Sayang'* tu. Kitaorang rekodkan jugak lagu tu dalam bentuk kaset. Dulu kaset, dlu ada LP ada EP. So [jadi], kalau ikutkan akak ni bukan la penyanyi hebat, tegar yang ada berpuluh-puluh album. Tak ea. Tapi kakak bersyukur sebabnya setiap bukan la setiap, maknanya ada beberapa drama *and* [dan] filem yang menggunakan suara kakak. *So* [jadi], kakak bukan la penyanyi, pelakon hebat yang ada beratus-ratus album tak. Ada lah beberapa sahaja.

**NAS: Boleh puan nyanyi sikit yang *'Marah-Marah Sayang'* tu?**

LA: Alah, bayar tak--? (ketawa)

**NSMD: (ketawa) (serentak)**

**NAS: (ketawa) (serentak)**

LA: Kan *I* [saya] cakap *I* [saya] mata duitan? (ketawa)

**NSMD: (ketawa) (serentak)**

**NAS: (ketawa) (serentak)**

LA: Lagu *'Marah-Marah Sayang'* ada bentuk- - dia bibit, dia apa, sekuntum bunga merah

**NAS : Yang kat pintu tu?**

LA: Yang buka pintu. –lelaki nyanyi.

**NAS : Oh, lelaki.**

LA: Kalau perempuan tu yang ah *'bibir ku mengucapkan perasaan hati yang silih berganti'* hah tu sikit je la. Dengan Dato' Reza [Shah Rezza] kan (senyum).

**NAS : Haah (gelak) (serentak)**

**NSMD: Haah (gelak) (serentak)**

**NAS: Okey, sekarang kita pindah ke bidang lakonan pulak. Apa filem pertama atau drama pertama yang puan berlakon?**

LA: Filem pertama adalah filem *'Pagar-Pagar Cinta'*, di bawah arahan AR.Badul. Itu juga merupakan filem pertama dia. Itu jugak kali pertama akak berlakon bawah *production* [produksi] *Sabah Film* yang dimana semua tahu *Sabah Film* dulu dah mengeluarkan ramai artis-artis yang sampai kini masih ada lagi, itu *'Pagar-Pagar Cinta'*. Kalau drama tu yang akak kata tadi *'Bangsawan TV'* pada tahun 1982 di RTM. Tu drama pertama kakak.

**NSMD: Filem?**

LA: Filem *'Pagar-Pagar Cinta'* tadi.

**NAS : Yang *'Ali Setan'* tu yang keberapa?**

LA: *'Ali Setan'* tu dah—lepas marah—lepas *'Pagar-Pagar Cinta'*, kakak berlakon *'Ali Setan'* tak silap. *'Ali Setan satu [1]'*, lepastu *'Balik Kampung'*, ahh *'Ali Setan dua [2]'*, lepastu *'Jejaka Perasan'*, ah dah kemudian *last* [akhir] *'Marah-Marah Sayang' then* [kemudian], baru ada beberapa. *'Marah-Marah Sayang'* dah kemudian la. *'Marah-Marah Sayang'* 1986.

**NAS: Watak yang akak dapat tu semua akak terima je la. Takde tolak apa. Macam—**

**NSMD: Masa berlakon tu.**

**NAS: Haah, masa berlakon tu.**

LA: Macam mana soalan tu? Tak berapa *clear* [jelas].

**NAS: Watak tu ah dia dah berikan atau kita kena pilih ke?**

**NSMD: Maksudnya akak masa drama tu watak apa yang akak pegang? Jadi budak kampung ke?**

LA: Soalan tak faham.

**NAS: Watak yang akak dapat dalam cerita ah cerita –**

**NSMD: Haah, akak jadi apa**

LA: Cerita apa--?

**NAS: Cerita pertama yang akak berlakon tu.**

**NSMD: Haah, cerita pertama tu.**

LA: Oh, biar la jelas.

**NAS: (gelak) (serentak)**

**NSMD: (gelak) (serentak)**

LA: Okey, Bangsawan tadi tu anak raja. Kalau ikutkan bangsawan pertama tu anak raja, anak kepada penyanyi. Diketika itu ea Azlina Aziz dengan Hail Amir. *I*

[saya] jadi anak raja yang manja, yang gedik-gedik, macam *"Ayahanda--, boleh tak anakanda dapatkan burung--"*.

**NSMD: (gelak)**

LA: Hah tu mula-mula gedik la. Zaman tu sesuai la nak gedik sebab memang watak anak dara. Tapi kalau kata filem pun filem pertama pun ah tu la yang jadi *girlfriend* [teman wanita] Badul [AR Badul] tu. Pun gedik-gedik jugak. Kalau muda-muda cantik la gediknya jadi terima la tawaran. Takkan kata tak nak watak ni, nak watak mak. Tak kan la. Masa muda dulu apa tawaran yang diberikan watak remaja. Sekarang ni memang meminta la kalau watak *heroin*e [pelakon utama wanita] ye. Mak-mak la jawabnya. Jadi kita kena la sesuaikan dengan keadaan kita, tawaran yang datang pada kita sesuai tak dengan kita tetapi *I* [saya] faham soalan *you* [kamu], bila watak yang ditawarkan pada kita sebagai pelakon, InsyaAllah, kita kena tengok dimana keberadaan kita dengan usia kita dimana. Kalau usia sekarang suruh selak-selak, bukak-bukak idok lah lagi rasanya.

**NAS: Takut (gelak)**

LA: Hah tapi rasanya muda-muda pun kakak tidak la terkenal dengan --- InsyaAllah, sebab mak bapak garang. Hah tapi maksudnya dulu kita ni masa kita baru kita macam nak cakap tak tu takut tapi takdelah paksa kita sampai buat sesuatu diluar batasan kita. *So* [jadi], adalah hak nya kita untuk watak yang kita nak kita tanya dulu watak ni macam mana, apa pakai, duduk kat *swimming pool* [kolam renang] ke bukak-bukak ke, kena tanya la. Jangan kita mengundang pulak benda tu kau tak nak. Kau nak lepastu kau kata kau dipaksa, tak boleh la. *So* [jadi], kita ada pilihan untuk kita sebelum *sign* [tandatangan]—

**NAS: *Sign* [tandatangan] kontrak.**

LA: Sebelum kita terima sesuatu tawaran tu. Kita kena cakap kita kena tanya apa yang perlu kita buat. *So* [jadi], kita ni kena la pandai bawak diri kita, insyaAllah. Gitu (gerak tangan).

**NSMD: Jadi, lepas filem pertama tu, berapa banyak filem lepastu? Bertambah lah? (gerak tangan)**

LA: Lepas filem tu, sebenarnya dalam ketika itu kita punya tv stesen swasta tak banyak, hanya ada RTM sahaja. Jadi, kalau ikutkan diketika itu akak bersyukur dengan industri kita yang masa tu tidak la kata—dia macam ni tak—tumbuh tak macam cendawan tumbuh sebab dia pelakon pun tak— berapa ramai, *production* [produksi] pun tak banyak sangat tetapi alhamdulillah kakak dapat seiring dapat berlakon filem, dapat buat drama tv, *you know* [kamu tahu] *so* [jadi], alhamdulillah la sebab kita tengok zaman lapan puluh-an [80-an] balik-balik pelakon tu je sebab kitaorang dalam kelompok yang itu tapi bersyukur sebenarnya bukan tak ada pelakon lain lagi tapi rezeki tu memang *group* [kumpulan] kitaorang. *That's why* [sebab itu] kita rasa macam syukur lah—filem dapat, drama dapat, pergi nyanyi dapat, pergi *show* [persembahan] dapat. Hah banyak dapat masatu tau (ketawa) .

**NSMD: Kalau masatu pelakon yang puan rapat sape?**

LA: Masa ketika mana?

**NSMD: Hah, ketika filem pertama dan drama pertama.**

LA: Okey, kakak kalau ikut kawan, ka-ka-kakak ni banyak kawan lelaki tapi jangan salah anggap ea.

**NSMD: (gelak) (serentak)**

**NAS: (gelak) (serentak)**

LA: *I* [saya] ni tak tahu la. Bukan kata kawan perempuan tu tak rapat tapi kakak ni lebih rapat dengan kawan-kawan lelaki. Kalau nak tahu cerita *'Marah-Marah Sayang'* tu, tanya la Ebby Saiful tu masih hidup, Isma Aliff tu masih hidup, Dato' Shah Rezza tu masih hidup diketika itu alhamdulillah rezeki Allah bagi kakak sorang je ada kereta. Kakak boleh bukan bangga ea tapi bersyukur dapat pagi-pagi ni sanggup ambik Shah Rezza, sanggup ambik Ebby, sanggup ambik Isma pergi ke lokasi. Balik akan ambik hantar diorang. Kakak macam bangga itu kawan-kawan yang sejati sampai hari ni kakak masih berkawan. Bukan kata menidakkan kawan perempuan, tak. Tapi kalau kata rapat tu ada la Dato' Ziela Jalil masih berkawan, Lisdawati Hamdan masih berkawan tapi apa yang akak nak cakap kalau rapat kakak selesa dengan kawan lelaki.

**NSMD: Haah, faham (mengangguk)**

LA: Dia macam pelindung kita. Tapi kita demi Allah (angkat tangan) tak ada hubungan apa-apa pun.

**NAS: *Just* [hanya] kawan je la.**

LA: Memang kitaorang tak—jangan—anggap macam bila kita baik dengan lelaki, takut jugak zaman sekarang lelaki dengan lelaki pun bukan boleh percaya kan,

perempuan dengan perempuan pun tak percaya kan (ketawa) tapi ketika itu memang selesa dengan kawan lelaki macam abang, abang ebby macam abang, abang rezza Dato' Rezza [Shah Rezza] tu macam abang kita *so* [jadi], memang lebih rapat dengan diorang la. Bukan bermakna tak rapat dengan yang lain tapi ketika itu untuk pergi *shooting* [pengambaran] kakak dengan diorang macam tu, kakak ambik diorang pergi hantar balik diorang macam tu la.

**NSMD:** ***So*** **[jadi], sepanjang ah pengalaman dalam industri seni ni drama apa yang bagi kesan dekat akak?**

LA: Hmm (berfikir)?

**NSMD: Drama.**

LA: Drama? (mengangguk)

**NSMD: Haah.**

LA: Banyak la sebenarnya. Awal dulu kalau *you all* [kamu semua] tahu tanya mak-mak la *maybe* [mungkin] *batch* [kumpulan]—*lecturer* [pensyarah]—korang ke kakak ada satu [1] drama yang drama *'Penghujung Rindu'*. Tak sangka masatu—lepas drama tu kakak ada la perkara sedih yang berlaku dalam hidup akak, bapak akak meninggalkan.

**NSMD: Oh!**

LA: Tapi maksudnya drama *'Penghujung Rindu'* tu tiba-tiba akak rasa, *"eh"* kita cakap, *"eh popular"* [terkenal]. Tiba-tiba macam--. Dulu kita takde sosial media kan. Macam surat ea— (menunjukkan banyak)

**NSMD: Banyak.**

LA: Tak percaya ea, berguni tau (senyum sinis). Nampak tak Liza Abdullah dapat surat berguni. Kalau tengok *'Penghujung Rindu'* drama akak dengan ND Lala. ND Lala tu Shila Amzah punya bapak.

**NSMD: Haah (mengangguk)**

LA: Kitaorang dulu *hero* [pelakon utama lelaki] dan *heroine* [pelakon utama wanita]. Jadi, masa *'Penghujung Rindu'* tu kalau tengok drama tu macam zaman—diketika itu RTM tak keluarkan lagi drama cinta remaja. *You all* [kamu semua] remaja pernah bercinta kan (senyum) hah dekat kolej-kolej pernah bercinta kan (tepuk tangan), dekat universiti pernah bercinta kan. *So* [jadi], percintaan universiti macam, *"Ya Allah, indahnya ketika itu tiba-tiba drama itu mendapat sambutan"*. Tiba-tiba macam akak pergi mana-mana orang sebut nama akak, orang suka drama tu. Ada lagu tau *'Penghujung Rindu'*, jadi lepastu *reporter* [wartawan] datang, kita—zaman dulu *reporter* [wartawan] datang rumah tau, zaman sekarang tak sama. *Reporter* [wartawan] datang rumah *interview* [temubual] kita, ambik gambar, kita rasa kita keluar macam tiba-tiba *"eh, hebatnya."* Rupanya kita tahu orang suka drama tu. Hah, itu la drama *'Penghujung Rindu'* antara yang buat kita rasa, *"oh, begini rasanya bila kita dapat buat sesuatu yang baik"* and [dan] kalau bila tiba-tiba dalam akak punya *IG* [instagram] tiba-tiba, *"Kak, mak saya kata mak saya minat akak. Dia tengok drama akak 'Penghujung Rindu'."* *Then* [kemudian], *I know* [saya tahu] ini memang zaman kakak yang empat puluh [40] tahun dulu punya, tiga puluh lima [35] dulu punya peminat. Hah macam tu.

**NSMD: Jadi watak yang paling akak suka sepanjang akak ceburi bidang ni?**

LA: Watak paling suka?

**NSMD: Haah (mengangguk)**

LA: Okey, sebenarnya untuk pengetahuan *you all* [kamu semua] sebagai pelakon kita tidak boleh ada watak pilihan, kita hanya boleh ada watak idaman. Sebab sebagai pelakon, kita kena mewarnakan dan kita kena ada kreativiti dalam watak yang diberikan kepada kita. Contoh, kalau mak datin, orang kata *cliché* [selalu] la mak datin, *cliché* [selalu] la mak jahat, *cliché* [selalu] la mak kena kanser, *cliché* [selalu] la mak yang mulut jahat, *cliché* [selalu] la mak baik. *So* [jadi], kita sebagai pelakon kita kena ada kreativiti kita *so* [jadi], setiap watak yang diberikan kakak memang cuba buat yang terbaik tetapi kalau nak kata idaman kakak sebenarnya lebih suka *I* [saya] suka santai, *I* [saya] suka relaks. *I* [saya] kalau ikutkan lagi suka citer komedi yang buat hidup kita tenang, *spontaneous* [spontan] sebab kena ingat ea kadang-kadang kita akan nampak pelakon sedih, menangis-menangis tu ea sebenarnya pelakon komedi pun sebenarnya bukan satu benda yang mudah—

**NSMD: Betul (mengangguk)**

LA: Nak bagi orang ketawa, nak bagi orang menangis, senang. --- (perbuatan menangis) orang pun ikut nangis. Kalau citer lawak, kau lawak tapi orang tak lawak. Orang tak ketawa, kau ketawa sorang-sorang, hah contoh (ketawa). Jadi, kalau kakak— suka berlakon kalau kata idaman macam, *"Bestnya, kalau berlakon komedi"* sebab kakak memang suka *spontaneous* [spontan] hah sebab komedi tak boleh – banyak-banyak nanti tak jadi. Kalau kata kelebihan kakak ni jiwa ni memang suka bergurau, suka mengusik orang, jiwa tu sebenarnya sensitif, nampak je macam ni tapi sensitif tau. Tapi macam kalau kata komedi tu *best* [seronok] nya, hah macam tu (tepuk tangan).

**NSMD: Selama ni ada tak watak yang belum akak dapat tapi akak nak?**

LA: Belum, macam mana?

**NSMD: Sepanjang akak ceburi bidang ni ada tak watak yang belum—**

LA: Jap, sape nama awak tadi? Lupa kakak.

**NSMD: Suhaimah (serentak)**

**NAS: Suhaimah (serentak)**

LA: Kakak tak dapat jadi Suhaimah je sekarang ni (senyum).

**NSMD: (gelak) (serentak)**

**NAS: (gelak) (serentak)**

LA: Suka *interview* [temubual] orang ni. Tak merasa sebab umur dah jauh tak kan la *student* [pelajar] nak *interview* [temubual] orang (ambil kertas), hah tak merasa tu je (ketawa). Tak lah, kalau nak kata tak pernah—

**NSMD: Tak pernah dapat.**

LA: Hmm (berfikir), tak pernah dapat? Takde kot.

**NSMD: Takde.**

LA: Takde kot, nak kata sedih ada, jahat dah ada, baik dah ada, pendengki, khianat semua tu dah ada kot da—watak ea watak. *So* [jadi], nak kata idaman tu mungkin kot hmm (berfikir)--sebab dah umur macam ni sebab dulu macam teringin macam nak jadi warden dalam penjara macam tu (suara geram) macam geramnya—ada lah benda tu. Tapi sebenarnya watak warden ni tak semestinya kita warden. Karakter tu kita boleh bawak dekat tempat watak-watak lain yang antagonis, *"Kan menang watak antagonis tu"* (berbisik sambil senyum)—

**NSMD: Haah (gelak) (serentak)**

**NAS: (gelak) (serentak)**

LA: *So* [jadi], maksudnya warden tu macam akak cuma membayangkan kalau ada rezeki kan nak bayangkan kita kan kadang kita tengok warden dekat pejab—dekat penjara kita tengok macam garang je tapi kita tak tahu rupanya balik rumah dia menangis, dia terseksa, suami ea kadang kehidupan manusia *so* [ jadi], kita akan kena belajar kenapa jadi macam tu. *So* [jadi], kadang-kadang kita ada rasa macam kita kena kaji, *"Oh, macam ni". So [jadi], tu yang kakak rasa, "Eh, kalau aku dapat jadi warden best [seronok] ni"*, hah macam tu la macam—hah tapi kena *something* [sesuatu] la. Warden nampak garang tapi dekat rumah macam, *"kesiannya kena pukul dengan suami, anak kena bantai,"* akak suka macam tu. Akak suka cabar diri untuk itu. Hah macam tu la (membelek tudung).

**NSMD: So [jadi], sepanjang ni hah ada tak watak yang paling banyak orang kritik akak (ketawa)?**

LA: Banyak la. Jahat. Ni mesti nak cakap pasal 'Mak Leha' kan.

**NAS: Mak leha (gelak)**

**NSMD: Haah (gelak)**

LA: Sebelum timbulnya watak 'Mak Leha' ni, *I* [saya] dah pernah jadi watak jahat kalau tengok cerita *'Memori Cinta Suraya'*, bunuh orang ea, tembak Teng tembak (menembak), pijak orang Teng (menembak) macam tu, tendang kaki masuk kubur pun pernah. Jadi, sebenarnya dulu pun dah pernah watak jahat lagi jahat نعوذ با لله من ذلك . Tapi cerita itu pun pergi tapi watak tu setakat situ sahaja tetapi tak tahu la Alhamdulillah, yang nampak yang sangat terkesannya alhamdulillah, terima kasih kepada semua orang terima kasih sangat. Bukan, kita tak hebat, hebat tu hanya milik Allah. Kita nampak hebat sebab Allah bagi rezeki untuk watak 'Mak Leha' tu *impact* [kesan] dia sampai hari ni. Macam pergi mana-mana, budak-budak kecik nampak kita menyorok, takut.

**NSMD: 'Mak Leha' (ketawa)**

LA: Ada jugak macam budak kecik, "Kak, a-a-a-nak saya takut dengan akak". 'Mak Leha' tu memang bawa sampai ke hari ni *then* [kemudian], memang sinonim. Pergi mana-mana pun 'Mak Leha' macam itu kot rasanya.

**NSMD: Haah (senyum)**

LA: Tapi kalau nak kata antagonis sebenarnya kalau kita kaji watak itu dia mak, mak yang melindungi anak dia *so* [jadi], dia *protect* [lindung] anak dia *so* [jadi], keganasan yang berlaku dalam kehidupan dia adalah disebabkan sekelilling (gerak tangan). Jadi, kalau nak kata *impact* [kesan] yang membawa kesan sehingga hari

ini memang la *of course* [sudah tentu] la watak 'Mak Leha' hah tak nafikan lagi. Takut tak 'Mak Leha'?

**NSMD: Takut (ketawa)**

**NAS: Takut la (ketawa)**

LA: Mak mertua bukan mak mertua pilihan la ea.

**NSMD: Bukan. (ketawa)**

LA: Bukan ea

**NSMD: Awal-awal (ketawa)**

LA: Bukan. Awal-awal dia kata bukan (gelak). *I* [saya] mak mertua yang baik tau.

**NAS: Nanti kena kritik. Takut (senyum).**

**NAS: ...Puan kan dah menyanyi, berlakon, lepastu puan tak nak ke teruskan lagi menyanyi tu dengan versi yang sekarang? Maksudnya dengan genre yang terkini macam rap ke?**

**NSMD: R&B ea**

**NAS: Pop ke**

**NSMD: Balade ke**

**NAS: Tak nak *join* [terlibat] lagi ke nyanyi tu hah?**

LA: *I* [saya] tahu dah *you* [awak] tanya soalan ni sebab nak panjangkan *duration* [tempoh masa] kan. Sebenarnya tadi dah boleh soal kan (senyum).

**NSMD: (ketawa) (serentak)**

**NAS: (ketawa) (serentak)**

LA: Takpe la sebab kita nak panjangkan *duration* [tempoh masa] ni, kita berbual santai la. Okey, sebenarnya penyanyi dia pun ada tahap ikut kemampuan diri dia *and* [dan] kena tengok semasa. Zaman dulu dangdut, R&B, zaman irama Malaysia. Memang kadang-kadang kita tengok penyanyi tu kadang-kadang dia sendiri *confuse* [keliru] dengan diri kita. Zaman irama Malaysia semua orang nak buat irama Malaysia, zaman R&B semua orang nak ikut R&B. Memang kita tak nafi kita akan *grab the opportunity* [ambil peluang yang ada]. Tapi macam kakak, kakak lebih suka ikut kemampuan sebab *I* [saya] ni walaupun umur dah macam ni masa *I* [saya] muda dulu pun suka dengar lagu-lagu lama sebab tu masih dalam fikiran ni masih lagi lagu-lagu P.Ramlee [Allahyarham P.Ramlee], Ahmad Jais, Sanisah Huri, Allahyarhamah Saloma, Allahyarhamah Sharifah Aini, Rafeah Buang. Kakak ni memang versi yang macam tu, nampak je macam tu. Jadi, kita ikut kemampuan kita. Kalau kata sekarang ni tiba-tiba nak suruh aku eh aku pulak, kakak ea nak suruh rap tu macam tak berapa kena la tetapi tengok la rap yang macam mana. Kalau rap tu macam keadaan ayat-ayat rap tu yang memberi macam satu kata-kata yang nasihat, *why not* [kenapa tidak] kita cuba tapi kita kena tengok

pada kemampuan sebab kadang-kadang peluang yang datang pada kita tu tak selalu kita pun kena cari peluang tapi kalau rasanya orang suka bukan tak boleh cuba tapi tengok pada kemampuan diri.

**NSMD: Jadi, kalau memang ada orang *offer* [tawaran] akak, akak boleh la? Macam lagu balade ke?**

**NAS: Lagu yang sesuai la.**

LA: Sebenarnya memang kalau ada peluang…okey, ahh kalau berbalik kepada peluang tu sebenarnya bila kita kata kita suka menyanyi. Kakak ni sebenarnya ada cita-cita, ada harapan nak merakam kan lagu, tak kesah la satu [1] atau dua [2] lagu untuk buat kenang-kenangan sekiranya akak tidak lagi berada dalam industri ataupun kakak telah pergi meninggalkan dunia ini untuk selama-lamanya *at least* [sekurang-kurangnya] ada kenang-kenangan. Lagu tu memang ialah harapan akak lagu-lagu berunsurkan nasihat, berunsur ketuhanan supaya benda tu bila orang putarkan kita, kita nak kebaikan *and* [dan] dapat la saham akhirat. Itu memang ada cita-cita la insyaAllah jika diizinkan memang nak tinggalkan satu kenangan macam tu.

**NSMD: Betul la. Apa yang kita tinggal kalau kita dah takde benda-benda baik kita—pahala tu akan mengalir.**

LA: Kalau boleh—*yes* [ya], akak pun *you all* [kamu semua] pun nak kan kalau boleh—*of course* [sudah tentu] bila kita dah takde orang ingat yang baik, sebab tu sepanjang kita hidup ni kita buat la kebaikan supaya benda tu—

**NAS: Supaya orang ingat.**

LA: (mengangguk) Supaya orang ingat kita, macam tu. Macam *you all* [kamu semua] kan, *you all* [kamu semua] pun takde cita-cita ke nak jadi penyanyi, pelakon.

**NAS: (menggeleng) Hah tak.**

LA: Pandai *interview* [temubual] orang, pandaikan.

**NSMD: (gelak)**

LA: Lepastu tengok orang punya berlakon kat tv, mengata-ngata mesti kata kan.

**NAS: (gelak)**

**NSMD: (ketawa) Haah.**

LA: *"Entah pape la dia berlakon. Alah, apa benda"—atau tengok bola, "apa ni, alah itu pun tak boleh score [jaringkan]"*, contoh. Marah orang kan. *"Nyanyi entah pape, suara kelaut nak menyanyi."* Betul? Pernah tak?

**NSMD: (mengangguk) betul-betul.**

**NAS: (senyum) Pernah.**

LA: Cakap senang, sebab tu—

**NSMD: (ketawa) Kitaorang kan netizen.**

**NAS: Hah, netizen.**

LA: Hah, bila tengok orang tu tak kena semua-*"macam lah bagus sangat, kan."*

**NSMD: Haah**

LA: Hah, tak kena jangan cakap la, kan.

**NSMD: Biasa la netizen kan.**

LA: (mengangguk) haah.

**NSMD: Netizen kalau tak kena ada je benda yang dia nak cakap kan.**

LA: Kan. Hah, pandai ea bercakap sekarang ea.

**NSMD: (gelak)**

LA: (ketawa) Bila kata *take* [rekod] tu macam laju je korang punya soalan. Rasa-rasa dengan aku-aku boleh tanya korang soalan ni.

**NAS: Dulu kan akak dah ada lagu, lagu-lagu tu semua berdasarkan hanya berdasarkan apa, cerita tu ke ataupun memang ada orang *offer* [tawarkan] macam buat lagu ni--. Maksudnya macam lagu tu bukan OST sahaja.**

LA: Lagu apa--? OST?

**NAS: Lagu-lagu yang ada tu hanya untuk—**

LA: *You* [awak] bercakap tentang penyanyi lagu OST untuk penyanyi tu ke?

**NAS: Lagu-lagu akak yang akak ada tu.**

LA: Okey, zaman *I* [saya] dulu, kita muda, kadang-kadang kisah cinta percintaan, sedih la ditinggal suami, eh, kena tinggal kekasih la, suka kat orang tu orang ni. Zaman dulu ketika itu orang kan suka lagu mendayu-dayu, lagu sedih, lagu—hah sedih-sedih la. (menyanyi) *'Kusangkakan panas berpanjangan, Rupanya gerimis, rupanya gerimis, Mengundang a-ha-ha-ah,'* hah contoh. Jadi, memang la kita suka dengar lagu bila kita tengah sedih, betul tak mesti kita suka dengar lagu sedih jugak. Macam sedih sangat noh la padahal kita bukan *frustrate* [kecewa] sangat pun. Tapi bila dengar lagu tu terus sedih, betul?

**NSMD: (mengangguk) betul.**

LA: Kadang-kadang kita ni memang saje mengundang orang untuk sedih, kadang-kadang ada juga lagu *happy* [gembira], ada lagu ketuhanan, tapi kalau nak kata zaman dulu kita ni bila kita menyanyi nak buat *recording* [rakaman] pun penerbit tu apa yang sesuai dengan suara kita dia akan bagi. Soal lirik tu kadang-kadang ada yang terkena kita, kadang-kadang saje je buat lirik yang perli-perli kehidupan

orang lain, hah macam tu. Jadi, hah kalau sebagai kalau kita ada kelebihan sendiri, kalau kita rasa kita mampu, *why not* [kenapa tidak] kita cipta lagu kita sendiri, *why not* [kenapa tidak] kita cipta lirik kita sendiri yang berkaitan dengan kehidupan kita. Kita cerita dulu. Tapi kalau zaman sekarang ni macam akak cakap tadi kalau diizinkan memang nak buat sesuatu lirik yang berkaitan dengan kehidupan kita semasa, macam kita cakap tadi la. Bila kita dah takde lagi orang dengar lagu kita pun macam—

**NSMD: Orang ingat kita.**

LA: Sesuatu kebaikan yang kita dapat la pada kita, hah macam tu.

**NSMD: Kalau pandangan akak la kalau orang tu buat lagu berdasarkan macam nak perli orang—**

LA: Kisah hi— Oh.

**NSMD: Macam apa akak rasa kalau akak dengar lagu tu?**

LA: Perli orang?

**NSMD: Haah (senyum)**

LA: Okey, kalau perli tu benda yang baik, *why not* [mengapa tidak].

**NSMD: Oh okey.**

LA: Kalau perli tu macam dulu dia mcam ni, kita tegur dia,...*why not* [mengapa tidak]. Sebab tu penerimaan orang ataupun apa tujuan kita. Kalau kita rasa, *"Aku tujukan lagu ni untuk orang supaya kearah kebaikan."* Contoh, budak-budak leka dengan dunia diorang yang kadang-kadang kan dengan budak-budak sekarang dengan lap—

**NSMD: *Laptop* [komputer riba]**

LA: Ye la *laptop* [komputer riba] la, a-a-a-anak-anak kita pun dengan *handphone* [telefon bimbit]. Kalau kita arahkan kearah kebaikan, oh sudah-sudah la tu, ada masanya kita belajar, ada masa kita kat—benda yang baik. Tak salah kalau kita perli, bukan perli la tapi sindiran yang membawa kepada arah kebaikan tidak ada salah pun.

**NAS: Sepanjang –**

LA: *'Sepanjang perjalanan'* (menyanyi)

**NAS: Sepanjang puan dalam industi seni ni, apa kenangan pahit, kenangan manis puan dalam industri ni?**

LA: Hah, okey. Biasalah pahit, manis tu memang kita akan lalui. Sebenarnya benda yang pahit dulu tapi akhirnya akan jadi manis. Kalau kita tak rasa pahit kita tak akan rasa nikmat hidup itu. *So* [jadi], manis orang sanjung orang suka orang minat orang macam-macam la. Doa yang baik-baik. Doa yang baik-baik kita macam Ya Allah sukanya. Kakak ni dah umur-umur macam ni kan, kalau peminat kata, *"Kak, akak berlakon macam ni"*, MasyaAllah TabarakaAllah. Terima kasih doakan kakak.

Yang keji-keji tu akak anggap memang betul kot takpe la memang hak diorang pun nak mengeji sebab kalau ikut umur akak sekarang ni akak rasa pujian tu lebih menakutkan akak. Kalau kejian tu, *"takpe aku boleh, aku ada Allah."* Hah, macam tu. Tapi kalau dari segi pahit manis tu kalau akak rangkumkan memang akak akan rasa benda tu, tapi *it either* [sama ada] kita nak teruskan atau kita nak *stop* [berhenti], itu sahaja. *So* [jadi], bagi akak takde terkesan la tapi kalau kata macam kepahitan tu masa akak baru nak menjulang tu, baru nak merasa nikmat tu arwah bapak meninggal pada 1983, *so* [jadi], arwah abah tak sempat tengok *first* [pertama] filem kakak. Hah tu je la. *But* [tapi] *the rest* [yang lain] semua okey *family* [keluarga], anak-anak semua, alhamdulillah.

**NAS: Ada ke kenangan yang paling ingatlah dengan pelakon-pelakon lain dalam masa tengah *shoot [penggambaran]* tu apa kenangan paling manis ke dengan kru-kru?**

LA: Ohh banyak kalau nak diikutkan memang kitaorang ni kan kakak cakap bila kita dekat set ni kita dengan *family* [keluarga] baik baik daripada *producer* [pengarah] sampai ke *handyman* [tukang lelaki] kita sama saje kita jangan anggap bila kita berlakon okey kita rasa kita hebat *no* [tidak] kita pandang *handy* [tukang] yang buat air kita tak, takde *handy* [tukang] kita takde kita jangan ingat *producer* [pengarah] yang bayar kita tu kita kena --- tak eh, bukan kata tak hormat tapi kita tidak meletakkan ohh kalau kau bayar aku, aku kena hormat kau, kita kena hormat semua orang

**NSMD: Betul**

LA: Tapi dia bayar kerana Allah izinkan dia rezeki tu melalui Allah untuk melalui dia untuk kita *so* [jadi] *handy* [tukang] tu pun bekerja bawah kita yang *runner* [pelari] yang *driver* [pemandu] *so* [jadi] kita bila dalam *family* [keluarga] kita buat pekerjaan kita macam *family* [keluarga] Insha Allah manis lebih banyak daripada

pahit haa, macam tu, pahit bila makanan yang dihidangkan rasa pahit kita rasa pahitlah (sambil tersenyum)

**NSMD: (ketawa serentak)**

**NAS : (ketawa serentak)**

LA: Haa apa lagi ada banyak lagi ke soalan

**NAS: Banyak lagi**

LA: 3000 lagi soalan budak-budak ni okey, ni berapa episod korang nak buat ni

**NSMD: Ehh taklah (sambil ketawa), Sekarang perkembangan terbaru puan apa?**

LA: Badan dah kembang (sambil ketawa kecil)

**NSMD: Allah (sambil ketawa)**

LA: Ohh perkembangan (dalam nada yang sebak) Alhamdulillah segala puji bagi Allah dalam umur-umur yang meniti usia ni Alhamdulillah orang masih menghargai, orang sentiasa mendoakan yang baik-baik peluang berlakon tu masih ada sedih pulak eh kakak masih berada di sini pun kerana orang-orang luar yang sentiasa mendoakan *and* [dan] kakak ni kalau bolehkan setiap pekerjaan yang kakak buat ni kan kakak nak bagi orang suka nak *happy* [gembira] nak kita ni nak bagi orang *happy* [gembira] je tak kesahlah dalaman kita sedih ke haa kakak memang kalau boleh biarlah kakak berhenti dengan cara yang baik haa orang tengah suka kita, kita berhentilah jangan esok orang dah benci kita haa pergilah pergilah kadang-

kadang kita netizen-netizen ni kita tak kata semua eh macam-macam kutukan yang kata kita tak kata diri kita tapi macam artis-artis baru ko tak faham, ko takde dalam industri jangan pandang orang, jangan nilai orang, jangan *judge* [hukum] orang, kita tak boleh tahu pengakhiran hidup orang macam mana *so* [jadi] apa yang kakak nak kalau boleh kakak pergi dengan cara elok, doakan kakak tinggalkan bidang seni pun dengan cara yang baik haa macam tu. sensitif ni nak nangis (sambil tersenyum)

**NSMD & NAS: (Ketawa serentak)**

**NSMD: *So* [jadi] tawaran akak yang terbaru ni apa?**

LA: Alhamdulillah tu kakak cakap kakak bersyukur sangat pada Allah sampai tahun depanlah bukan riak eh (sambil menutup mulut) tapi pekerjaan tu macam Subhanaallah macam nak menangis pun rasa macam kekawan jadi *producer* [pengarah] ataupun *producer* [pengarah] *producer* [pengarah] yang suka, yang sayang kita kak saya nak panggil akak, kita ni kalau badan kita boleh pecah sepuluh kita pecah sepuluh, memang syukur pada Allah orang kakak ni suka bekerja meninggalkan kesan orang yang suka bekerja dengan kita, bila kita masuk set orang suka, kita keluar orang suka, kita kalau boleh kita tinggalkan dunia ini pun biar orang sebut yang baik-baik pada kita. Jadi memang masihlah masih lagi mendapat tawaran sampai hari ni, Alhamdulillah.

**NSMD: *So [jadi],* sekarang ni yang paling *latest* [terbaru] akak tengah *shoot* [penggambaran]?**

LA: Insha Allah, kita pun nak masuk Ramadhan dah -- untuk Ramadhan pun kakak dah dapat tawaran untuk *of course* [sudah tentu] nya '*7 Hari Mencintaiku 3*' pun ada skrip dekat tangan akak dah, Insha Allah kami akan buat yang terbaik, dan ada lagilah beberapa peluang *event* [majlis] ada *show* [persembahan] ada ini adalah

berapa -- aktiviti yang memerlukan khidmat 'Liza Abdullah' ni, Insha Allah jika diizinkan Allah kakak akan memenuhi setiap apa tawaran yang diberi dengan -- kemampuan kakak, haa macam nilah (sambil menunjukkan tangan ke arah penemubual) dengan izin Allah kan kakak

**NSMD: Haah**

LA: Tak kerana ni kakak adalah untuk *you all* [kamu semua] lah antaranyalah.

**NSMD: Jadi selain berlakon ada tak puan melibatkan diri dalam perkara-perkara lain, macam model ke duta ke? (sambil ketawa kecil)**

LA: Soalan tu macam, model apa macam ni (sambil senyum sinis dan ketawa kecil) tak -- duta Alhamdulillah ada -- dapatlah yang dalam proses untuk tengah *deal* [perjanjian] lagi untuk beberapa produk *so* [jadi] Alhamdulillah kakak ni tudung *Hurunein* ni pun *Hurunein* ni kakak dah -- sain kontrak dengan dia dah -- masuk setahun Alhamdulillah, lepastu ada beberapa produk lagi *and* [dan] ada jugak memenuhi beberapa *event* [majlis] kadang-kadang kita ni jangan ingat hanya dunia je, akhirat pun kita kena cari, *so* [jadi] Insha Allah kalau ada kerja-kerja amal atau apa benda yang memenuhi khidmat kakak, kalau kena *date* [tarikh] dia *so* [jadi] Insha Allah kakak nak buat sesuatu yang baik untuk semua orang Insha Allah.

**NSMD: *So* [jadi] macam tadi jadi duta *Huruein* kenapa akak pilih?**

LA: Dia kadang-kadang sebenarnya ada beberapa tawaran lain tudung-tudung lain semuanya, bila kita berlakon Alhamdulillah orang nak taja kita itu, tengah macam ni makan pun nak taja, minum nak taja, baju nak taja, segala-gala nak taja, rezki Allah pengasas inilah yang berani dan tampil pada tahun lepas lagi *DM [pesanan*

*langsung]* akak mesej akak *"Assalamualaikum Puan Liza saya gini -- "* saya rasa macam sebenar ada beberapa tetapi kalau rezeki dia kenapa aku tekan pastu aku jawab macam akak jawab Waalaikumsalam ya dik, *"akak saya nak taja akak punya tudung"* oh boleh -- nanti akak bagi dekat *wardrobe* [almari pakaian] sebab biasanya urusan kita bekerja ni *wardrobe* [almari pakaian] yang akan ambik alih, *so* [jadi] dekat *wardrobe* [almari pakaian] kata *"kak dia nak sponsor [menaja] akak",* bagilah, dia nak bagi dia nak bagi taja akak buatlah *so* [jadi] dia tengok setiap kali kita pakai macam dia suka, dia memang ada tudung yang macam sarung tu (sambil membuat gerakan memakai tudung) yang macam mak -- tu

**NSMD: Haah**

LA: Ni mak -- tapi akak lebih suka *shawl* [selendang] *shawl* [selendang] macam ni tapi bila dia tengok macam *"kak sejak akak pakai tudung diorang suka, so [jadi] boleh tak"* bila dia *offer* [tawaran] kita tu dalam keadaan kita rasa mungkin okey je kakak terima, dengan tawaran Alhamdulillah memang rezeki yang Allah bagi tu kan lepastu kerja kita senang kita dapat tudung percuma

**NSMD: Betul**

LA: Kita dapat adalah *something* [sesuatu] yang beri manfaat kepada orang lain, *and* [dan] dia pulak ada bila dia buat tu ada -- jugak dia buat tu untuk adalah benda yang baik dia nak usahakan jadi antara sebab kakak terima *Hurunein* sebab kakak selesa *and* [dan] sepanjang kakak *shooting* [penggambaran] Alhamdulillah selama setahun ni tudung-tudung yang kakak pakai kan kita kerja senang akak dapat bila Mak -- Leha tu kan tudung sarung je kan haa tu semua tudung *Huruein* tapi kalau 'Liza Abdullah' macam ni (sambil memegang tudung)

**NSMD: Haa *shawl* [selendang] (sambil ketawa)**

LA: Pakai selendang sebab 'Liza Abdullah' dia macam -- ni dia boleh santai *so* [jadi] kenapa akak terima sebab, rezeki Allah *and* [dan] kakak rasa benda yang kita mintak tu takde banyak makna kalau rasa selesa kita bincang *so* [jadi] okeylah pasal itu kakak setuju.

**NAS: Okey sepanjang akak dalam industri ni apa anugerah ke pengiktirafan yang akak dah dapat dari dulu sampai sekarang?**

LA: Okey, akak sebenarnya kalau ikutkan pada *award* [anugerah], kakak punya anugerah yang paling besar dalam hidup akak adalah apabila kakak beker -- -- apa bekarya, kerja kakak tu orang suka, orang minat, orang mendoakan itu adalah pengiktirafan yang paling besar *award* [anugerah] tu sekadar *award* [anugerah] saja

**NSMD: Haah**

LA: Tapi bukan tak bersyukur dengan *reward* [ganjaran] ke apa kita dapat tapi kakak selalu menekankan bahawasanya apa saja yang kita buat dapat membahagiakan orang, dapat buat orang *happy* [gembira], orang suka itu adalah *award* [anugerah] yang paling besar dalam hidup akak. Pengiktirafan itulah orang terima orang iktiraf kita orang suka dengan kita orang suka dengan kerjaya kita itu adalah satu pengiktirafan yang sangat besar buat kakak.

**NAS: Apa sumbangan akak sebagai seorang artis, apa sumbangan akak kepada apani sepanjang, sumbangan akak sepanjang bergelar artis ni?** (

LA: Sumbangan apa?

**NAS: Macam ada bagi sumbangan dekat orang-orang ke atau dalam industri**

LA: Sumbangan apa? apa soalan kau ni sebenarnya (sambil ketawa kecil)

**NAS: Sumbangan yang pernah akak sumbangkan sebagai dah bergelar artis ni kan ada bagi sumbangan dekat mana-mana ke?**

**NSMD: Maksudnya ada jadi apa-apa ke**

LA: Jadi apa? apa soalan sebenarnya ni

**NSMD: Sumbangan pada rakan-rakan artis ke haa**

LA: Ohh kebaikanlah, kita kalau boleh kebaikan tak payahlah nak bagitahu semua, kebaikan-kebaikan kita kalau boleh biar kata *"tangan kanan memberi, sorokkan tangan kiri, derma bukan tontonan, lakukan dalam sepi"* (sambil menyanyi)

**NSMD: Wah**

LA: Tak maksudnya kebaikan kita buat tu tak payahlah kita nak cerita dekat semua orang, macam akak cakap tadi kalau boleh hidup kita ni biarlah memberi manfaat kepada orang lain, kita kena ingat kita tak sentiasa berada di atas dan bila kita berada di atas jangan lupa pandang orang di bawah, dan kalau kita berada di bawah, jangan lupa kita pandang orang di atas, *so* [jadi] bagi kakak kehidupan kita sangat *balance* [seimbang] Insha Allah bila orang memerlukan kita – cuba sebaik mungkin menolong orang dan kita pun jangan lupa kita pun suatu hari atau bila

nanti kita akan mintak tolong orang *so* [jadi] kalau kita memudahkan urusan orang lain Insha Allah, Allah akan permudahkan urusan kakak *so* [jadi] kata balik sumbangan tu selagi mampu kakak buatlah yang terbaik haa buatlah yang terbaik, jadi takkanlah nak cakap tadi kakak bagi orang tu sepuluh ringgit [RM10] ( dalam nada berbisik) takkanlah nak cakap dekat sini, eh tahu tak dalam akaun *I* [saya], *I* [saya] dah bagi sedekah dekat anak yatim haa tak perlu pun, eh tadi *I* [saya] pergi dekat haa tak. Bagi kakak sumbangan *I* [saya] tahu maksud *you all* [kamu semua] apakah sumbangan artis kepada orang, kita kalau kita rasa kita mampu nak ada keupayaan kita – *why* [kenapa] – kenapa kita tidak membantu orang, kalau kita rasa bantuan kita tu boleh mengindahkan hidup orang kita akan buat, bukan kerana artis saja manusia biasa pun kakak rasa semua orang saling bantu-membantu haa.

**NAS: Akak ada *join* [sertai] NGO apa-apa ke untuk membantu?**

LA: NGO kakak memang kalau ikut kakak ada NGO yang 'Gagasan Tranformasi Anak Seni' GTAS tu kitorang NGO kepada kebanyakkan ibu tunggallah dalam tu yang kitorang ada berniaga-niaga sebab kita kena ingat eh kadang-kadang dalam industri kita ni tawaran berlakon kurang, tawaran menyanyi pun kurang jadi kenapa kita tak berusaha berniaga, kakak pun berniaga, kakak ada keluarkan produk kakak jadi kadang-kadang bila kita rasa kita tak kerja kita boleh berniaga tapi kalau kita rasa kita ada kerja kita bukan kata kita boleh menolong boleh jugak masuk – NGO lain contoh baru-baru ni adalah kadang-kadang misal pendapatan tersekat ada derma itu ada sumbangan itu sumbangan ni *so why* [jadi kenapa] kenapa kita tak boleh sama-sama bergabung tolong-menolong *so* [jadi] adalah nak kata NGO ni kakak adalah beberapa NGO yang kalau kakak *free* [percuma] *"kak -- free kak"* kakak pergilah macam tulah selagi mampu kita buat *so* [jadi] takde, tak perlu oh tak -- mesti aku sini oh mesti ni *so* [jadi] kita kena tengok kemampuan diri kita *and time* [dan masa] yang kita ada.

**NSMD: Okey, kita pergi pada cabaran pulaklah tapi cabaran untuk naikkan nama akak sendiri**

LA: Cabaran apa?

**NSMD: Cabaran untuk naikkan nama dalam industri, ada tak cabarannya?**

LA: Memang kita je eh yang pandang kamera (sambil mata tengok kamera) memang kita cabaran memang nak naikkan nama sendiri tu eh, salah ni soalan ni (ketawa kecil) dia macam ni soalan akak faham untuk mengekalkan -- momentum kita dalam industri betul. Okey soal nak naikkan nama, soal nak naik turunkan nama ke kan kakak kata benda tu kita kena buat sesuatu dengan apa niat kita Insha Allah kakak percaya lambat-laun apa yang kita buat tu orang akan menghargai jadi kalau nak kata nak cara naikkan nama ke terpaksa kena buat sesuatu yang tak bagus kena buat sesuatu benda yang macam kerana nak kekalkan nama taklah kot kita ikut *we go with the flow* [kita ikut arus] *so [jadi]* apa tugasan yang diberi kita buat yang terbaik *and* [dan] menjaga kalau diikutkan pegangan akak senang je kita menjaga hubungan kita dengan semua orang, sebab hubungan kita dengan Allah, Allah maha baik, kita kena menjaga hubungan dengan manusia sebab sebaik-baik manusia, adalah manusia yang memberi manfaat kepada orang lain, jadi kalau kita rasa dengan semua orang, Insha Allah orang sebut orang doakan kita, Insha Allah kita pergi, Insha Allah kita akan selesa berada di tempat kita, itu je tak payah macam -- buat sesuatu yang macam nak naikkan nama kena buat macam ni macam ni akak tidak ada prinsip itulah.

**NSMD: Okey, sepanjang menceburi bidang dalam industri seni ni, siapa yang sentiasa bersama akak?**

**NAS: Yang bagi semangat.**

**NSMD: Siapa yang susah senang dengan akak?**

LA: *I* [saya] *I* [saya] diri *I* [saya] sendiri, semangat tu *I* [saya] yang bagi semangat *I* [saya] sendiri (senyum sinis)

**NAS : Ahli keluarga ke yang bagi semangat (sambil ketawa kecil)**

LA: Semua -- semua -- kakak ni dikelilingi oleh sahabat-sahabat yang indah, anak-anak yang baik, kawan-kawan yang baik Insha Allah disekeliling persekitaran akak ini kita kena cari *vibe* [aura] *vibe* [aura] yang positif, yang *best* [seronok] *best* [seronok] sebenarnya itu jugak sebenarnya semangat tu kita pun kena -- ada semangat diri sendiri jugak tapi kita percaya bahawasanya segala-galanya memang Allah punya izinlah itu je.

**NSMD: Nak tanya pasal ada tak sepanjang akak ceburi bidang ni gelaran-gelaran akak dapat**

LA: Gelaran apa, nama yang sebati? Macam tulah 'Mak Leha', tapi sebelum tu jap eh (sambil berfikir) 'Sakina' tu cerita 'Marah-marah Sayang' 'Sakina' tu 'Sakina Saidin' apa Din tu adalah dia semasa tau dekat situ dia macam ni semusim nanti kan '7 Hari Mencintaiku' dia ada sambung dua, tiga lepas satu dah habis mungkin ada watak lain, mungkinlah orang akan ingat balik, dia sebabkan masih ada lagi ciri tu, lepastu baru pulak lepas menang anugerah kan! (sambil ketawa) jadi -- orang ingatlah lepastu selalu main dekat *tv* [televisyen] dia kan macam lagu kadang-kadang kalau kita dengar lagu tu biasa je pernah tak *you all* [kamu semua] rasa? Aku dengar lagu ni biasa je tapi dah hari -- -- hari main dekat radio kita pun terikut-ikut kita jadi suka, jadi benda tu memang promosi apa benda memang penting betullah tak dinafikan setiap apa yang kita buat kalau promosi berniaga *marketing* [pemasaran] kita bagus orang akan beli, orang akan suka, *so* [jadi] kita kalau *market* [pasaran] kita dah 'Mak Leha' -- 'Mak Leha' ada lagilah *I* [saya]

dalam industri, masih ada lagilah dalam industri ni, masih wujud lah lagil 'Mak Leha' haa maksudnya macam tu.

**NAS : Boleh akak kongsikan sedikit apa harapan akak dalam industri seni ni?**

LA: Okey, *first of all* [pertama sekali] nak cakap terima kasih *and* [dan] kerana masih berada di sini *and* [dan] kalau kita nak fikir dalam bidang seni ni memang ada beberapa ketikalah orang anggap industri ni macam anak seni ke penyanyi ke pelakon ke yang berkait rapat dengan industri seni kita ni kita sendiri kena memartabatkan apa yang kita buat Insha Allah, sebabnya kerjaya seni ni bukan satu bidang yang indah yang orang nampak, semudah yang kita jangkakan, jadi kalau kepada orang yang masih berada di bidang seni ni, harapan kakak orang biarlah kita buat sesuatu tu supaya memberi manfaat kepada orang lain dan biar hasil-hasil macam kita tengok skrip ke apa saja ke kalau boleh kakak naklah ada perubahan sebab kadang-kadang kita ada masa ketika tu macam orang kata oh citer -- tu citer je di takuk lama je kan tapi sebenarnya ada tinggal lagi peluang tu takde dan Insha Allah kakak percaya dengan selesainya dah segala pandemik -- ni pelakon baru pun dah muncul pelakon lama masih dikekalkan lagi, Insha Allah kakak harap bidang seni ni orang akan pandang tinggi orang akan sanjung tinggi sebabnya kena ingat eh, kita tengah bersedih hiburan ada hiburan ni bukanlah kata hiburan lain tak terhibur tapi dengan cara lakonan tu memberi kesan kadang-kadang lakonan kita tu membuatkan orang haah betullah kita ni kadang-kadang kita bekerja tu kita anggap satu ibadah kalau kita rasa macam watak kita memberi kebaikan kepada orang tu dia akan ikut kalau watak tu tak elok orang jadikan sempadan *so* [jadi] itulah bagi pendapat akak supaya industri kita ni terus diangkat ke tempat yang lebih tinggi lagi Insha Allah.

**NAS: Masa akak dapat yang anugerah tu kan, apa perasaan akak? Masa naik pentas dapat anugerah tu**

LA: Ni dah berapa jam ni, dah habis ni (sambil tersenyum) ada masa? Okey kalau, sebenarnya *I* [saya] dah kering air liur tau tekak dah sakit, mata dah mengantuk okey, okey sebenarnya untuk penganugerahan 'Artis Antagonis Paling Popular' sebenarnya nak cakap macam-mana eh perasaan eh, almost fourty years [hampir empat puluh tahun] (sambil tunjuk empat jari), sebenarnya hari pertama melangkahkan kaki kakak dalam bidang seni ni, Waallahi memang tak pernah ada rasa macam aku nak *award* [anugerah] ni, aku nak anugerah ni, kan tadi akak cakap akak nak cari duit *and* [dan] nak buat yang terbaik tetapi kakak selalu pegang pada prinsip populariti dengan terbaik ni adalah dua perkara yang berbeza tapi sebagai pelakon memang kita kadang-kadang memang ada orang yang nak mengejar populariti tak dinafikan haa okey bidang apa-apa bidang sajalah tapi percayalah kalau kita buat benda terbaik automatik populariti tu akan datang jadi bila dianugerahkan kakak kerana populariti tu mungkin kebaikan yang pernah akak buat dalam industri, *so after fouty years* [jadi selepas empat puluh tahun] memang ada rasa sebak sebab (bercakap dalam nada sebak) orang menghargai, akak rasa anugerah yang orang bagi dekat akak adalah anugerah untuk orang-orang peminat yang sentiasa mendoakan, yang suka akan kerja kita, jadi memang kakak tak menjangkakan nak kata pesaing tu adalah perkataan tidak baik tapi nak se *level* [baris] dengan budak-budak kalau nak ikutkan senarai tu yang paling hujung dunia nak bersaing dengan pelakon-pelakon muda yang populariti diorang, yang *followers* [pengikut] diorang berjuta-juta, yang memang diorang rasa memang orang suka orang muda, orang suka orang cantik, tiba-tiba aku terselit dekat situ, dua puluh pencalonan awal pun rasa nak nangis, dah nangis dah, lepastu bila kata *top five* [lima terbaik]

**NSMD: Apatah lagi lima eh**

LA: Itu rasa macam ya Allah, maknanya Allah kata jangan pergi lagilah, *stay* [tetap] lah dekat industri ni haa rasa, lepastu bila dibagitahu dapat menang tu memang (bercakap dalam nada sebak) LaillahaillahAllah tak tahu memang sedih *and* [dan] perasaan tu bercampur-baur haa rasa macam haa thank you [terima kasih] lah, thank you [terima kasih], bersyukur *and* [dan] nak, macam akak cakaplah nak

tinggalkan bidang seni ni dalam keadaan yang orang sayang kita jadi sebenarnya anugerah tu memang untuk orang luar bukan untuk kakak, dan mewakili '7 Hari Mencintaiku' punya *family* [keluarga] sebab kitorang bekerja orang tak tahu 7 Hari [7 Hari Mencintaiku] tu kerja di Tanjung Karang [Kuala Selangor, Malaysia] panas, dengan keadaan tak tahulah kalau siapa, lagi-lagi *you all* [kamu semua] takde dekat set sakit, pedih sampai abang sebenarnya salah satu pelakon 'Pak Andak' [watak dalam drama 7 Hari Mencintaiku] tu sakit tu sebab penat tau *travel* [melancong], *travel* [melancong] sakit dia, jatuh dia, pengsan dia dekat set orang tak tahu, jadi benda tu, benda tu yang buat kita rasa macam ya Allah orang hargai haa benda tu *finally* [akhirnya] kita dapat , kan kakak kata Insha Allah bila kita buat kebaikan akan dapat benda tu ganjaran dia bila masa kita tak tahu, *so* [jadi] buatlah, sentiasalah berbuat baik apa saja dalam pekerjaan ataupun perhubungan kita dengan orang tu kakak pegang, itu jelah.

**NSMD: Yelah lambat atau cepat je kan**

LA: Allah akan bagi (sambil menganggukkan kepala)

**NAS : Sebelum ni memang ada ke tercalon dekat mana-mana anugerah, kalau sebelum yang ni?**

LA: Kalau sebelum ni kalau 'Anugerah Bintang Popular' kan *I* [saya] cakap dah hujung dunia takde lah popular mana pun tapi kalau dulu 'Anugerah Skrin', 'Anugerah Seri Angkasa' pernahlah *top five* [lima terbaik] tapi perwatakan kan dia berbeza terbaik dengan popular tapi Alhamdulillah, jangan lupa tau 'Anugerah Drama Sangat' pun dicalonkan antagonis tapi yang itu pulak antagonis tu pulak semua kawan-kawan, hebat-hebat pelakon-pelakon hebat pun dah dapat *top five* [lima terbaik] tu bagi akak pun dah menang dah sebab dalam pertandingan lima ni kena pilih satu (sambil tunjuk lima jari) itu akak selalu cakap dengan diorang, kalau boleh, boleh tak kita tukar pulak kita punya undang-undang, tukar pulak dah takde

termaktub dah undang-undang, lima ni (sambil menunjukkan lima jari) lima-lima ni menang tak pernah lagi kan kakak kalau satu hari nanti biarlah lima yang *top five* [lima terbaik] ni bagilah lima-lima anugerah

**NSMD: (ketawa serentak)**

**NAS : (Ketawa serentak)**

LA: Bukan apa pun *award* [anugerah] tu je pun bagilah (sambil ketawa), kalau duit tu 500 ribu [ringgit Malaysia] ke boleh lah kita gaduh pasal duit ini *award* [anugerah]! Akak nak cadangkan kalau dah *top five* [lima terbaik] tu lima-lima lah naik atas pentas *best* [seronok] kan haa itu jadi seronoklah dengan orang-orang muda, sebab akak berganding dengan 'Mimi Lana', budak-budak muda, dengan 'Ruhaines' *common* [biasa] lah nak berganding tak naklah bersaing kan kalau boleh semua diorang pun bagus, semua bagus haa. Dah! Tiga jam dah ni, okey ada lagi rumusan apa lagi nak tanya, apa lagi untuk hasil kerja *you all* [kamu semua] ni eh untuk jadi simpanan, untuk jadi kata rujukan kepada

**NSMD: Nanti kitorang akan bukukan**

LA: Haah bukukan supaya apa saja ilmu ataupun apa benda perkongsian akak ni memberi manfaat kepada semua orang okey, Insha Allah

**NAS : Kalau ada orang nak jadikan 'Mak Leha' sebagai idola ke**

LA: Boleh, jadi mak mertua, walaupun orang kata 'Mak Leha' tu jahat tapi apa yang *I* [saya] boleh kupas, kupaskan kat sini pasal 'Mak Leha' eh dia sebagai ibu mertua kalau ikutkan dia sebagai ibu yang menyayangi anak-anak dan menyayangi

menantu citer tu kalau kita tengok adalah provokan daripada menantu dia kalau ikutkan sebagai mak *common* [biasa] lah kita dah bela anak tiba-tiba ada anak yang kurang ajar jadi dia pun jahatlah, jadi itu je kalau nampak dia bukan jahat tapi dia pun sama naik

**NSMD: Haah menantunya**

LA: Menantunya pun sama naik, kau ingat dia boleh lawan haa, ibarat kalau separuh menantu mana boleh berani nak tumbuk mak mertua, jadi sebenarnya itu je cabaran dia sebagai watak 'Mak Leha' tu okey. Ada apa-apa lagi ulasan penutup?

**NAS: Alhamdulillah, rasanya kita dah tamat**

LA: Tamat ni empat jam ni rasanya

**NAS : (ketawa serentak)**

**NSMD: (ketawa serentak)**

LA: Sebab akak tengok adik belakang asyik tengok jam asyik tengok jam tu je kan jadi rasanya dia pun dah lapar agaknya kan, okey.

**NAS : Okey saya simpulkan, Bimillahirahmanirahhim.**

LA: Kenapa tutup biarlah *I* [saya] merangkumi semua ya sebab diorang punya perjalanan ni kena amik masa dua jam ya, jadi kakak pun faham dengan tugasan

*you all* [kamu semua] ni, sebenarnya persoalan-persoalan semua tu dah jawab tapi hanya kerana ikut tugasan yang diamanhkan kita kena bercakap selama dua jam, jadi kita pun berterima-kasih kepada yang ada di belakang-belakang tu termasuklah dengan dua pengacara yang diorang baca dialog diorang je kan (sambil tersenyum)

**NAS : (ketawa serentak)**

**NSMD: (ketawa serentak)**

LA: Jadi kita rasa macam kita faham tapi Insha Allah dengan perkongsian kita selama dua jam ni dapat memberi kebaikan kepada you all *and* [dan] apa yang you all nakkan haah okey.

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni lakonan dan nyanyian bersama Puan Norliza Abdullah. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni lakonan dan nyanyian para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

# LOG TEMUBUAL

## 6.0 LOG TEMUBUAL

| BAHAGIAN | LOG | TOPIK | HURAIAN |
|---|---|---|---|
| 1 | 01:50-06:34 | Latar belakang | ➢ Norliza binti Abdullah<br>➢ Liza Abdullah<br>➢ Berumur 57 tahun<br>➢ Kuala Lumpur, Malaysia<br>➢ 6 Jun 1964<br>➢ Mempunyai 7 adik-beradik<br>➢ Mempunyai 4 orang cahaya mata 1 perempuan dan 3 lelaki<br>➢ Nama ibu beliau ialah Ramlah binti Mayun seorang suri rumahtangga.<br>➢ Nama bapa beliau ialah Sheikh Abdullah bin Sheikh Munasat bekerja sendiri.<br>➢ Berukhwah bersama kawan-kawan<br>➢ Menghadiri majlis ilmu |
| 1 | 06:35-15:35 | Sejarah dan tahap pendidikan | ➢ Sekolah Rendah Jalan Gurney 1 tamat pada tahun 1976<br>➢ Sekolah Menengah Perempuan Jalan Ampang pada tahun 1977 hingga 1981<br>➢ Tidak melanjutkan pelajaran sehingga peringkat tinggi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **1** | 15:36-18:26 | Rutin Kehidupan | ➢ Jika tiada penggambaran drama beliau hanya berehat di rumah.<br>➢ Jika ada masa lapang keluar bersama rakan-rakan untuk pergi makan, keluar berjalan dan manfaatkan masa tersebut<br>➢ Bahagikan masa dengan anak-anak dengan kerjaya dengan mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan. |
| **2** | 01:13-07:09 | Pendapat atau persepsi berkaitan industri seni | ➢ Industri seni dahulu tiada media sosial sekarang lebih banyak platform untuk masuk dalam industri seni.<br>➢ Perjalanan untuk ke lokasi penggambaran sukar kerana tiada waze dan map pada masa dahulu tetapi sekarang mudah untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi penggambaran yang lain kerana banyak kemudahan.<br>➢ Artis sekarang mereka boleh berkongsi setiap apa yang mereka lakukan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | diorang boleh berkongsi dengan peminat melalui media sosial, tetapi artis dahulu mereka hanya mampu memberitahu setiap aktiviti mereka melalui orang perantaraan seperti wartawan atau melalui majalah hiburan.<br>➢ Keadaan di set penggambaran dahulu peralatannya tidak lengkap seperti sekarang.<br>➢ Bayaran dahulu dengan sekarang sama sahaja mengikut peredaran masa. |
| 2 | 07:10-09:53 | Faktor bidang lakonan menjadi pilihan utama | ➢ Aturan Allah yang telah menentukan walaupun beliau lebih gemar menyanyi sejak keci lagi.<br>➢ Berjaya dalam menjalani ujibakat lakonan.<br>➢ Peluang yang datang dalam bidang lakonan lebih banyak. |
| 2<br>3 | 09:54-11:32<br>00:01-00:11 | Idola | ➢ Tiada idola yang khusus, tetapi mengidolakan pelakon-pelakon lama seperti Allahyarhamah Dara Ali, Allahyarham Mohamed bin Nisfu dan A. R. Tompel |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | ➢ Pernah berjumpa dan berlakon dengan individu-individu di atas |
| 4 | 00:12-04:30 | Ujibakat | ➢ Ujibakat pertama diadakan di RTM iaitu ujibakat 'Ratu Eja'.<br>➢ Diadakan pada tahun 1982<br>➢ Perasaan berjaya dalam ujibakat pada masa itu hanya memikirkan tentang nak cari duit sahaja. |
| 4 | 04:31-09:03 | Penglibatan Awal | ➢ Minat yang mendalam dalam bidang nyanyian<br>➢ Mempunyai album penuh bertajuk 'Marah-marah sayang'.<br>➢ Beliau banyak menyanyikan lagu OST berdasarkan cerita yang dilakonkan.<br>➢ Mula berlakon pada Tahun 1982 setelah terpilih di dalam ujibakat 'Ratu Eja' di RTM.<br>➢ Drama pertama bertajuk 'Bangsawan TV pada tahun 1982 memegang watak sebagai anak raja, berlakon bersama-sama dengan Azlina Aziz dan Hail Amir.<br>➢ Filem pertama bertajuk 'Pagar-pagar Cinta' |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | memegang watak sebagai gadis muda, berlakon bersama-sama dengan AR Badul. |
| 4 | 09:03-17:11 | Drama-drama lakonan | ➢ Selepas filem pertama beliau mendapat banyak tawaran berlakon filem, drama TV dan jemputan menyanyi juga turut dapat disebabkan oleh stesen TV swasta tidak berapa banyak.<br>➢ Kawan artis yang rapat dengan beliau di ketika itu sehingga kini antaranya ialah Ebby Saiful, Isma Aliff, Dato' Shah Rezza, Dato'Ziela Jalil dan Lisdawati Hamdan<br>➢ Beliau rapat dengan pelakon-pelakon tersebut kerana beliau merasakan mereka sebagai pelindungnya.<br>➢ Drama yang memberi kesan padanya ialah drama 'Penghujung Rindu' kerana selepas berlakon dalam drama tersebut beliau kehilangan ayahnya sendiri dalam ketika drama tersebut mendapat banyak |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | sambutan daripada peminat.<br>➢ Watak idaman beliau ialah watak yang santai, relaks dan ada komedi yang spontan.<br>➢ Watak yang belum tercapai ialah untuk menjadi warden di penjara kerana beliau ingin menyelami kehidupan seorang warden di penjara dan kehidupannya sebagai insan biasa.<br>➢ Watak 'Mak Leha' yang banyak dikritik oleh masyarakat |
| **6**<br>**7** | 08:06-18:26<br>00:01-05:57 | Perkembangan dan pengalaman dalam bidang lakonan | ➢ Peralatan di set penggambaran semakin canggih.<br>➢ Penyunting drama di set penggambaran semakin hebat kerana peralatan yang digunakan kesemuanya moden.<br>➢ Beliau merupakan artis yang cekal dan tabah namun terdapat sisi yang masyarakat tidak dapat lihat iaitu beliau takut kepada haiwan seperti lintah dan pacat. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | ➢ Terdapat juga adegan seram yang memrlukan beliau menyembelih ayam, walaupun takut beliau tetap lakukan tugasan tersebut dengan baik sekali.<br>➢ Latihan itu penting untuk mengekalkan kualiti lakonan<br>➢ Pernah berlakon dengan sesetengah artis yang tidak menghafal skrip dan bermasalah.<br>➢ Drama radio memerlukan bakat yang mendalam kerana bukan semua mampu melakukan tugasan tersebut dengan baik.<br>➢ Beliau pernah menceburkan diri dalam teater yang menjadikan beliau artis yang berbakat. |
| **8** | 00:01-11:05 | Ciri-ciri yang perlu ada pada pelakon | ➢ Sentiasa menghormati semua orang tidak kira individu tersebut sehebat mana.<br>➢ Sentiasa mematuhi waktu ketika bekerja.<br>➢ Perlu ada minat dan bakat yang mendalam dalam lakonan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | ➢ Beliau berbekalkan bakat dan minat dalam menceburi bidang lakonan kerana beliau tidak pernah menghadiri apa-apa kelas lakonan.<br>➢ Sebagai pelakon teater beliau perlu menyediakan fizikal dan mental dalam menjayakan tugasan yang diberi.<br>➢ Teater memerlukan tenaga dari segi pelbagai aspek kerana ia tidak boleh diulang. |
| **5** | 02:33-03:52 | Perkembangan | ➢ Mendapat tawaran lakonan drama sempena bulan Ramadhan dan sambungan drama '7 Hari Mencintaiku' yang ketiga.<br>➢ Mendapat jemputan daripada beberapa majlis yang memerlukan khidmat beliau. |
| **5** | 00:53-05:33 | Kerjaya lain | ➢ Menjadi duta tudung jenama 'Hurunein'<br>➢ Memilih menjadi duta tudung 'Huruein' kerana beliau selesa dan memudahkan kerja beliau dalam melakonkan watak |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | sepanjang terlibat dalam penggambaran.<br>➢ Menjual produk kecantikannya yang tersendiri.<br>➢ Memenuhi majlis-majlis ilmu atau kerja-kerja amal yang memerlukan khidmat beliau. |
| 5 | 05:34-06:20 | Anugerah/pengiktirafan | ➢ Definisi anugerah dalam kehidupan beliau ialah apabila beliau bekerja peminat dan masyarakat suka, minat dan mendoakan beliau.<br>➢ Mendapat anugerah sebagai 'Artis Antagonis Paling Popular'<br>➢ Perasaan ketika mendapat anugerah tersebut beliau berasa sebak, bersyukur dan gembira kerana orang hargai hasil kerja beliau. |
| 8 | 11:06-12:03 | Gelaran | ➢ Mendapat gelaran sebati sebagai 'Mak Leha' kerana watak yang dilakonkan itu memberi impak kepada penonton. |
| 5 | 06:21-09:18 | Sumbangan | ➢ Mengikuti NGO yang ahlinya kebanyakkan ibu tunggal iaitu 'Gagasan Tranformasi Anak Seni' |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5 | 09:19-11:15 | Cabaran | ➢ Cabaran untuk mengekalkan momentum dalam industri tiada kerana beliau sekadar ikut apa yang ditugaskan dan berikan yang terbaik.<br>➢ Individu-individu yang sentiasa bersama beliau ketika susah dan senang ialah anak-anak, sahabat-sahabat dan kawan-kawan yang indah dan yang terutama sekali ialah dirinya sendiri yang sentiasa bersemangat. |
| 5<br>**Akhir** | 11:16-11:32<br>0:01-01:15 | Harapan | ➢ Mengharapkan semua yang terlibat dalam industri seni ini membuat sesuatu itu supaya memberi manfaat kepada orang lain dan biar hasil-hasil kerja ada perubahan yang lebih baik.<br>➢ Mengharapkan bidang seni ini akan dipandang tinggi dan terus diangkat ke tempat yang lebih tinggi. |
| 6 | 01:20-08:05 | Soalan tambahan mengenai bidang nyanyian | ➢ Jika diberi peluang ingin mencuba nyanyian dalam versi moden tetapi mengikut kemampuan diri.<br>➢ Ingin merakamkan lagu yang berunsur nasihat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | sebelum meninggalkan industri.<br>➤ Dapat menerima lagu yang mempunyai unsur peril jika ia memberi kebaikan kepada individu itu. |

# RALAT

## 7.0 RALAT

| JENIS RALAT | BAHAGIAN | MINIT |
|---|---|---|
| Bunyi pintu | 1,4 | 0:00:45, 0:07:08 |
| Suara videographer | 4 | 0:00:10 |
| Bunyi Penggera | 4 | 0:02:35 |

# GLOSARI

## 8.0 GLOSARI

| | |
|---|---|
| **cincai** | Membuat sesuatu secara lebih kurang saja dan tidak sungguh-sungguh iaini tidak teliti, tidak rapi dan sembarangan. |
| **drama** | Karya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio, atau TV, seperti cara menyusun skrip, latar, hiasan pentas, dan sebagainya. |
| **dubbing** | Penggantian runut bunyi dalam satu bahasa dengan satu dalam bahasa lain atau disebut sebagai alih suara. |
| **handyman** | Orang yang boleh membuat kerja-kerja rencam. |
| **Lintah** | Sejenis binatang dalam kelas Hirudinea, rupanya seperti pacat tetapi lebih besar |
| **Pacat** | Sejenis binatang yang menghisap darah |
| **Pandemik** | Pihak yang menerbitkan filem, drama dan sebagainya. |
| **produser** | Pihak yang menerbitkan filem, drama dan sebagainya. |
| **syot** | Foto (gambar) yang diambil dengan kamera sinematograf. |
| **teater** | Bangunan yang di dalamnya terdapat pentas tempat mempersembahkan drama, muzik, hiburan, dan sebagainya untuk ditonton oleh orang ramai, di panggung atau pawagam. |

| | |
|---|---|
| **Ukhuwah** | Bermaksud persaudaraan sebagai contoh mereka bekerja seolah-olah dalam satu keluarga besar, yang sentiasa bertolak ansur dan menjalin tali antara satu dengan yang lain. |
| **Viral** | Viral memberi maksud tular iaitu apabila sesuatu perkara itu menjadi buah mulut orang ramai ia dikatakan perkara viral yang kebiasannya digunakan di media sosial |
| **wardrobe** | Almari pakaian yang penuh dengan koleksi pakaian dan ada orang yang akan bertanggungjawab mengendalikan koleksi tersebut. |

# INDEKS

## 9.0 INDEKS

### A


Abdullah 1, 2, 4, 8, 16, 17, 31, 32, 35, 46, 55, 70, 79, 88, 103, 105, 116, 118, 140, 149, 150, 152, 153
Agensi 27
Ahmad 94
Aktif 35
Ali 17, 37, 75, 82, 120, 136
Ampang 6, 17, 37, 118, 140
Animasi 28
Antagonis 91, 92, 113, 153
Antarabangsa 16, 33, 140
Anugerah 26, 105, 106, 110, 111, 112, 113, 114, 126, 146, 148
ARGS 6, 38
Artis 1, 21, 26, 27, 28, 29, 44, 45, 46, 51, 82, 102, 106, 107, 120, 122, 123, 124, 137, 143, 145, 147, 149, 150
Artis 26, 27, 28, 44, 111, 119, 126, 149
Azlina 83, 121
Azmi Shaari 136


### B


Babak 52, 54, 59, 60, 61, 65, 66, 67, 70, 148
Badul 17, 44, 82, 84, 122, 149
Bahasa 57, 58, 132
Balade 93
Bangsawan 78, 79, 83
Bayaran 29, 47, 79, 80, 143, 144
Bengkel 67
Berlatih 64
Bibik 61, 62

Bidang 1, 17, 18, 20, 21, 28, 31, 41, 42, 68, 72, 73, 74, 81, 88, 90, 102, 109, 110, 111, 112, 116, 120, 121, 123, 125, 127, 140, 143, 144, 146, 148
Bintang 113
Boom 50, 51

**C**

Cenderamata 150, 152
Cinta 17, 49, 74, 82, 92, 121
Cita-Cita 36, 39, 71, 73, 95

**D**

Dara 75, 120
Detik 26, 27, 45, 63
Dialog 51, 52, 57, 58, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 69, 79, 115, 148
Drama 47, 52, 55, 56, 57, 61, 62, 66, 69, 70, 74, 75, 80, 81, 82, 83, 85, 87, 88, 112, 119, 122, 123, 125, 132, 136, 145, 146, 148
Drama 55, 56, 87, 113, 121, 122, 124, 145
Duet 80
Duit 39, 47, 77, 79, 111, 114, 121
Duta 140

**E**

Ebby Saiful 86, 122
EJA 17, 77
Episod 60, 63, 102

## F


Filem 17, 28, 33, 46, 49, 50, 52, 56, 69, 74, 80, 81, 82, 84, 85, 101, 122, 132, 144, 145, 146
FINAS 27


## G


Gerak 32, 49, 57, 58, 79, 80, 85, 92
Gurney 17, 37, 118, 140


## H


Hail Amir 83, 121
Hari 10, 103, 110, 112, 125
Hiburan 1, 4, 29, 45, 111, 120, 132, 136, 137
Hitam 75
HMI 48
Huruein 104, 105, 125


## I


Idaman 89, 91, 123
Idola 74, 75, 76, 114, 120, 143
Ilmu 18, 33, 52, 54, 67, 114, 116, 118, 126, 148
Industri 16, 28, 43, 119, 136
Intonasi 56, 57
Irama 94
Isma Aliff 86, 122


## K


Kamera 44, 48, 51, 53, 55, 59, 108, 132
Karakter 91
Kaset 80
Kebudayaan 28, 136
Kelas 67, 68, 69, 125, 148

Kenangan 1, 20, 95, 100, 101, 145
Kerjaya 1, 21, 28, 41, 47, 73, 79, 106, 111, 119, 144
Kino 48
Koleksi 26, 132
Komedi 61, 62, 89, 123
Komitmen 64
Komunikasi 65
Konti 57
Kontrak 84, 104
Kreatif 27, 28, 63, 136
Kreativiti 28, 41, 62, 89
Kritik 91, 93
Kuala Lumpur 6, 16, 17, 32, 33, 118, 140, 150
Kualiti 42, 48, 49, 124

**L**

Lagu 17, 78, 80, 88, 94, 95, 97, 98, 99, 110, 121, 127, 128, 144, 148
Lampu 48, 49
Latihan 31, 59, 65, 69, 70
Lawak 62, 89
Leha 65, 91, 92, 105, 110, 114, 115, 123, 126
Lirik 98, 144, 148
Lisan 1, 18, 20, 21, 26, 27, 31, 116, 149
Lisdawati Hamdan 86, 122
Liza 1, 2, 8, 17, 32, 46, 55, 79, 88, 103, 104, 105, 118, 149, 150, 152, 153
Lokasi 34, 40, 41, 44, 67, 86, 119, 144

**M**

Majalah 45, 120
Mak 65, 75, 84, 91, 92, 93, 105, 110, 114, 115, 123, 126

Malaysia 6, 17, 20, 21, 27, 28, 29, 31, 32, 33, 35, 36, 37, 69, 73, 79, 80, 94, 112, 114, 118, 136, 137, 140
Marah 17, 49, 80, 81, 82, 86, 96, 110, 121
Memori 92
Mempromosikan 27
Mencintaiku 103, 110, 112, 125
Menyanyi 72, 73, 74, 78, 80, 93, 95, 96, 98, 100, 107, 108, 120, 122
Mikrofon 50, 51
Minat 1, 17, 26, 41, 68, 71, 78, 88, 100, 106, 124, 125, 126
Multimedia 28

N

Nadzan 137
Nd Lala 88
Netizen 96, 97, 102
Norliza 4, 16, 17, 31, 32, 116, 118, 140
Normadiah 75
Normala 74

O

OST 6, 97, 98, 121

P

P.Ramlee 69, 75, 94
Pagar 17, 49, 74, 82, 121
Panduan 1, 149, 150, 151
Pekerjaan 28, 29, 33, 35, 41, 42, 74, 101, 102, 103, 113, 142

Pelakon 17, 29, 31, 37, 39, 40, 41, 42, 46, 47, 48, 51, 52, 53, 55, 56, 57, 59, 61, 62, 63, 64, 66, 67, 68, 71, 73, 74, 75, 76, 77, 79, 80, 84, 85, 88, 89, 95, 101, 111, 112, 113, 120, 122, 124, 125, 132, 136, 144, 145, 147, 153

Peluang 17, 28, 29, 33, 39, 42, 67, 70, 74, 94, 95, 102, 103, 111, 127

Peminat 46, 88, 100, 112, 120, 123, 126, 143

Pencahayaan 48

Pencalonan 112

Pendidikan 17, 28, 32, 35, 36, 118, 140, 142

Pendokumentasian 27

Penerbit 78, 98

Penerbitan 28

Pengalaman 1, 4, 20, 26, 31, 37, 43, 52, 54, 69, 87, 123, 145

Pengarah 54, 55, 57, 58, 63, 66, 68, 69, 101, 103

Pengarahan 52

Penggambaran 33, 40, 41, 42, 44, 45, 46, 48, 49, 50, 59, 60, 63, 65, 67, 68, 70, 87, 101, 103, 105, 119, 120, 123, 126, 143, 144, 148

Pengiktirafan 105, 106, 126, 146

Pentas 69, 74, 75, 79, 111, 114, 132

Penyanyi 16

Peralatan 28, 49, 60, 123

Perfileman 28, 52

Persembahan 17, 46, 73, 85, 103

Pertandingan 17, 69, 73, 77, 113

Pertunjukkan 33

Pita 51

Platform 44, 45, 69, 71, 75, 119

Pop 93

Primari 26

Produk 28, 104, 108, 126, 140, 146

Produksi 17, 29, 42, 49, 82, 85, 145

Program 44, 71

Putih 75

## R

R&B 6, 93, 94
Radio 52, 55, 56, 57, 110, 124, 132, 148
Rafeah 94
Rakaman 20, 28, 50, 98, 150, 151
Ratu 17, 77, 121
Rekod 20, 80, 97
Rezza 81, 86, 122
Ridzuan 137
Rindu 87, 88, 122
Roudhah 21, 138
RTM 6, 17, 77, 79, 82, 85, 88, 121

## S

Sabah 82
Saloma 94
Sanisah 94
Sayang 17, 49, 74, 80, 81, 82, 86, 110
Sejarah 20, 21, 26, 27, 118, 136, 137, 138
Selangor 16, 34, 112
Seni 6, 16, 108, 126
Serimah 137
Set 42, 48, 50, 53, 59, 60, 61, 63, 67, 70, 101, 103, 112, 120, 123, 143, 144, 148
Shah 81, 86, 122
Sharifah 94
Skrip 42, 61, 62, 63, 78, 103, 111, 124, 132
SPM 6, 17, 35, 36, 39, 40, 77
Spontan 62, 89, 123
Studio 50
Sumbangan 1, 26, 106, 107, 108, 147

Sunting 49, 50
Surat Khabar 78
Suraya 92
Syot 52, 132, 137

**T**

Tabir 58
Taja 104
Tanjung 112
Tawaran 17, 68, 69, 75, 77, 80, 84, 85, 95, 103, 104, 105, 108, 122, 125, 145, 146
Teater 52, 56, 65, 69, 70, 124, 125, 132, 137, 148
Telefilem 63, 145
Temubual 17, 21, 31, 88, 90, 96, 116, 149, 150, 151
Tokoh 15, 16
Tompel 75, 120
Transkrip 4, 20, 150, 151
Tudung 33, 43, 76, 91, 104, 105, 125, 140
Tv 28, 52, 56, 65, 66, 75, 85, 96, 110

**U**

UiTM 32, 39
Ujibakat 73, 77, 120, 121, 144
UKM 6, 37, 38
UM 6, 37, 38
Universiti 36, 37, 39, 88
USM 6, 37, 38
UTM 6, 36, 37, 38

## V

Versi 93, 94, 127, 148
Veteran 1, 2, 21, 26, 27, 29, 137, 147, 149, 150
Videographer 130, 152
Viral 62
Vokal 74

## W

Warden 91, 123
Wartawan 17, 46, 77, 88, 120
Watak 62, 69, 74, 77, 83, 84, 88, 89, 90, 91, 92, 110, 111, 112, 115, 121, 122, 123, 125, 126, 136, 144, 145, 153

## Z

Zaman 44, 46, 48, 49, 50, 51, 71, 73, 74, 75, 77, 85, 86, 88, 94, 98, 143, 148
Ziela Jalil 86, 122

# BIBLIOGRAFI

## 10.0 RUJUKAN

Ali Toupan Rajalee, (2021). *"Apa dosa pelakon senior?" - Jalil Hamid tak hairan dilabel hero tua, sejak muda disuruh berlakon jadi datuk* daripada https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2021/07/14/jalil-hamid-tidak-kisah-dilabel-hero-tua-sejak-umur-30-tahun-dah-bawa-watak-datuk

Astro Awani. (2017). *60 tahun kemerdekaan, merdekakah industri seni Malaysia?* astroawani.com. https://www.astroawani.com/berita-hiburan/60-tahun-kemerdekaan-merdekakah-industri-seni-malaysia-153698

Azmi Shaari, et al. (2014). Kajian Tokoh Nasional Menggunakan Pensejarahan Lisan: Satu Kajian Awal (National Figures Studies Using Oral Historiography: A Preliminary Study). *Jurnal Pembangunan Sosial, 17*. 189-201. Retrieved on October 25, 2021 from http://e-journal.uum.edu.my/index.php/jps/article/view/15818/3400

*Carian Umum*. (2017). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=CINCAI

*Carian Umum*. (2017). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=drama

*Carian Umum*. (2017). Dewan Bahasa Dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Pacat

*Carian Umum*. (2017). Dewan Bahasa Dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Lintah

*Carian Umum*. (2017). Dewan Bahasa Dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ukhuwah

Kata, M. (2013, July 20). *Dasar Industri Kreatif Negara*. Blogger. https://mimbarkata.blogspot.com/2013/07/pengenalan-dasar-seni-kreatif-negara.html

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, (2021). *Dasar Industri Kreatif Negara* daripada https://www.kkmm.gov.my/pdf/Dasar/dikn.pdf

Khalid. (2020, June 7). Media Sosial Malaysia : Viral atau Tular. Malayarama.Blogspot. https://malayarama.blogspot.com/2018/07/media-sosial-malaysia-viral-atau-tular.html?m=1

Mohd. Amin Hassan. (1974). Tradisi Lisan – Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia. *Akademika*, 4, 27-42. Retrieved on October 29, 2021 from http://journalarticle.ukm.my/4017/

Nadzan Haron. (1979). Suatu Pandangan Awal Terhadap Sejarah Lisan Dalam Konteks Pengkajian Sejarah Malaysia. 48-52. Retrieved on October 24, 2021 from http://journalarticle.ukm.my/520/1/1.pdf

Pustaka, K. D. B. (2017). *Carian Umum*. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=dubbing

Pustaka, K. D. B. (2017). *Carian Umum*. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=handyman

Pustaka, K. D. B. (2017c). *Carian Umum*. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pandemik

Pustaka, K. D. B. (2017). *Carian Umum*. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=produser

Pustaka, K. D. B. (2017). *Carian Umum*. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=syot

Pustaka, K. D. B. (2017). *Carian Umum*. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=teater

Pustaka, K. D. B. (2017). *Carian Umum*. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=wardrobe

Ridzuan Abdul Rahman. (2021, September 9). *'Terima kasih PM' - Zed Zaidi*. Harian Metro. https://www.hmetro.com.my/rap/2021/09/752898/terima-kasih-pm-zed-zaidi

Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, August 6). *Persatuan artis veteran perlu campur tangan*. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846149/persatuan-artis-veteran-perlu-campur-tangan

Siti Roudhah Mohamad Saad, et al. (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan, *Jurnal PPM, 6*, 63-76. Retrieved on October 24, 2021 from http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf

# LAMPIRAN

# 11.0 LAMPIRAN

## 11.1 Biodata Tokoh

***PENDIDIKAN***

- Menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Jalan Gurney (1), Kuala Lumpur dan menamatkan persekolahan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di Sekolah Perempuan Jalan Ampang yang kini dikenali sebagai SMK Puteri Ampang.

***Kemahiran & Kepakaran***

- Mahir dalam bidang nyanyian dan juga lakonan namun rezeki beliau lebih kepada bidang lakonan

***Sumbangan***

- Duta kepada produk tudung Hurun Ein HQ



**Nama: Norliza binti Abdullah**

**Umur: 57 Tahun**

**Tarikh Lahir: 6 Jun 1964**

**Tempat Lahir: Kuala Lumpur**

**Alamat: Bukit Antarabangsa, Kuala Lumpur**

## 11.2 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya NORLIZA BT. ABDULLAH K/P: 640606-10-7992 pada ..................................dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

..................................
(Nama tokoh NORLIZA BT. ABDULLAH
Tarikh: 21/11/2021

..................................
(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

*Rajah 1: Surat Perjanjian*

## 11.3 Senarai Soalan

## Soalan Orientasi

1. **LATAR BELAKANG**

   **a) Bolehkah puan ceritakan latar belakang mengenai puan?**

   1) Apakah nama penuh puan?
   2) Apakah nama panggilan puan?
   3) Berapakah umur puan sekarang?
   4) Dimanakah tempat tinggal puan?
   5) Bilakah puan dilahirkan?
   6) Di manakah puan dilahirkan?
   7) Di manakah puan dibesarkan?
   8) Berapakah bilangan adik-beradik puan?
   9) Apakah hobi yang puan selalu lakukan?

2. **KELUARGA**

   **a) Bolehkah puan cerita sedikit mengenai tentang keluarga puan?**

   1) Berapakah bilangan anak puan?
   2) Adakah anak puan masih belajar?
   3) Apakah nama ibu bapa puan?
   4) Apakah pekerjaan ibu bapa puan?
   5) Adakah keluarga puan juga melibatkan diri dalam industri seni?

3. **PENDIDIKAN**

   **a) Boleh puan ceritakan latar belakang pendidikan puan sebelum bekerja?**

   1) Apakah tahap pendidikan puan?
   2) Di manakah puan bersekolah rendah
   3) Pada tahun berapakah puan bersekolah rendah?
   4) Di manakah puan menerima pendidikan sekolah menengah?
   5) Pada tahun bilakah puan bersekolah menengah?
   6) Selepas sahaja tamat persekolahan, adakah puan melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi?

4. RUTIN KEHIDUPAN

**a) Bolehkah puan kongsikan sedikit rutin harian kehidupan puan?**

1) Apakah rutin yang sering dilakukan oleh puan?
2) Pada waktu lapang, apakah rutin harian yang puan lakukan?
3) Dengan siapakah puan luangkan masa pada waktu lapang?
4) Apakah aktiviti yang puan minati?
5) Bagaimana puan bahagikan masa antara kerja dengan hal peribadi?

**Soalan Umum**

1. PENDAPAT/PERSEPSI

**a) Boleh puan bagi pendapat puan berkaitan dengan industri seni negara kita?**

1) Apakah perbezaan industri seni pada zaman dahulu dan kini?
2) Apakah perbezaan artis dulu dan sekarang?
3) Bagaimana artis dahulu mendekatkan diri dengan peminat?
4) Bagaimanakah keadaan set pengambaran dulu dan sekarang?
5) Apakah perbezaan bayaran dulu dan sekarang?
6) Apakah cabaran yang dihadapi ketika memasuki industri seni?
7) Mengapa lakonan menjadi pilihan?
8) Pada pendapat puan, adakah bidang nyanyian mempunyai pelbagai cabang/genre?

2. IDOLA

**a) Boleh puan ceritakan siapakah idola puan dalam industri seni?**

1) Siapakah nama beliau?
2) Mengapakah puan menjadikan beliau sebagai idola?
3) Pernahkah puan berjumpa dengan beliau?
4) Adakah beliau mengetahui bahawa puan menjadikan beliau sebagai idola?
5) Sejak bilakah puan mengidolakan beliau?

**<u>Soalan Spesifik</u>**

**1. UJIBAKAT**

**a) Sebelum mendapat watak yang pertama, adakah puan terlibat dengan sesi ujibakat?**

1) Di manakah ujibakat tersebut diadakan?

2) Bilakah ujibakat tersebut dibuat?

3) Siapa yang menjurikan ujibakat tersebut?

4) Bagaimanakah suasana ujibakat tersebut?

5) Apakah perasaan puan ketika itu?

**2. PENGLIBATAN AWAL**

**a) Boleh puan ceritakan apakah kerjaya pertama puan dalam bidang industri seni?**

**1) Nyanyian**

i. Bilakah puan mula menceburi bidang nyanyian?

ii. Apakah tajuk lagu pertama, puan?

iii. Siapakah penulis lirik untuk lagu tersebut?

iv. Apakah mesej yang ingin disampaikan dalam lagu tersebut?

v. Berapa buah lagu yang telah dinyanyikan oleh puan?

**2) Lakonan**

i. Bilakah puan mula menceburkan diri dalam bidang lakonan?

ii. Bagaimana puan boleh terlibat dalam lakonan?

iii. Siapakah yang bertanggungjawab membawa puan dalam bidang lakonan?

iv. Apakah tajuk filem pertama puan?

v. Filem tersebut menceritakan tentang apa?

vi. Siapakah pelakon-pelakon yang terlibat dalam filem tersebut?

vii. Apakah watak yang dipegang oleh puan.

viii. Di manakah lokasi pengambaran filem tersebut?

ix. Pengalaman puan di set?

x. Berapakah bayaran yang diterima ketika itu?

xi. Bagaimana penerimaan masyarakat pada masa itu?

**3. DRAMA-DRAMA LAKONAN**

**a) Adakah puan ada menerima tawaran lakonan selepas filem pertama ditayangkan?**

1) Berapa filem/drama/telefilem yang dilakonkan selepas itu?
2) Apakah antara tajuk filem/drama/telefilem tersebut?
3) Siapakah pelakon yang puan rapat?
4) Mengapa puan rapat dengan beliau?
5) Drama yang manakah memberi kesan kepada puan?
6) Mengapa drama tersebut memberi kesan kepada puan?

**b) Sebagai seorang artis yang telah lama berada dalam industri seni, boleh puan ceritakan watak yang telah puan bawa selama ini?**

1) Apakah watak yang disukai?
2) Mengapa puan suka watak tersebut?
3) Adakah puan akan menerima semua watak?
4) Apakah watak yang belum tercapai?
5) Mengapa puan ingin watak tersebut?
6) Adakah watak yang dibawa oleh puan itu dikritik oleh masyarakat?
7) Mengapa ia dikritik?

**4. KENANGAN**

**a) Boleh puan ceritakan kenangan manis yang puan dapat dalam industri seni ini?**

1) Apakah kenangan manis yang masih segar dalam ingatan puan sehingga sekarang?
2) Apakah kenangan manis bersama pelakon-pelakon yang puan pernah bekerjasama?
3)Apakah kenangan manis bersama krew-krew produksi yang puan pernah bekerjasama?

**b) Boleh puan ceritakan kenangan pahit yang puan hadapi dalam industri seni?**

1) Liku-liku kehidupam puan yang tak boleh dilupakan?
2) Apakah pengalaman yang paling pahit dalam kehidupan puan yang tidak dapat dilupakan?
3) Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang berlakon?
4) Kenangan pahit bersama pelakon-pelakon yang pernah bekerjasama.
5) Kenangan pahit bersama krew-krew produksi yang dia pernah bekerja?

5. PERKEMBANGAN

**a) Boleh puan kongsikan perkembangan terbaru puan sekarang?**

1) Tawaran yang puan dapat dalam masa yang terdekat ini,
2) Adakah puan menerima tawaran tersebut?
3) Mengapa puan menerima tawaran tersebut?
4) Apakah filem atau drama yang puan sedang dilakonkan sekarang?
5) Selain berlakon, adakah puan ada melibatkan diri dengan perkara-perkara lain?
6) Apakah produk yang puan pernah dutakan?
7) Mengapa puan memilih untuk menjadi duta produk tersebut?

6. KERJAYA LAIN

**a) Selain berlakon, apakah punca rezeki puan yang bukan melibatkan seni?**

1) Bagaimana puan boleh terlibat dalam bidang permodelan?
2) Kenapa puan memilih untuk terlibat dalam bidang tersebut?
3) Sejauh manakah bidang itu membantu dalam kehidupan puan?

7. ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN

**a) Apakah anugerah yang pernah puan perolehi sepanjang menceburi bidang lakonan atau nyanyian?**

1) Siapakah yang memberi anugerah kepada puan ketika itu?
2) Yang manakah anugerah yang memberi impak dalam diri puan?

**b) Adakah puan pernah mendapat apa-apa gelaran?**

1) Pada tahun bila puan mendapat gelaran tersebut?
2) Mengapa puan diberi gelaran seperti itu?

**c) Apakah pengiktirafan yang pernah puan perolehi?**

1) Pada tahun bila puan mendapat pengiktirafan tersebut?
2) Bagaimana puan boleh mendapat pengiktirafan tersebut?

**8. SUMBANGAN**

**a) Boleh puan kongsikan sedikit, apakah sumbangan yang pernah disumbangkan oleh puan sepanjang bergelar sebagai seorang artis?**

1) Apakah sumbangan puan terhadap rakan-rakan artis?
2) Siapakah rakan-rakan artis yang pernah puan sumbangkan?
3) Atas sebab apa sumbangan itu diberikan?
4) Apakah sumbangan puan dalam industri seni?
5) Bagaimana pula sumbangan puan pada masyarakat?
6) Adakah puan ada menyertai apa-apa badan NGO sebagai sukarelawan untuk memberi sumbangan?

**9. CABARAN**

**a) Bolehkah puan ceritakan sedikit cabaran yang dihadapi untuk menaikkan nama puan dalam industri seni?**

1) Apakah cabaran puan untuk menaikkan nama puan sebagai seorang pelakon dan penyanyi?
2) Bagaimana puan menangani cabaran yang dihadapi?
3) Siapakah yang sentiasa ada disamping membantu puan dalam menyelesaikan cabaran yang dihadapi?

**10. HARAPAN**

a) Bolehkah puan kongsikan apakah harapan puan agar artis veteran terus kekal dalam industri seni?
b) Apakah harapan puan dalam industri lakonan hari ini?
c) Apakah perancangan puan untuk masa hadapan dalam lakonan?

**Soalan Tambahan**

1. Adakah puan ingin meneruskan bidang nyanyian mengikut versi yang sekarang?
2. Apakah kisah disebalik lagu yang dinyanyikan oleh puan?
3. Apakah pendapat puan berkaitan lirik lagu yang berunsurkan sindiran?
4. Bagaimana situasi di set penggambaran pada zaman dulu dan sekarang?
5. Apa yang dimaksudkan dengan drama radio?
6. Bagaimana untuk mendapatkan semula perasaan sedih atau marah ketika di set penggambaran?
7. Berapa lama puan mengambil masa menghafal dialog untuk satu babak?
8. Adakah puan akan melihat semula cerita yang dilakonkan oleh puan sendiri?
9. Adakah puan menyertai sebarang kelas lakonan untuk mempertingkatkan ilmu lakonan atau nyanyian?
10. Adakah puan ingin menyertai teater semula?
11. Apakah gelaran yang diingati oleh puan?
12. Bagaimana perasaan puan apabila menerima anugerah di ABPBH baru-baru ini?

## 11.4 Diari Penyelidikan

| Tarikh | Masa/Lokasi | Tindakan |
|---|---|---|
| 10/10/2021 | 2:15 p.m<br>Telegram | • Pensyarah memberi sedikit penerangan mengenai tugasan yang perlu dilakukan pada semester kali ini.<br>• Garis panduan tugasan berkenaan sejarah lisan dan tarikh penghantaran telah diberikan<br>• Pemilihan rakan untuk menyiapkan tugasan dan pemilihan artis veteran<br>• Artis yang dipilih ialah AR Badul |
| 13/10/2021 | 8:00 a.m<br>Google Meet | • Pensyarah memberi penerangan berkaitan dengan kertas kerja<br>• Pembahagian tugasan bagi menyiapkan kertas kerja |
| 14/10/2021 | 12:00 p.m<br>Telegram | • Penukaran artis<br>(AR Badul tukar kepada Liza Abdullah) |
| 17/10/2021 | 12:03 p.m<br>Telegram | • Pensyarah memberi contoh kepada pelajar berkaitan dengan kajian literature |
| 20/10/2021 | 8:00 a.m<br>Google Meet | • Pensyarah memberi penerangan berkaitan dengan soalan temubual.<br>• Liza Abdullah bersetuju untuk ditemubual |
| 21/10/2021 | 9:00 a.m<br>Kolej | • Merangka soalan temubual |
| 24/10/2021 | 2:30 p.m<br>BK 2 | • Meminta nasihat daripada pensyarah berkaitan dengan kertas kerja yang telah dilakukan.<br>• Kami perlu melakukan pembetulan pada kertas kerja yang telah disemak oleh pensyarah |
| 27/10/2021 | 8:15 a.m<br>Google Meet | • Pensyarah menerangkan teknik temubual |

| | | |
|---|---|---|
| 29/11/2021 | 11:00 am<br>Kolej | • Menghubungi artis untuk menetapkan tarikh dan masa untuk melakukan preliminary |
| 31/10/2021 | 2:17<br>Google Meet | • Meminta nasihat dengan pensyarah bersama rakan-rakan berkaitan dengan kertas kerja yang telah dirangka |
| 8/11/2021 | 5:00 p.m<br>Google meet | • Kami melakukan preliminary bersama Liza Abdullah<br>• Memberitahu dengan lebih lanjut berkaitan dengan tugasan yang akan dijalankan.<br>• Menetapkan masa, tarikh dan tempat untuk melakukan temubual. |
| 10/11/2021 | 8:30 a.m<br>Google Meet | • Pensyarah menerangkan panduan untuk menulis transkrip |
| 14/11/2021 | 9:00 a.m<br>Ufuture | • Penghantaran kertas kerja |
| 18/11/2021 | 9:00 a.m<br>Ufuture | • Penghantaran soalan temubual |
| 19/11/2021 | 10:00 p.m<br>Whatsapp | • Menyiapkan sura-surat penting untuk diberikan kepada tokoh |
| 21/11/2021 | 1:00 p.m<br>Kuala Lumpur | • Menjalankan sesi temuramah bersama artis veteran iaitu Liza Abdullah<br>• Penyampaian cenderamata |
| 24/11/2021 | 9:20 a.m<br>Telegram | • Pembetulan di bahagian permasalahan kajian, objektif kajian, dan persoalan kajian.<br>• Pensyarah menunjukkan contoh kertas kerja yang telah dibetulkan untuk dijadikan rujukan bagi menyiapkan artikel dan transkrip. |
| 25/11/2021 | 10:00 a.m<br>Whatsapp | • Mengumpulkan rakaman temubual<br>• Pembahagian tugasan untuk penghasilan transkrip<br>• Penghasilan transkrip bermula |

| | | |
|---|---|---|
| 2/12/2021 | 11:52 a.m<br>Telegram | • Pensyarah memberi panduan penulisan artikel |
| 12/12/2021 | 2: 00 p.m<br>Kolej | • Proses menyiapkan transkrip |
| 14/12/2021 | 8:15 a.m<br>DK 2 | • Proses menyiapkan transkrip dan disemak oleh pensyarah<br>• Pemilihan tajuk untuk penulisan jurnal artikel |
| 20/12/2021 | 8:00 p.m<br>Whatsapp | • Pembahagian kerja untuk penulisan jurnal artikel |
| 9/1/2022 | 2:00 p.m<br>Ufuture | • Penghantaran transkrip dan rakaman temubual |

## 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan



*Rajah 2: Sesi Penyampaian Cenderamata*



*Rajah 3: Penemubual dan Videographer bersama Liza Abdullah*



*Rajah 4: Pemenang Kategori Watak Antagonis Popular*




*Rajah 5:Pemenang Pelakon Antagonis Terbaik*